

DR.27.3.2001

Belum dikemaskini

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 27 Mac 2001**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis]** minta Menteri Kesihatan menyatakan jenis-jenis ubat herba yang diharamkan pengedarannya dan apakah kandungan dadah yang terdapat dalam ubatan tersebut dan kesan sampingan ke atas pengguna.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]:**

Tuan Yang di-Pertua, semua keluaran ubat-ubatan perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik Tahun 1984.

Keluaran tradisional yang mengandungi herba tidak terkecuali daripada peraturan-peraturan ini. Ubat-ubat yang tidak berdaftar tidak dibenarkan diimport, dijual atau dibekalkan kepada orang ramai. Semasa permohonan dikemukakan pemohon perlu menyatakan kandungan herba dengan nama botanikal. Keluaran tradisional yang mengandungi herba tertentu tidak akan didaftarkan dan dengan itu tidak dibenarkan dipasarkan di negara kita. Di antaranya ialah keluaran yang mengandungi herba *Hydrastis canadensis* kerana dilaporkan menyebabkan gangguan sistem saraf, *Chapparal (Larrea tridentata dan Larrea mexicana)* yang dilaporkan menyebabkan kerosakan hati; herba *Magnolia officinalis* dan *Stephania tetandra* yang dilaporkan menyebabkan kerosakan buah pinggang.

Kementerian juga memantau kesan keluaran yang berdaftar. Pada tahun 1999 Pihak Berkuasa Kawalan Dadah telah membatalkan pendaftaran keluaran yang mengandungi *aristolochia (Aristolochia fangchi)* yang dilaporkan boleh mengakibatkan kerosakan buah pinggang (*chronic interstitial nephropathy, interstitial fibrosis dan end stage renal failure*).

Keluaran tradisional yang mengandungi herba di mana terdapat alkaloid yang dikawal di bawah Akta Racun 1952 seperti *blacknightshade (solanum nigrum)*, *calabar bean (physostigma venenosum)*, *hyoscyamus niger*, *lobelia nicotianifolia* dan lain-lain juga tidak akan didaftarkan.

Selain dari herba keluaran tradisional juga tidak dibenarkan mengandungi logam berat plumbum dan arsenik melebihi had maksimum yang dibenarkan. Kandungan arsenik yang tinggi dalam jangka panjang menyebabkan pigmentasi pada kulit, kulit kering dan menebal, gatal-gatal dan otot-otot lemah. Plumbum pula mengakibatkan kurang selera makan, pucat, muntah-muntah, gangguan saraf atau mental dan sawan. Raksa pula mengakibatkan muntah-muntah, cirit-birit berdarah, gangguan saraf dan gangguan fungsi buah pinggang.

Orang awam adalah dinasihatkan supaya menyemak nombor pendaftaran pada label keluaran tradisional (dilabel sebagai MAL atau PBKD dan diikuti dengan 8 atau 6 angka dan diakhiri dengan huruf T) untuk memastikan ubat yang dibeli adalah berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah.

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah kementerian memperkenalkan pada label dan kotak ubat untuk membezakan kandungan sama ada baik atau tidak? Masalahnya para pengguna tidak sedar perkara ini disebabkan pekedai tidak memberitahu mereka dan apakah kementerian bercadang untuk meminta pekedai ubat senaraikan ubat bahaya atau tidak untuk pengguna membuat pilihan. Terima kasih.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, ubat-ubat ini seperti yang diminta oleh Yang Berhormat adalah diklasifikasikan kepada schedule dan unschedule poisons dengan izin, di mana schedule poisons ini cuma boleh diperolehi dengan terdapatnya preskripsi daripada doktor ataupun pakar.

Tujuan kita mengadakan pendaftaran ubat-ubatan ini adalah untuk memastikan segala ubat-ubatan yang ada di pasaran ini adalah yang selamat untuk digunakan oleh pengguna.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada kementerian memantau kandungan-kandungan herba di dalam – yang didagangkan sebagai supplementary food terutama yang dilakukan oleh syarikat-syarikat yang mengendalikan direct selling, herba content di dalam supplementary food yang dijual sebagai vitamins, sebagai

makanan tambahan yang juga mengandungi herba sama ada kementerian memantau kandungan-kandungan herba dalam bekalan bahan makanan seperti ini? Terima kasih.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, menurut Akta Jualan Dadah (Pindaan) 2000 yang telah diluluskan semua bahan yang mempunyai unsur elemen ubatan itu tertakluk kepada Akta Jualan Dadah. Tetapi yang berkaitan dengan supplementary food dengan izin, itu terpulang kepada label yang terkandung pada bahan-bahan makanan. Dan setiap makanan mestilah mengikuti peraturan berkaitan dengan label makanan yang ditentukan.

Jadi, label yang dinyatakan itu mestilah memadai dengan apa yang dikatakan di dalam label itu dan makanan itu mestilah sama dengan apa yang dilabelkan di situ. Kalau tidak, maka Bahagian Kawalan Mutu Makanan boleh mengambil tindakan terhadap makanan-makanan yang tidak mengikuti spesifikasi di dalam labelnya.

2. **Dato' Mohd. Zain bin Omar [Balik Pulau]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah usaha-usaha yang diambil untuk mengatasi permasalahan rumah guru. Nyatakan juga berapakah jumlah perancangan pembinaan pada jangka RMK-7 dan RMK-8 serta kos dan jumlah unit yang dicadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ingin saya sampaikan ucap selamat menyambut tahun baru Hijrah kepada semua Ahli Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan senantiasa prihatin terhadap masalah perumahan yang dihadapi oleh guru-guru. Oleh itu usaha-usaha untuk mempercepatkan pembinaan rumah guru telah dilaksanakan bagi memberi kemudahan rumah guru yang mencukupi di kawasan yang memerlukan. Pelbagai kaedah telah dilaksanakan iaitu pembinaan rumah guru secara konvensional, pembelian terus daripada pemaju dan melalui kaedah penswastaan.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak 30,376 unit rumah guru telah dan sedang dibina dengan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM780 juta. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, Kementerian Pendidikan merancang untuk membina sebanyak 9,235 unit rumah guru. Ini termasuk 1,313 unit bagi menggantikan rumah-rumah guru yang daif dengan anggaran kos berjumlah RM901 juta. Apa yang dimaksudkan dengan secara konvensional ialah rumah-rumah yang dibina oleh Jabatan Kerja Raya yang mana dapat 10,376 unit. Manakala pemberian

terus dari pemaju ia dibina oleh pihak pemaju dan kerajaan beli bangunan yang sudah siap sebanyak 508 unit, manakala kaedah penswastan kita ada mempunyai dua fasa. Fasa 1 di mana kita telah membina sebanyak 10,000 unit oleh Endcove, manakala Fasa 2 pula iaitu diperuntukkan RM10,000 unit oleh 19 buah syarikat. Terima kasih.

3. **Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pendapat sesetengah golongan yang mengatakan bahawa perpaduan Melayu adalah kurang penting berbanding perpaduan nasional di Malaysia itu benar. Tidakkah perpaduan Melayu merupakan komponen utama kepada perpaduan nasional.

**Perdana Menteri [Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan nombor 24 pada 28 Mac 2001.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.

**Perdana Menteri:** Perpaduan Melayu yang dimaksudkan oleh UMNO bukanlah perpaduan secara total sehingga mereka tidak boleh ada hubungan ataupun kerjasama dengan orang bukan Melayu sama sekali. Ia juga bukan untuk bermusuh dan menentang atau berperang dengan bukan Melayu. Perpaduan ini hanyalah untuk mempertahankan apa yang sudah pun diiktiraf sebagai hak orang Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan Negara khususnya disebut dalam Perlembagaan Negara bahawa:

- orang Melayu iaitu penduduk asal negeri-negeri Melayu mempunyai hak yang istimewa sebagai rakyat Malaysia;
- Bahasa Melayu diiktiraf sebagai Bahasa Kebangsaan Negara Malaysia;
- Agama Islam adalah agama rasmi Malaysia;
- Raja-raja Melayu adalah Raja Berperlembagaan di negeri-negeri yang menjadi sebahagian daripada Malaysia.

Perpaduan Melayu hanya diperlukan jika ada cabaran berkenaan empat perkara di atas. Cabaran ini mengancam hak semua orang Melayu sama ada daripada parti UMNO, PAS ataupun lain-lain.

Justeru itu mempertahankannya tidak menguntungkan UMNO daripada segi politik parti. Yang untung ialah semua orang Melayu dan semua mereka patut

terlibat dengan pertahanan ini. Tanpa penyertaan Melayu PAS akan ada persepsi bahawa sebenarnya Melayu PAS tidak bersetuju dengan adanya hak istimewa orang Melayu, Islam sebagai agama rasmi, bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan Raja-raja Melayu sebagai raja negeri-negeri Melayu.

Jika PAS ternampak rela menggugurkan keempat-empat perkara ini dan KeADILan pula menafikan kemelayuannya, maka sukarlah bagi UMNO sahaja mempertahankan dengan jayanya. Sebab itulah Melayu UMNO dan Melayu PAS harus ketepikan parti dan bersatu padu mempertahankan perkara-perkara yang mengancam kedua-dua Melayu PAS dan UMNO dan lain-lain Melayu.

UMNO tidak menolak perpaduan nasional tetapi mempertahankan hak-hak Melayu, tidak akan menjejaskan perpaduan nasional sebaliknya ia akan kukuhkan lagi perpaduan nasional yang telah tercapai. Buktinya ialah secara umum semua rakyat Malaysia bersatu menentang penyagak mata wang baru-baru ini tanpa mengambil kira kaum ataupun parti. Tetapi jika Melayu PAS mengasingkan diri dari Melayu UMNO dan Melayu lain, maka perpaduan nasional tidak akan menjadi penuh kerana Melayu PAS tidak menyertainya.

Parti PAS tidak akan terhapus kerana Melayu PAS bersepadu dengan Melayu UMNO hanya dalam mempertahankan hak orang Melayu. Dalam perkara lain PAS boleh terus bermusuh dengan UMNO. Betapa pentingnya perpaduan Melayu telah diperlihatkan semasa perjuangan melawan Malayan Union dan menuntut kemerdekaan. Pada masa itu hampir semua orang Melayu bersatu dalam UMNO dan penjajah terpaksa tunduk kepada tuntutan UMNO.

Jika pada masa itu terdapat perpecahan yang ketara di kalangan orang Melayu seperti sekarang, sudah tentu penjajah tidak akan layan tuntutan orang Melayu dan syarat-syarat yang melindungi orang Melayu mungkin tidak dipersetujui. Tetapi kerana UMNO mewakili hampir semua orang Melayu, iaitu orang Melayu bersatu padu dalam UMNO segala tuntutan UMNO diterima dan orang Melayu terselamat dari ancaman bahawa perpaduan Melayu dalam UMNO di waktu itu tidak menjejaskan perpaduan nasional terbukti jelas kerana orang Cina dan India turut menuntut kemerdekaan bersama-sama orang Melayu UMNO serta menerima syarat-syarat yang melindungi hak dan keistimewaan orang Melayu dimaktubkan dalam Perlembagaan.

Perpaduan nasional juga terbukti kerana hak kaum lain juga dijamin oleh Perlembagaan Malaysia. Oleh itu perpaduan Melayu adalah baik bagi Malaysia dan akan menyumbang kepada perpaduan nasional.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang tertarik dengan jawapan Yang Amat Berhormat yang sudah berfikir dengan sedalam-dalam yang boleh. Cuma saya dapat – semua kaum yang datang hari ini, baik juga dengan kehadiran Yang Amat Berhormat sangat mempesonakan semuanya.  
*[Disampuk] [Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, teruskan soalan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Soalan memang banyak. Soal perpaduan memang banyak. *[Disampuk]* Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada negara ini pada suatu ketika Yang Amat Berhormat membangkitkan bangsa Malaysia dengan wawasan Malaysia memang satu konsep yang diterima oleh semua kaum kerana kita percaya kepada bangsa Malaysia, 'Malaysia Boleh' tetapi dengan hanya pada ketika ini menekankan perpaduan Melayu sahaja.

Apakah akan terjadi sekiranya kaum India pun hendak perpaduan sendiri, kaum Cina pun hendak perpaduan sendiri, kaum Iban dan Kadazan pun berbuat demikian. *[Disampuk]* Apakah akan terjadi dengan negara ini? Sebab Yang Amat Berhormat, kita boleh nampak sekarang suasana kecuali dengan peristiwa Taman Medan, suasana lebih baik kalau dibandingkan dengan 1957. Banyak perkara, tidak mengenal kaum lagi dan dengan keadaan sedemikian, apakah Yang Amat Berhormat akan buat untuk memastikan konsep bangsa Malaysia itu dapat dikuatkuasakan, dapat diamalkan di negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ingin mendapatkan satu bangsa Malaysia yang tulen, cara yang terbaik ialah dengan cara asimilasi iaitu semua kaum yang bukan Melayu akan diserap menjadi Melayu semua termasuklah mengislamkan mereka, maka dengan itu akan wujudlah bangsa Malaysia tetapi kita lebih liberal di sini. Kita tidak mahu mereka menukar agama mereka, nama mereka, bahasa mereka tetapi dalam soal-soal yang mempunyai kepentingan bersama untuk negara, mereka harus bersatu-padu sebagai bangsa Malaysia.

Umpamanya seperti saya sebutkan tadi, semasa kita melawan penyangak mata wang, rakyat Malaysia bersatu-padu dengan kerajaan menyokong, tidak menimbulkan masalah, tidak ada rusuhan di jalan, tidak ada percubaan untuk menggulingkan kerajaan tetapi rakyat Malaysia sebagai bangsa Malaysia menyokong tindakan kerajaan sebab itu kita berjaya. Kalau masing-masing kaum ingin mengadakan perpaduan mereka, tidak jadi masalah kerana perpaduan itu adalah terhad. Terhad untuk menjaga kepentingan kaum itu dalam rundingan-rundingan antara kaum tetapi walaupun mereka bersatu-padu mengikut kaum, termasuk orang Iban sama orang Iban, orang Kadazan sama orang Kadazan, dalam soal negara mereka akan bersatu-padu sebagai bangsa Malaysia.

Jadi, keadaan ini tidak menjadi masalah kalau orang Melayu bersatu-padu tetapi perpaduan itu seperti saya sebut dalam jawapan saya adalah terhad. Terhad kepada mempertahankan beberapa perkara yang sudah pun ada dalam Perlembagaan Negara kita, tidak minta lebih. Kalau kita hendak menuntut supaya orang Cina tidak boleh jadi rakyat Malaysia, mereka mesti terima agama Islam, tukar nama mereka, masuk 'jawi' dan sebagainya. [*Ketawa*] Itu kita tidak suruh, kita menuntut apa yang sudah menjadi hak pada kita dan tidak menyentuh hak orang lain sebabnya kita tahu bahawa walaupun agama Islam adalah agama rasmi tetapi agama-agama lain boleh dianuti oleh orang lain. Bahasa Malaysia adalah bahasa berasaskan kepada bahasa Melayu tetapi bahasa-bahasa lain boleh diguna sehingga ke sekolah, sehingga ke urusan mereka sendiri.

Kita tidak ada halangan. Kita adalah sebuah negara majmuk yang begitu liberal, lebih liberal daripada Amerika Syarikat [*Tepuk*] Umpamanya penduduk Amerika Syarikat terdiri daripada pelbagai kaum tetapi bahasa kebangsaan adalah bahasa Inggeris, bahasa di sekolah, bahasa Inggeris ataupun *English American*lah, tidak boleh ada bahasa lain yang disokong oleh kerajaan. Di sini kerajaan membantu, sekolah Cina kita bantu, sekolah Tamil kita bantu, banyak kegiatan, sehingga kepada bangunan kuil pun kita ada bagi bantuan, gereja pun kita bagi bantuan. Kita lebih liberal daripada kerajaan-kerajaan lain di dunia ini. Kita boleh berbangga dengannya.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kami amat menginsafi akan premis perpaduan Melayu yang telah pun dihuraikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dalam hal ini saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat, bagaimanakah apabila telah diwujudkan

satu persetujuan untuk mengadakan dialog perpaduan Melayu di antara UMNO dengan PAS, maka pihak PAS pula mengeluarkan beberapa syarat dan meminta perkara ini supaya dilebarkan kepada premis Perpaduan Nasional. Adakah ini memberi gambaran bahawa seolah-olah PAS ini ditekan oleh kehendak-kehendak bukan Melayu supaya menggagalkan Dialog Perpaduan Melayu itu. Terima kasih.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada PAS ditekan oleh bukan Melayu atau oleh ahli PAS sendiri tetapi syarat-syarat ini sebenarnya tidak ada kena-mengena dengan perpaduan. Namun UMNO tidak mahu menolak syarat-syarat ini supaya tidak memberi peluang sesiapa menuduh bahawa UMNO tidak ingin kepada perpaduan. Kita ingin perpaduan yang terhad, yang saya nyatakan tadi.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Satu ketika dahulu ketika negeri Kelantan berusaha untuk melaksanakan syariat, hukum-hukum dan undang-undang Islam, satu alasan yang sentiasa diberikan oleh pihak UMNO khasnya adalah undang-undang Islam tidak boleh dilaksanakan di Malaysia atas alasan Malaysia bersikap majmuk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Apa kaitan dengan soalan ini?

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Soalannya ialah, alasan yang diberikan ialah masyarakat majmuk ketika hendak melaksanakan undang-undang Islam, masyarakat majmuk dijadikan alasan tetapi sekarang ini apabila sokongan orang-orang Melayu terhadap UMNO merosot... [Disampuk] tiba-tiba isu yang berkaitan dengan masyarakat majmuk dilupakan, berbincang hanya tentang perpaduan Melayu, berbincang tentang perpecahan Melayu di mana Melayu sebenarnya tidak berpecah, yang berpecah hanyalah Melayu dalam UMNO [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya Yang Berhormat.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Saya ingin mendapat penjelasan juga daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bila menyebut soal jawapan tadi menyatakan bahawa UMNO mewakili semua orang Melayu. Apakah autoriti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyebut perkataan ini kerana jelas .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Semua orang Melayu ini semasa menentang Malayan Union. Yang Berhormat mesti pasti.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** ..... pilihan raya 1999 baru-baru ini sokongan orang-orang Melayu terhadap UMNO jelas merosot. Pilihan raya yang terakhir di Lunas contohnya, sokongan orang-orang Melayu terhadap UMNO, terhadap Barisan Nasional juga jelas merosot. Jadi, apakah autoritinya mengatakan bahawa UMNO mewakili semua orang Melayu di Malaysia.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah berkata bahawa UMNO mewakili semua orang Melayu di Malaysia bahkan semasa kita menentang Malayan Union pun ada juga orang Melayu yang tidak sokong. Dan di waktu kita menuntut kemerdekaan, ada orang Melayu yang kata, orang Melayu tidak boleh buat jarum, jadi oleh kerana itu tidak layak merdeka. Jadi, orang Melayu macam itu ada dalam PAS lah *[Tepuk]*

Berkenaan dengan undang-undang Islam, kita tidak pernah berkata bahawa undang-undang Islam tidak boleh dilaksanakan di Malaysia. Kita kata undang-undang Islam dilaksanakan mengikut kemampuan sesuatu negara. Kalau kita duduk di dalam sebuah negara yang mana majoriti terdiri daripada bukan Islam, percubaan untuk melaksanakan undang-undang Islam hanya akan menimbulkan masalah dan Islam tidak suruh kita membuat sesuatu yang menimbulkan masalah. Di dalam negara kita, banyak undang-undang Islam telah pun kita laksanakan tetapi PAS sengaja bangkitkan soal hudud ini kerana ingin menimbulkan masalah kepada kerajaan dan menjadikan ini sebagai bahan untuk mereka meraih sokongan bagi mereka.

Sekarang ini mereka berada sebagai kerajaan di negeri Kelantan dan Terengganu, cubalah macam mana dia hendak laksanakan semua undang-undang Islam, *[Tepuk]* dia pun tidak upaya juga.

Berkenaan dengan sokongan kepada UMNO ini merosot, ia bukan merosot. Sebenarnya kita menang 72 kerusi, dia menang 27 kerusi. *[Tepuk]* Lebihlah sedikit daripada dahulu tetapi hanya kerana mata lebam, bukan kerana apa-apa lain, bukan kerana kebolehan PAS tertentu untuk mendirikan kerajaan yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara. Pi dok tayang mata lebam itu dan kata saya yang pukul sifulan-sifulan. Kalau ini cara, satu parti yang ingin menjadi pemerintah, saya khawatir apa akan jadi kepada negara kita.

Berkenaan dengan soal kemenangan PAS yang sedikit pada tahun 1999, itu perkara biasa. Dahulu pun sekali Kelantan dan Terengganu dimenangi oleh PAS tetapi akhirnya ia kembali kepada UMNO apabila orang semuanya sedar PAS tidak

boleh buat apa-apa yang baik selain daripada memecahbelahkan orang Melayu, hendak sembahyang pun tidak boleh, apa pun tidak boleh. Inilah yang dibawa oleh PAS dan saya yakin bahawa rakyat sudah pun sedar sekarang ini tentang niat ataupun cara-cara dan pendekatan PAS ini yang langsung tidak menyumbang kepada kebahagiaan Islam ataupun umat Islam. Saya yakin mereka akan teruk dalam tahun 2004. *[Tepuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersyukur pada pagi ini dengan jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jelas dan terang *[Disorak]* Jelas sejelas-jelasnya. Saya harap jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menjadi panduan kepada seluruh rakyat Malaysia... *[Disorak]* ...kerana jelas dan terang bahawa UMNO lah pendukung utama kepada perpaduan Melayu *[Tepuk]* Dan dengan perpaduan Melayu itu juga akan menjadi teras yang utama kepada perpaduan negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, apa soalnya Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tetapi saranan yang suci ini telah cuba dipolitikkan oleh setengah-setengah pihak kerana kepentingan politik. Saya hendak tanya soalan, apa tindakan kita seterusnya dalam menghadapi taktik-taktik kotor parti-parti politik khasnya PAS yang begitu takbur pada hari ini. Sebenarnya takbur ini akan membunuh PAS pada tahun 2004. *[Tepuk]* Apa saranan-saranan yang boleh dimainkan oleh rakyat dalam mengetepikan segala putar-belit PAS dalam hal perpaduan Melayu dan perpaduan negara. Terima kasih.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kita percaya kepada sistem demokrasi tetapi kita juga percaya kepada pemerintahan mengikut undang-undang. Kalau mana-mana pihak menyalahi undang-undang maka tindakan akan diambil tetapi kita tidak akan mengambil tindakan undang-undang dengan sewenang-wenang. Kita akan memberi peluang kepada mereka untuk membetulkan diri mereka. Apabila mereka melakukan kesalahan terutama kesalahan seperti menuduh orang UMNO ini kafir, membuat kenyataan dan amanat dan sebagainya yang tidak hendak ditarik balik. Kononnya tidak boleh ditarik balik kerana ini adalah pendapat seorang ulama. Kalau dia hendak buat macam itu, kita akan terangkan betapa mereka telah menyeleweng daripada memegang kepada ajaran Islam yang

sebenarnya. Sebenarnya mereka memperalatkan Islam untuk mengelirukan dan menggagalkan pegangan orang Islam kepada ajaran Islam yang sebenar.

4. **Tuan Saupi bin Daud [Tanah Merah]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan, apakah faktor-faktor yang menyebabkan harga komoditi utama negara getah dan kelapa sawit begitu rendah. Apa tindakan kerajaan dalam jangka pendek dan panjang untuk meningkatkan pendapatan para petani, peneroka dan penoreh getah yang terhimpit akibat kejatuhan harga hasil pertanian dan komoditi secara mendadak ini.

**Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tanah Merah, saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab bersekali pertanyaan-pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat berikut:

- Yang Berhormat bagi Pendang pada 28 Mac 2001;
- Yang Berhormat bagi Telok Intan pada 2 April 2001;
- Yang Berhormat bagi Sibu pada 4 April 2001;
- Yang Berhormat bagi Kuala Selangor pada 5 April 2001;
- Yang Berhormat bagi Pasir Mas pada 9 April 2001;
- Yang Berhormat bagi Sri Aman pada 11 April 2001;
- Yang Berhormat bagi Kubang Kerian pada 11 April 2001;
- Yang Berhormat bagi Batu pada 12 April 2001;
- Yang Berhormat bagi Sri Aman pada 17 April 2001;
- Yang Berhormat bagi Besut pada 18 April 2001;
- Yang Berhormat bagi Shah Alam pada 23 April 2001;
- Yang Berhormat bagi Sri Gading pada 26 April 2001;
- Yang Berhormat bagi Baram pada 2 Mei 2001;
- Yang Berhormat bagi Ipoh Timur pada 3 Mei 2001; dan
- Yang Berhormat bagi Rompin pada 3 Mei 2001.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ini adalah kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama iaitu kebajikan pekebun kecil berikutan kejatuhan harga kelapa sawit dan getah, penjelasan mengenai faktor-faktor yang mengakibatkan kejatuhan harga komoditi tersebut dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dalam menangani kejatuhan harga komoditi terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor utama yang menyumbang kepada kejatuhan harga komoditi getah dan kelapa sawit adalah seperti berikut:

Bagi kejatuhan harga getah ;

- (i) ialah penawaran melebihi permintaan. Memandangkan komoditi ini diniagakan di pasaran antarabangsa, maka harga ditentukan oleh kuasa pasaran, dengan izin, *market forces*. Apabila penawaran melebihi permintaan maka timbullah masalah lebihan yang menyebabkan harga menurun;
- (ii) permintaan ke atas getah dipengaruhi oleh perkembangan ekonomi negara-negara pengguna yang mengalami pertumbuhan yang tidak menggalakkan dan kelembapan perniagaan syarikat-syarikat pengguna getah dunia;
- (iii) stok yang mencukupi dalam simpanan pengguna dan sentimen pasaran, dengan izin, *market sentiment*, akibat persepsi mereka tentang kelembapan ekonomi negara-negara pengguna semasa dan untuk jangka waktu terdekat;

Bagi kejatuhan harga kelapa sawit pula,

- (i) lebihan stok yang tinggi pada akhir tahun 1999 iaitu sebanyak 1.18 tan. Stok akhir yang tinggi ini adalah akibat pengeluaran yang tinggi pada tahun 1999 iaitu 10.5 juta tan, peningkatan sebanyak 27% berbanding 8.3 juta tan tahun 1998;
- (ii) peningkatan pengeluaran sebanyak 2.8% kepada 10.8 juta tan tahun 2000 berbanding dengan tahun 1999;
- (iii) permintaan eksport yang lembap sepanjang tahun 2000 dan ini menyebabkan kadar purata stok bulanan di Malaysia melebihi 1 juta tan, dan mencapai tahap paling tinggi sekarang ini ialah 1.5 juta tan pada Januari tahun 2001;
- (iv) bekalan minyak sayuran di pasaran dunia yang berlebihan pada tahun 1999 dan 2000 melebihi permintaan menyebabkan stok dunia bagi semua minyak sayuran dan lemak meningkat ke paras 14.3 juta tan pada tahun 1999 dan 14.8 juta tan pada tahun 2000. Pertambahan stok ini menyebabkan harga bagi kesemua minyak dan lemak sayuran menurun antara 31.6%

sehingga 53.8% pada tahun 2000 berbanding dengan tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jelaskan sebentar tadi, secara persendirian Malaysia tidak berkuasa membuat sesuatu untuk mempengaruhi pasaran dunia memandangkan sawit adalah salah-satu daripada sejumlah 16 minyak sayuran yang didagangkan di pasaran minyak dan lemak dunia. Juga, Malaysia hanyalah negara ke-4 terbesar pengeluar getah asli dunia sekarang ini, selepas Thailand, Indonesia dan India.

Namun begitu, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan sentiasa prihatin terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh para petani, khususnya pekebun kecil getah dan kelapa sawit, beberapa langkah telah, sedang dan akan diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan tekanan ekonomi terhadap pekebun-pekebun kecil. Langkah-langkah tersebut merangkumi langkah-langkah segera, langkah-langkah jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang.

Bagi sektor getah, langkah-langkah jangka pendek ialah:

- (i) bantuan kepada petani untuk mengamalkan Sistem Torehan Intensiti Rendah, dengan izin, Low Intensity Tapping Systems (LITS) sebanyak RM1,000 sehektar bagi mereka yang mempunyai kurang dari 2.5 hektar. Penggunaan LITS pada umumnya akan dapat mengurangkan guna tenaga buruh dan meningkatkan produktiviti;
- (ii) pemberian geran dan pinjaman mudah bagi nisbah 7:3 bagi penggunaan LITS kepada mereka yang memiliki kebun lebih dari 2.5 hektar;
- (iii) membayar premium 10 sen sekilogram bagi penjualan lateks (susu getah) kepada MARDEC, RISDA, FELCRA dan pihak lain yang diberi kuasa sebab sekarang kita mengimport lateks lebih dari kita mengeluarkan lateks pada masa sekarang;
- (iv) elaun sara hidup bagi yang termiskin di bawah program sosial FELDA, FELCRA dan RISDA; dan
- (v) pembayaran balik apa-apa pinjaman di bawah skim-skim tersebut, di mana berkenaan, akan ditangguhkan selama 6 bulan atau sehingga harga komoditi berada di tahap yang lebih tinggi dan tidak membebankan mereka membayar.

Langkah-langkah jangka sederhana pula ialah:

- (i) memberi insentif kepada pekebun kecil untuk menanam semula kelapa sawit dengan getah dan pokok hutan sebanyak RM1,100 sehektar; dan
- (ii) memberi peruntukan kepada RISDA sebanyak RM100 juta untuk aktiviti ekonomi sampingan dan kepada Kementerian Pertanian sejumlah RM100 juta untuk menjalankan aktiviti ekonomi lain untuk pekebun kecil.

Selain itu, langkah-langkah jangka panjang pula ialah menimbang insentif yang sesuai untuk menggalakkan pekebun-pekebun kecil atau pengusaha di kalangan pekebun-pekebun kecil untuk menyatukan tanah atau pegangan atau operasi penanaman mereka, terutama di kalangan mereka mempunyai pegangan 4 hektar atau 10 ekar ke bawah. Di samping itu, kerajaan juga sedang meneliti penubuhan dana RM1 bilion untuk program tanam semula getah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang mana Malaysia pada tahun yang lepas hanya mengeluarkan lebih 600,000 tan getah sahaja yang sudah menjadi hanya 10% dari jumlah pengeluaran getah di seluruh dunia, kita sebagai satu negara tidak ada kemampuan atau kuasa untuk mempengaruhi harga di pasaran antarabangsa. Dengan itu adalah penting kita mencari kerjasama dari negara-negara pengeluar terbesar yang lain seperti Thailand dan Indonesia dan India untuk mengadakan satu kerjasama untuk menangani masalah-masalah yang menyebabkan kejatuhan harga getah dan masalah ialah bila pengeluaran atau stok berlebihan dari permintaan, patutlah kita kena merasionalisasikan pengeluaran....  
[Ketawa]tidak tahukah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tahu, ya, ya. Panjang lagikah, Yang Berhormat?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Merasionalisasikan pengeluaran. Yang kedua, meningkatkan penggunaan getah asli; dan yang ketiga, menguatkan pemasaran yang mana pasaran dunia adalah di dalam kawalan lima syarikat tayar terbesar ialah multinasional di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, panjang lagi sebab saya kena jawab....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Banyak soalan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** 16 soalan sekaligus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya. Sila.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, bagi sektor kelapa sawit pula, seperti yang saya jelaskan sebentar tadi, kejatuhan harga kelapa sawit adalah disebabkan lebih penawaran atau bekalan minyak sayur dunia dan lebih minyak sawit dalam negara kita. Justeru itu, sebagai pengeluar dan pengeksport utama minyak sawit dunia, kerajaan berpandangan sekiranya bekalan dapat dikurangkan, maka lambat-laun stok dunia dan stok dalam negara akan berkurangan. Jika ini berlaku, berkemungkinan besar harga sawit dapat ditingkatkan.

Untuk tujuan itu, kerajaan telah merangka dan telah, sedang dan akan melaksanakan strategi segera, jangka pendek dan jangka panjang yang boleh meningkatkan harga sawit. Langkah segera/jangka pendek untuk dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan ialah:

- (i) menggunakan Minyak Sawit Mentah (CPO) sebagai bahan bakar untuk menggantikan diesel, dengan izin, *fuel oils* yang lain di stesen jana kuasa dan lain-lain jentera swasta yang menggunakan bahan bakar. Di dalam hubungan, ini pihak industri sawit telah diminta menyumbangkan 5% daripada pengeluaran mereka di dalam satu harga tertentu bagi tujuan ini; dan
- (ii) mempercepatkan tanaman semula dengan sasaran 200,000 hektar untuk tahun ini dengan memberikan pekebun kecil insentif khas sebanyak RM1,000 se hektar sekiranya mereka menanam semula sebelum akhir tahun ini dan ini akan mengurangkan pengeluaran sejumlah 600,000 tan jika ini berjaya.

Langkah segera ini akan mengurangkan bekalan minyak sawit di pasaran dalam lingkungan 1 juta tan Minyak Sawit Mentah pada akhir 2001.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah segera ini nampaknya telah memberi kesan yang positif. Harga Minyak Sawit Mentah (CPO) telah meningkat sebanyak lebih kurang RM200 setan daripada RM650 setan pada 17 Februari 2001 kepada RM855 setan pada hari langkah-langkah yang diumumkan iaitu dua, tiga minggu lalu. So tindakan kerajaan telah memberi kesan yang positif kepada harga minyak sawit dan ini akan memberi manfaat kepada pekebun-pekebun kecil sawit.

Di antara langkah-langkah jangka sederhana pula untuk dilaksanakan dalam tempoh satu tahun ialah:

- (i) menawarkan kemudahan kredit melalui Peraturan Bayaran Kredit Minyak Sawit, dengan izin, Palm Oil Credit Payments Arrangement (POCPA) kepada negara-negara yang berpotensi mampu meluaskan pasaran dengan mengimport minyak kelapa sawit. Negara-negara tersebut ialah Rusia, Myanmar, Mesir, Bangladesh dan Korea Utara. Ini akan meningkatkan eksport minyak kelapa sawit ke negara-negara tersebut dan seterusnya membantu mengurangkan stok dalam negeri;
- (ii) membenarkan pengeksporth Minyak Sawit Mentah (CPO) mengeksporth CPO mereka ke luar negara tanpa duti;
- (iii) mengadakan peraturan perdagangan secara timbal balas, dengan izin, *counter trade* yang melibatkan pembayaran dengan minyak sawit; dan
- (iv) menyediakan dana skim pinjaman mudah sejumlah RM350 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelapan untuk pekebun-pekebun kecil menanam semula sawit tua mereka.

Langkah-langkah terakhir ini akan meningkatkan produktiviti kebun sawit pekebun kecil melalui penggunaan benih yang baik yang membolehkan sawit mengeluarkan buah selepas 3 tahun dan menghasilkan tandan segar melebihi 30 tan sehektar berbanding dengan hanya kurang daripada 20 tan sehektar pada masa sekarang. Sekiranya program penyatuan tanah atau pengusahaan atau operasi kebun dilaksanakan supaya kebun yang bersaiz ekonomik diusahakan, pendapatan petani dijangka meningkat ke tahap yang lumayan.

Langkah-langkah jangka panjang untuk dilaksanakan dalam tempoh melebihi satu tahun ialah:

- (i) sebuah konsortium antara Petronas, Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan beberapa syarikat pengeluar minyak sawit akan membina sebuah loji diesel sawit (ester metil) dengan kapasiti permulaan 500,000 tan dengan modal pelaburan RM500 juta. Loji ini akan memproses sejumlah 500,000 tan Minyak Sawit Mentah untuk dijadikan diesel sawit yang akan menggantikan

diesel petroleum sekarang ini sebagai bahan bakar. Barangkali 'bahan bakar' ada salah faham, sebagai ...*[Disampuk]*'bahan bakar' orang ingat ini bakar punya tetapi ini digunakan di dalam jentera di dalam kereta diesel. *[Ketawa]* Kadang-kadang orang tidak tahu. Yang Berhormat pandai baguslah ya. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Panjang lagikah Yang Berhormat?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Lagi lima minit.

Loji ini akan juga mengeluarkan produk sampingan nilai tinggi seperti gliserol, karotene (vitamin A dan vitamin E); dan

- (ii) mewujudkan kerjasama dengan Indonesia terutama dalam bidang pemasaran, R&D dan peningkatan penggunaan sawit sama ada di pasaran dalam dan luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, di samping langkah-langkah di atas, kementerian saya juga akan meneruskan langkah/strategi yang sedia ada, termasuklah mengadakan misi ekonomi dan teknikal minyak sawit ke luar negara terutama negara-negara yang berpotensi menjadi pengguna minyak sawit di Asia Barat, Afrika dan Amerika Latin. Misi ini akan memperkukuh dan memperluaskan pasaran sedia ada dan membuka pasaran baru. Juga, usaha-usaha ke arah mempelbagaikan kegunaan minyak sawit, meningkatkan kualiti dan memastikan kestabilan harga pada jangka masa panjang dan penerimaan yang meningkat di peringkat antarabangsa juga akan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai usaha yang saya nyatakan tadi diharap dapat meningkatkan harga sawit dan seterusnya membantu meringankan beban yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil getah dan kelapa sawit pada umumnya. Kerajaan akan sentiasa memantau keadaan dan akan mengusahakan lain-lain tindakan demi kepentingan negara dan pekebun kecil. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih kepada Dato' Menteri yang telah menerangkan kepada Dewan yang mulia ini secara panjang lebar usaha kerajaan untuk memulihkan harga kelapa sawit dan getah supaya dapat kita secepat mungkin membantu mereka yang menghadapi tekanan di luar bandar terutama sekali. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan.

Saya hendak bertanya sedikit, dalam suasana usaha kerajaan kita nampak ada kelompok tertentu dalam masyarakat kita menggunakan kesempatan ini untuk

'menanggung di air yang keruh'. Saya hendak bertanya selain daripada usaha yang dibuat, alhamdulillah, kesannya baik, RM200 harga kelapa sawit meningkat, adakah kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi usaha-usaha ini terutama sekali dari segi kerjasama antarabangsa. Yang keduanya, bagi ladang-ladang yang besar, adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan satu usaha yang diwajibkan untuk mereka mengurangkan stok, mereka untung besar semasa harga tinggi, eloklah mereka juga mengambil satu tanggungjawab sosial kepada negara untuk mengurangkan stok mereka. Ini sebagai satu tanggungjawab yang diwajibkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya rasa ini amat perlu dan juga yang keduanya ialah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:**...kerjasama antarabangsa. Saya hendak bertanya di sebelah sana sebab ada dua kerajaan negeri ini. Apa pula usaha kerajaan-kerajaan negeri ini terutama Kelantan dan Terengganu yang sehari-hari mengatakan mereka membela rakyat. *[Disorak]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Apakah usaha kerajaan negeri seperti Terengganu dan Kelantan yang hari-hari mengatakan membela tetapi apakah yang sudah dibuat oleh mereka. Adakah dia buat apa-apa, saya bertanya Dato' Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Kita memang sedar di mana sebagai satu pengeluar di antara pengeluar-pengeluar yang lain di dunia, kita kena cari kerjasama dari negara-negara yang lain yang menjadikan pengeluar yang besar. Dalam minyak sawit ialah Indonesia dan minyak-minyak sayuran yang lain tetapi dalam kerjasama ini bukan sahaja kita merasionalisasikan pengeluaran kita tetapi kena melalui R&D mencari penggunaan tambahan tetapi Yang Berhormat jangan harap kita boleh meningkatkan harga sawit atau harga getah ke satu paras yang tidak realistik.

Kita kena bersaing dengan, seumpamanya, minyak sawit bersaing dengan 16 jenis sayuran dan lelemak yang lain. Seumpamanya, minyak kacang soya adalah di paras USD300 setan pada sekarang ini ialah lebih kurang USD1,150 setan. Jika kita boleh mengurangkan harga antara minyak sawit dan minyak kacang soya di mana kita boleh meningkatkan ke paras RM950 setan, ini pun boleh memberikan kita di dalam sesuatu posisi yang mana kita boleh bersaing dengan minyak-minyak sayuran dan lelemak yang lain.

**Tuan Saupi bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. *[Disampuk oleh Yang Berhormat bagi Rompin]* Sama sahaja, Rompin pun sama sahaja.

Sebagaimana penerangan Yang Berhormat Menteri tadi, kita lihat dari segi bantuan segera, bantuan jangka pendek untuk menyelesaikan masalah ini, bahawa kerajaan memberi bantuan kepada peneroka-peneroka yang terlibat, yang terhimpit dalam suasana ini tetapi bantuan yang disampaikan oleh kerajaan, kalau dibandingkan dengan bantuan ataupun penggunaan wang rakyat untuk menyelamatkan setengah-setengah syarikat tertentu jauh lebih besar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalnya Yang Berhormat, soalan.

**Tuan Saupi bin Daud:** Ini masih lagi mengenai peneroka kelapa sawit. Saya minta supaya adakah, sebab itu kita lihat masih ramai peneroka yang meninggalkan ladang-ladang sawit dan getah untuk mencari kerja-kerja lain kerana bantuan itu masih tidak mencukupi.

Yang kedua, kalau kita lihat, ada Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa insentif khas akan diberikan sebanyak RM1,000 bagi satu hektar sebagai langkah yang secepat mungkin untuk mengatasi masalah ini tetapi pada perjumpaan saya dengan peneroka-peneroka pada dua minggu yang lepas di dalam ladang FELDA, kebanyakan ladang yang telah *expired* untuk Program Tanam Semula dan telah membuat permohonan untuk Program Tanam Semula ini, tetapi tidak mendapat kelulusan daripada pihak kementerian untuk meneruskan kerja-kerja Program Tanam Semula ini.

Saya rasa ini adalah langkah alternatif yang paling baik di mana bila harga kelapa sawit jatuh dan Program Tanam Semula ini kita teruskan dan kita berikan kepada peneroka-peneroka terlibat. Terima kasih dan saya minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, saya tahu pihak pembangkang selalu bila harga turun, dia mahukan kerajaan memberikan bantuan secara terus atau direct kepada pekebun-pekebun kecil. Tetapi saya harap Yang Berhormat tahu kita hanya boleh memberikan bantuan secara tidak langsung dan tidak boleh kita berikan terus kepada pekebun kecil seperti membeli getah dengan harga yang lebih tinggi dibandingkan dengan harga yang ada di pasaran antarabangsa. Kalau ini berlaku, barangkali banyak getah akan masuk ke dalam Malaysia dari Indonesia khususnya melalui Kelantan. *[Ketawa]* Ini kena jaga sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jawab betul-betullah, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tadi dia pusing pergi melalui Singapura, okay, melalui Singapura. Tetapi apa yang berlaku dalam insentif kita memberikan RM1,000 sehektar bagi pekebun-pekebun kecil untuk menanam semula, saya ingat insentif ini pun diberikan kepada peserta di dalam FELDA yang telah membayar semua hutang mereka dan sudah mendapatkan hak milik kepada tanah mereka sekarang. Haraplah ini bersama-sama pekebun kecil yang lain mereka boleh dapat manfaat dalam skim untuk menolong pekebun kecil ini.

5. **Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah kos perbelanjaan bagi keseluruhan kerja pembinaan Lebuhraya SPRINT; dan
- (b) Berapa lamakah bayaran tol akan dikutip jika berpandukan kepada syarat perjanjian. Berapa lamakah kadar bayaran tol akan dikaji semula.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada 12 muka surat jawapan, boleh benarkan saya jawab? *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kalau masa mengizinkan, saya benarkan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tetapi kita mesti mengguna kuasa untuk meringkaskan jawapanlah. Kalau tidak, kita duduk di sini 35 minit. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, saya kira soalan tadi okay Yang Berhormat.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Oleh kerana atas permintaan Tuan Yang di-Pertua, saya jawab dengan dua muka sahaja. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Mana-manalah. *[Ketawa]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos pembinaan Lebuhraya SPRINT iaitu Kerinchi Link, Damansara Link dan Penchala Link adalah dianggarkan sebanyak RM1,666 juta termasuk kos pengambilan balik tanah. Tempoh bagi kutipan tol ialah selama 30 tahun bermula dari tahun 2001. Mengikut syarat yang terkandung di dalam perjanjian konsesi, kadar tol akan dikaji sebanyak tiga kali bagi sepanjang tempoh konsesi, iaitu pada permulaan tahun operasi 2001 pada tahun kesembilan operasi 2009, daripada tahun kelapan belas operasi 2018.

Pecahan kos iaitu Kerinchi Link - RM496.4 juta.

Damansara Link - RM291.6 juta.

Penchala Link - RM428 juta.

Kos pengambilan balik tanah bagi ketiga-tiga projek ini iaitu RM390 juta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada soalan, masa pun sudah selesai. Terima kasih, Menteri cukup bijak dia membuat jawapan. Soalan Bagi Jawapan Lisan telah selesai.

***[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6 hingga 37 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]***

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG KOPERASI (PINDAAN) 2001**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Koperasi 1993; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**USUL****MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA  
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan ke atas usul yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesepuluh.” **[22 Mac 2001]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila Yang Berhormat bagi Rasah menyambung ucapannya. Ada 22 minit lagi.

**11.05 pagi.**

**Dato Goh Siow Huat [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, perumahan merupakan keperluan asas yang penting bagi rakyat. Kerajaan telah meluluskan banyak projek perumahan di negara kita. Ini adalah satu langkah yang amat digalakkan memandangkan populasi di negara kita telah meningkat. Tetapi didapati masalah-masalah perumahan masih kerap berlaku seperti pemendapan tanah, runtuh tanah, pergerakan tanah ataupun ancaman semut anai-anai seluas beberapa tahun iaitu tiga-lima tahun projek perumahan itu disiapkan. Saya harap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat lebih ambil berat kerja-kerja tanah khasnya tapak cerun dan kawasan paya semasa pelaksanaan sesuatu projek perumahan itu. Saya rasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu mewajibkan setiap pemaju memulakan projek perumahan

mereka selepas dua tahun kerja-kerja tanah diselesaikan supaya dalam masa dua tahun ini dapat tapak yang akan dirikan dengan bangunan rumah dapat dijamin cukup kuat, kukuh serta selamat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana populasi di negara kita kian meningkat, sampah-sarap juga semakin banyak setiap hari. Saya harap Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dapat juga ambil berat tapak pembuangan sampah sarap di seluruh negara kita seperti mengkaji pemasangan alat-alat moden untuk pelupusan sampah sarap. Ini adalah kerana dalam masa dua tahun ini sudah banyak kali kebakaran berlaku di tapak pembuangan sampah sarap seperti di Seremban dan terpaksa mengambil masa beberapa hari untuk dipadamkan. Kebakaran ini telah menyebabkan pencemaran udara yang serius dan mengancam kesihatan penduduk-penduduk yang begitu ramai di sekitar kawasan perumahan. Saya juga berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat kaji dan buat cara yang baik sekali untuk mengatasi masalah sampah-sarap ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Negeri Sembilan dalam tahun 1990-an kerajaan telah meluaskan kawasan industri penternakan khinzir di Jimak sebagai kawasan khas untuk penternakan khinzir. Sejak tahun 1994 penternak-penternak telah belanja beratus-ratus juta ringgit untuk membeli tapak dan mendirikan kandang khinzir di situ. Oleh kerana wabak Nipah virus penternakan khinzir masih tidak dapat dijalankan di kawasan baru ini. Bilakah kerajaan dapat beri kelulusan kepada penternak-penternak ini? Sekiranya tidak dapat diluluskan, adakah tapak yang telah dibeli itu dapat ditukar kepada kawasan perusahaan supaya tapak baru ini dapat diusahakan dan penternak-penternak dapat balik pulangan wang yang telah banyak dibelanjakan itu. Dalam masa yang sama, kerajaan negeri masih boleh cari tempat yang lain yang lebih sesuai untuk industri penternakan khinzir ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia didapati kaum Cina dan kaum India adalah kurang minat dalam perkhidmatan polis dan tentera. Walaupun kerajaan telah banyak kali mengalu-alukan pemuda-pemudi kaum India, kaum Cina masuk perkhidmatan ini tetapi masih tidak dapat respons yang baik. Dapatkah kerajaan beri satu kuota yang tepat supaya mereka dapat merasa perkhidmatan ini adalah tanggungjawab bersama untuk menjaga keselamatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Persatuan Insurans Am Malaysia telah mengemukakan memorandum kepada kerajaan untuk permintaan menaikkan kadar bayaran premium insurans kenderaan. Ini adalah kerana dalam

tempoh masa 20 tahun ini kadar bayaran premium insurans kenderaan tidak pernah ada perubahan di negara kita. Oleh itu, persatuan insurans ini telah mencadangkan kepada kerajaan untuk meminta kenaikan kadar bayar premium insurans kenderaan sebanyak 10% ke 20%. Di sini saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya dapat kaji dengan lebih teliti permintaan kenaikan kadar bayaran premium insurans ini kerana kenaikan ini akan melibatkan semua lapisan masyarakat sekali lagi. Saya rasa dalam tempoh satu dua tahun ini kenaikan premium insurans ini memang tidak sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan golf resort atau padang golf di rantau Malaysia ini ada begitu pesat sekali. Sehingga tahun 1998 negara China yang merupakan negara yang paling luas sekali ada 65 golf resort; Thailand ada 170; Korea ada 160; Filipina ada 86; Indonesia ada 120; Taiwan ada 90; dan Malaysia pula ada sebanyak 203 golf resort dan merupakan yang terbanyak sekali di seluruh Asia. Kita selalu dapat lihat atau baca dari surat khabar bahawa syarikat-syarikat pelancong tempatan kita ada menganjurkan rombongan permainan golf di luar negeri seperti ke Perth, Chengmai, Filipina, Korea dan lain-lain. Oleh kerana Malaysia ada kemudahan-kemudahan permainan golf yang canggih, saya ingin cadangkan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan kita supaya dapat juga menganjurkan permainan golf yang hebat di negara kita atau memberi bantuan kepada golf resort tempatan menganjurkan pertandingan atau menyediakan kemudahan kepada negara asing menjalankan pertandingan di negara kita. Dengan ini mungkin dapatlah memajukan dan meningkatkan industri pelancongan di negara kita dan seterusnya meningkatkan mutu permainan golf di negara kita khususnya kepada generasi muda.

Saya menyokong sepenuhnya Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Kemaman.

**11.13 pagi.**

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk berucap untuk menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Semoga Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang merahmati dan memberkati Baginda dan negara kita yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini negara dibebankan dengan hutang yang amat meruncing. Pada 12 Disember 2000 Yang Berhormat bagi Kota Bharu menyoal Menteri Kewangan, 'berapakah jumlah hutang yang dibuat oleh sektor awam, swasta dan Kerajaan Persekutuan di dalam dan luar negara'. Jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri Kewangan ialah, 'pada akhir September 2000 jumlah hutang yang dibuat oleh sektor awam dan swasta di luar negara berjumlah RM156.9 bilion, manakala di dalam negeri pula adalah sebanyak RM625.6 bilion. Kerajaan Persekutuan pula berhutang di luar negara berjumlah RM18.9 bilion, manakala dalam negeri adalah sebanyak RM104.8 bilion'.

Ini bermakna jumlah hutang sektor swasta dan awam di dalam dan luar negara ialah sebanyak RM782.5 bilion, manakala Kerajaan Persekutuan pula berjumlah RM123.7 bilion. Jumlah keseluruhan hutang yang dibuat oleh sektor awam, swasta serta Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM906.2 bilion dan ini tidak termasuk lagi jaminan-jaminan yang dikeluarkan dan pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh bukan institusi kewangan seperti 'chettiar', loan shark dan sebagainya. Saya percaya hari ini jumlah hutang keseluruhannya sudah mencecah atau melebihi RM1 trilion. Saya ulangi, bukan milion, bukan bilion tetapi RM1 trilion.

Kalau sekiranya kita mengambil kira penduduk negara berjumlah 20 juta orang untuk memudahkan perkiraan, ini bermakna setiap rakyat Malaysia berhutang sebanyak RM50,000 setiap seorang. Jumlah ini tidak mungkin dapat dibayar oleh generasi sekarang tetapi akan ditanggung oleh generasi akan datang. Bagaimana generasi akan datang dapat mengharungi masa depan yang gemilang, sedang mereka sudah dibebankan dengan hutang yang begitu besar akibat daripada penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, rasuah dalam pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional, kesilapan pelaburan serta krisis ekonomi Asia. Kualiti hutang amat dicurigai dan sebahagian besar dijangka tidak dapat ditebus kembali. Ini menyulitkan lagi usaha untuk mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang diunjurkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini kerajaan sektor awam dan sektor swasta cukup gemar membiayai keperluan kewangan mereka melalui pengeluaran bon. Terbaru ialah pengeluaran bon oleh Putrajaya Holdings sebanyak RM3.2 bilion untuk membiayai pembangunan Putrajaya, sedangkan Perdana Menteri cukup bangga dengan pembangunan Putrajaya yang akan hanya dibiayai oleh dana tempatan. Dengan penerbitan bon ini apakah ia bermakna cakap Perdana Menteri tidak boleh

dipakai lagi atau memang bon ini hanya dipasarkan di pasaran tempatan sahaja. Sekiranya benar, institusi mana yang melangani bon ini. Tenaga Nasional, Petronas, Danaharta dan pelbagai institusi lagi juga cuba memasarkan bon di pasaran antarabangsa. Bagaimana sambutan pelabur-pelabur luar terhadap bon yang diterbitkan dari Malaysia sekarang ini. Berapa jumlah bon yang telah diterbitkan oleh kerajaan, sektor awam dan sektor swasta, baik di dalam mahupun di luar negeri. Dengan keadaan ekonomi negara yang tidak menentu, prestasi syarikat yang merosot dan pertukaran wang asing yang makin lemah bagaimana penerbit-penerbit bon ini dapat melunaskannya apabila matang nanti.

Apabila negara menetapkan kadar pertukaran mata wang asing untuk US\$1 bersamaan dengan RM3.80 kebanyakan penerbit bon hilang keupayaan untuk menyelenggara dan melunaskan bon-bon mereka. Apa keupayaan mereka sekiranya kerajaan terpaksa menurunkan lagi kadar pertukaran asing. Ini akan melumpuhkan syarikat-syarikat yang membiayai keperluan kewangan mereka melalui penerbitan bon yang mendominasi mata wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kumpulan Renong menjadualkan semula skim pelunasan bon yang sudah matang. Tindakan ini menyebabkan pelabur asing tidak lagi yakin dan berminat untuk melangani bon-bon yang diterbitkan dari Malaysia. Sebenarnya inilah perbuatan memburukkan negara di luar, bukannya pemimpin Barisan Alternatif seperti mana yang selalu dituduh oleh pemerintah. Apakah penerbit-penerbit bon yang lain akan mengalami nasib yang sama. Berapa banyak lagi bon yang terpaksa dijadualkan semula pelunasannya dan syarikat mana yang terlibat. Saya difahamkan bon yang diterbitkan oleh PLUS akan matang pada bulan Mei ini. Apakah PLUS berupaya melunaskan bon ini. Sekiranya tidak, apakah kerajaan bercadang melaksanakan skim bailout sekali lagi untuk menyelamatkan PLUS.

Salah satu cara kerajaan mengabui mata rakyat akan kedudukan sebenarnya hutang luar negara ialah dengan mengklasifikasikan hutang dan bon dalam dominasi mata wang asing, tetapi bayarannya dibuat dalam Ringgit. Kerajaan biasanya mengklasifikasikan hutang sebegini sebagai hutang dalam negara, sedangkan ia adalah sebahagian dari hutang luar negara. Berapa jumlah hutang dan bon dalam dominasi sebegini supaya rakyat dapat diperjelaskan kedudukan sebenarnya hutang luar negara sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini negara dikejutkan dengan satu berita bahawa Badan Pencegah Rasuah berjaya memintas satu usaha oleh sekumpulan pegawai kanan Permodalan Usahawan Nasional Berhad untuk memasarkan bon bernilai AS\$5 bilion bersamaan dengan RM19 bilion di pasaran kewangan London.

Tuan Yang di-Pertua, this amount is too big for PUNB executive to stomach, dengan izin. Jumlah ini terlalu besar untuk memberanikan pegawai-pegawai kanan PUNB menerbitkannya tanpa arahan dari atasan. Apa kelulusan yang sudah diperolehi, sehingga dapat dipasarkan dalam pasaran kewangan antarabangsa. Apa status kes ini sekarang, kenapa belum ada lagi penangkapan atau pendakwaan terhadap mana-mana pihak. Apakah mereka mendapat perlindungan dari pihak-pihak tertentu. Kenapa Menteri Pembangunan Usahawan, Menteri Kewangan atau Perdana Menteri sendiri membisu mengenai kes ini, sedangkan ia melibatkan jumlah yang teramat besar dan sebuah institusi bumiputera untuk membantu mereka memperolehi modal supaya mereka dapat mengembangkan lagi perniagaan dan perusahaan mereka.

Pelbagai tanggapan telah dibuat oleh masyarakat mengenai penerbitan bon ini, ada yang menyatakan bahawa bon ini sudah berjaya dipasarkan dalam lingkungan AS\$1 bilion bersamaan dengan RM3.8 bilion, apakah ini benar atau tidak. Jumlah RM19 bilion ini mempunyai persamaan dengan Kumpulan Renong untuk membuat debt restructuring exercise, dengan izin sebanyak RM20 bilion.

Ia juga mempunyai persamaan dengan susutan nilai aset Permodalan Nasional Berhad sebanyak hampir RM24 bilion yang terpaksa ditanggung oleh lebih empat juta pelabur bumiputera. Apakah bon ini akan digunakan untuk keperluan oleh salah satu institusi ini atau apa tujuan sebenarnya bon tersebut diterbitkan.

Jadi, saya mintalah diberi penjelasan yang benar dan ikhlas, tindakan tegas perlu diambil terhadap mana-mana pihak yang cuba mengkhianati institusi PUNB untuk kepentingan peribadi termasuk mana-mana pemimpin atau menteri sekiranya mereka terlibat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Pengerusi Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja memberi alasan bahawa KWSP membeli Time dotCom sebagai kaedah untuk melunaskan hutang sebanyak RM500 juta yang dipinjamkan kepada Time Engineering Berhad tetapi tidak berupaya membayar balik hutang mereka. Sekiranya itulah alasan yang diberikan kenapa pula Bank Pembangunan memberi

pinjaman sebanyak RM800 juta kepada Time Engineering Berhad tanpa dikenakan faedah sebelum Time dotCom disenaraikan.

Bagaimana Bank Pembangunan menilai credit worthiness, dengan izin, Time Engineering Berhad sehingga boleh memberi pinjaman sebanyak RM800 juta sedang ia tidak berupaya membayar balik hutangnya sebanyak RM500 juta kepada KWSP. Dengan kejatuhan harga saham Time dotCom di BSKL, apakah KWSP dapat balik semua hutang yang dipinjamkan kepada Time Engineering Berhad.

Bagaimana KWSP boleh memberi pinjaman kepada syarikat swasta, apakah ia mempunyai lesen untuk memberi pinjaman, apakah syarikat-syarikat lain juga boleh meminjam dengan KWSP, berapa jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan oleh KWSP kepada syarikat swasta.

Selain Time Engineering, Bank Pembangunan juga memberi pinjaman kepada Cyberjaya Holding sebanyak RM300 juta, Putrajaya Holdings RM300 juta dan banyak lagi tanpa dikenakan faedah.

Saya hendak tahu bagaimana Bank Pembangunan membiayai pinjaman-pinjaman tersebut, berapa banyak pinjaman yang telah dikeluarkan oleh Bank Pembangunan tanpa dikenakan faedah, siapa yang menanggung kos pembiayaan sumber pinjaman tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, apa status mutakhir hutang syarikat Hottic Investment Incorporation, sebuah syarikat yang didaftarkan di Hong Kong, yang dibeli oleh Danaharta untuk menyelamatkannya dari diambil tindakan oleh empat buah bank tempatan iaitu Maybank, Rashid Hussin Bank, Bank Bumiputra dan Bank of Commerce yang terpaksa menanggung kerugian sebanyak RM3.2 bilion akibat dari pinjaman yang diberikan kepadanya untuk melabur dalam syarikat Philippine National Steel Incorporation.

Saya difahamkan bahawa Danaharta sudah menjual Philippine National Steel Incorporation dengan harga RM100 juta sahaja, siapa yang membelinya. Adakah pembeli ini tidak mempunyai kaitan dengan pemilik lama atau mereka merupakan proksi kepada pemilik lama. Sekiranya mereka merupakan proksi, ini bermakna satu lagi skim bailout dilaksanakan untuk mengabui mata rakyat dengan menggunakan wang sebanyak RM3.1 bilion daripada empat buah bank yang tersebut di atas.

Perlu diingatkan bahawa bank-bank tersebut sebahagiannya dimiliki oleh kerajaan, ini bermakna rakyat menanggung beban kerugian akibat dari pinjaman yang diberikan kepada Hottic Investment Incorporation. Apa tindakan yang boleh

diambil sama ada oleh Danaharta, bank-bank yang tersebut di atas, kerajaan atau rakyat untuk mendapat kembali wang-wang tersebut, pemiliknya atau daripada penjaminnya.

Apakah bank-bank tersebut dibenarkan mengambil tindakan atau mereka mendapat immunity dari Danaharta.

Saya cadangkan sebuah badan siasatan bebas ditubuhkan untuk menyiasat kes ini demi kepentingan negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada pinjaman sebeginilah, maka Petronas dipaksa menyelamatkan Bank Bumiputra sebanyak lebih RM5 bilion satu ketika dahulu. Apa status ekuiti Petronas dalam penggabungan antara Bank Bumiputra dengan Bank of Commerce. Berapa peratus lagi ekuiti Petronas yang tinggal dalam bank yang digabungkan iaitu Bumiputra Commerce Bank serta nilainya.

Apakah Petronas berupaya mendapat kembali wang yang dikeluarkan untuk menyelamatkan Bank Bumiputra atau ekuiti Petronas sudah hangus dalam bank yang baru ini.

Selain dari Bank Bumiputra, Petronas juga digunakan untuk menyelamatkan konsortium perkapalan, syarikat milik anak Perdana Menteri sebanyak RM1.7 bilion, Proton sebanyak RM2 bilion, berapa jumlah hutang yang terpaksa ditanggung oleh Petronas dari kedua buah syarikat yang dibeli ini. Kita tahu hutang yang ditanggung oleh MAS sebanyak RM10 bilion dan Indah Water Konsortium sebanyak RM650 juta apabila *dibailout* oleh kerajaan, tetapi tidak dari kedu-dua buah syarikat yang *dibailout* oleh Petronas ini. Bagaimana prestasi kedua syarikat ini sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Danaharta dan Danamodal bukti wujudnya permasalahan hutang di institusi kewangan negara dan jumlah terbesarnya dipinjamkan kepada syarikat-syarikat kroni kepimpinan negara seperti Hottic Investment Incorporation, Time Engineering, Kumpulan Renong dan sebagainya berjumlah berbilion-bilion ringgit. Hasilnya Bank Bumiputra dan beberapa buah bank lagi lumpuh dan lingkup yang kebanyakannya dimiliki oleh kepentingan kerajaan dan bumiputera. Bank-bank kepunyaan bukan bumiputera hari ini mempunyai kedudukan kewangan yang begitu kukuh. Setakat ini Danaharta sudah membeli hampir atau melebihi RM50 bilion non performing loan, dengan izin, dari institusi kewangan negara.

Berapa jumlah sebenar yang sudah dibeli, apakah Danaharta akan terus membeli atau mengehendkan pembeliannya. Sekiranya ada had berapa jumlahnya,

berapa jumlah non performing loan yang masih ditanggung oleh institusi kewangan negara, apakah institusi ini berupaya menanggung peningkatan non performing yang begitu ketara sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada sesi Parlimen yang lepas, saya ungkitkan isu pembelian MBf Finance Berhad oleh Danamodal dengan harga RM1.6 bilion dan kemudiannya menawarkan 60% daripadanya bernilai RM960 juta kepada Multi Purpose Bank anak Syarikat Malaysian Plantation Berhad dengan harga RM480 juta iaitu dengan diskaun 50%.

Malaysia Plantation Berhad sekarang ini sudah dikuasai oleh syarikat milik keluarga Menteri Kewangan selepas restructuring exercise yang dibuat baru-baru ini. Semasa mesyuarat agung luar biasa Malaysian Plantation Berhad, mereka menolak tawaran Danamodal dengan alasan harganya terlalu mahal, selang beberapa hari kemudian, Danamodal mengeluarkan kenyataan bahawa mereka membeli MBf Finance Berhad kerana ada perjanjian dan jaminan yang dibuat oleh Multi Purpose Bank untuk membelinya.

Bagaimana Danamodal boleh membeli MBf Finance Berhad dengan jaminan akan dibeli oleh Multi Purpose Bank dengan diskaun 50%, kemudian dengan diskaun 50% ini pun mereka menolak dengan alasannya harganya terlalu mahal. Apakah ini bermakna Danamodal membeli MBf Finance Berhad dengan harga terlampau mahal, bagaimana Danamodal menilai harga yang dibeli atau apakah mereka diarah membeli dengan harga tersebut. Bagaimana Danamodal boleh menawarkan diskaun 50% kepada syarikat yang melibatkan kepentingan keluarga Menteri Kewangan.

Saya harap penyiasatan dibuat terhadap penyelewengan ini, apa status MBf Finance Berhad sekarang. Apakah Danamodal mendapat pembeli lain atau masih gagal, berapa hutang tertunggak MBf Finance Berhad yang terpaksa ditanggung oleh Danamodal apabila membelinya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bercadang mengambil alih sistem pengangkutan massa (mass transit system) termasuk sistem LRT dan STAR yang mungkin melibatkan penggunaan wang kerajaan sebanyak RM7 bilion. Syarikat pengendalian sistem pengangkutan ini terpaksa *dibailout* kerana menghadapi masalah kewangan dan ketidakupayaan untuk menyelenggara hutang-hutang yang ditanggung oleh mereka. Berapa jumlah hutang-hutang yang tertunggak oleh syarikat-syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya untkitkan isu hutang dan bon ini untuk memperingatkan kerajaan bagi pihak generasi yang akan menanggung akibatnya di masa hadapan. Sekiranya hutang dan penerbitan bon tidak dikawal dari sekarang, maka negara akan mengalami nasib yang sama seperti Rusia. Apabila Rusia menjadi ekonomi terbuka, maka berlumba-lumbalah kerajaan, syarikat-syarikat swasta dan syarikat awam berhutang untuk membiayai projek-projek yang kebanyakannya menjadi gajah putih sepertimana yang berlaku di Malaysia sekarang ini.

Bank-bank tempatan digunakan untuk membiayai projek-projek yang mana golongan elit pemerintah mempunyai kepentingan sama seperti yang berlaku di Malaysia. Bank-bank ini semuanya sudah lingkup akibat kegawatan ekonomi yang berterusan sama seperti Bank Bumiputra dan beberapa buah bank lagi di Malaysia.

Apabila bank-bank tidak dapat lagi menampung permintaan pinjaman yang terlalu besar dan banyak, maka diterbitlah bon-bon yang pada mulanya dipasarkan di pasaran kewangan antarabangsa. Apabila pelabur antarabangsa tidak lagi berminat dengan bon terbitan dari Rusia dan menuntut pulangan yang begitu tinggi kerana berisiko tinggi, maka rakyat tempatan digalakkan melabur dalam pasaran bon melalui penerbitan bon yang dikhaskan hanya untuk mereka seperti bon jangka pendek (JKO) dan jangka panjang (OFZ).

Di Malaysia rakyat membeli bon melalui dana-dana kepunyaan mereka seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Tabung Amanah Pencen, Tabung Haji, PNB dan tabung-tabung amanah saham yang dikeluarkan oleh negeri-negeri seperti Amanah Saham Darul Iman, Amanah Saham Johor dan sebagainya tanpa disedari oleh mereka.

Apabila bon-bon ini tidak dapat dilunaskan maka bon baru diterbitkan untuk melunaskan bon yang lama dengan kadar pulangan yang makin meningkat dari masa ke semasa untuk terus menarik minat pelabur sehingga ke satu tahap bon-bon ini ditawarkan dengan pulangan sehingga 200%.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Bangun]*

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sekejap ya, saya habiskan sekejap sahaja ya, fasal bon ini lepas itu saya akan beri jalan.

Pada satu ketika, Rusia terpaksa menerbitkan bon berjumlah hampir RM5 bilion setiap minggu untuk membiayai pelunasan bon-bon GKO dan OFZ yang matang setiap minggu. Hari ini bon-bon tersebut tidak bernilai lagi dan rakyat

menjadi bankrap kerana ekonomi Rusia tidak pulih hingga sekarang kerana menanggung terlalu banyak hutang. Apabila mendapat tekanan dari rakyat yang tidak berpuas hati dengan pemerintahan Presiden negara, Presiden mereka akan menukar Perdana Menteri baru dan menyalahkan Perdana Menteri sebelumnya atas permasalahan yang timbul.

Di Malaysia tidak ada Presiden, tetapi Timbalan Perdana Menteri selalu kena tukar dengan pelbagai tuduhan dan alasan.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kemaman. Yang Berhormat ada menyebut bahawa bila mana bon dikeluarkan oleh kerajaan dan sampai tahap tempoh tertentu, bila mana kerajaan tidak dapat membayar balik bon tersebut, maka dikeluarkan bon yang baru untuk membayar balik tempoh bon yang telah matang.

Apakah ini tidak sama seperti skim piramid di mana bila mana wang telah ditabung oleh penyumbang-penyumbang untuk membayar dividen-dividen kepada penyumbang lama digunakan wang daripada penyumbang-penyumbang yang baru. Apakah tidak sama skimnya, tetapi kenapa yang piramid hendak disekat tetapi kenapa yang bon yang dikeluarkan oleh kerajaan tidak dipandang serius oleh kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Jeli. Sebenarnya bon ini dia ada berlainan sedikit, dia ada return dia, dia ada amortization of seeking fund dan sebagainya peruntukan untuk amortize dia punya payment schedule dan sebagainya dan pelabur-pelabur diberikan fix interest, sedangkan piramid saya rasa berlainan sedikit. Tetapi walau bagaimanapun, apa yang berlaku di Rusia dan di Albania sama seperti yang akan berlaku di Malaysia sekiranya keadaan kita tidak terkawal di mana sistem piramid banyak diamalkan di Albania, sehingga negara mereka runtuh akibat sistem yang dilaksanakan. Jadi, sistem piramid ini ada bahayanya untuk jangka masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang sekiranya bon-bon yang sudah diterbitkan tidak dapat dilunaskan, apabila matang kerajaan akan bailout melalui penerbitan bon-bon baru dan memaksa dana-dana tempatan kepunyaan rakyat seperti KWSP, Petronas, PNB dan sebagainya melangganinya. Di waktu itu rakyat mesti bersedia menghadapi masa depan yang cukup gelap seperti mana yang berlaku di Rusia hari ini, sedang mereka yang bertanggungjawab mungkin tidak berkuasa lagi.

Saya harap saranan saya mendapat perhatian yang sangat serius oleh pemerintah sebelum kejadian terburuk berlaku kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, apa status ucapan, perbincangan, perdebatan dan persoalan yang diungkitkan di dalam Parlimen ini bagi Badan Pencegah Rasuah. Pelbagai pembongkaran penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah dilakukan oleh para Yang Berhormat tetapi tidak ada pun tindakan yang susulan yang dibuat oleh mereka.

Apakah para Yang Berhormat perlu membuat laporan polis lagi sekiranya mereka sudah membongkar dalam Parlimen ini. Tidak cukupkah dengan kenyataan rasmi dan *Hansard* Parlimen yang dikeluarkan setiap kali Parlimen selesai bersidang diambil sebagai rujukan.

Tuan Yang di-Pertua, ada seorang hamba Allah yang pada satu ketika dahulu suara dan kedudukan beliau amat dihormati dan disegani di dalam Dewan yang mulia ini, perjuangan dan keprihatinan beliau terhadap rakyat bawahan disanjung sejak di kampus universiti lagi, beliau menjadi idola pimpinan generasi muda, suara dan semangat perjuangan beliau terus berkumandang dan bergentayangan bebas, walaupun jasad beliau terpenjara.

Jasa beliau dikenangi rakyat di seluruh pelosok dan ceruk negara dan dihormati di seluruh negara. Beliau disingkirkan dari Dewan yang mulia ini, dan dipenjarakan kerana tidak sehaluan lagi dengan kepimpinan tertinggi negara. Tindakan terhadap beliau dikesali oleh setiap insan yang prihatin erti keadilan. Hari ini beliau terlantar di hospital dan memerlukan pembedahan pakar, kesakitan beliau hidapi disyaki akibat pukulan tidak berperikemanusiaan oleh bekas Ketua Polis Negara.

Saya merayu kerajaan memberi segala kemudahan dan bantuan yang diperlukan untuk memastikan kesakitan beliau dapat diubati. Sekiranya kemudahan Hospital Besar Kuala Lumpur tidak mencukupi, berilah peluang dibedah di hospital pilihan pakar. Sekatan menggunakan hospital selain Hospital Besar Kuala Lumpur perlu dilonggarkan.

Sekiranya pembedahan perlu dilakukan di luar negara, izinkanlah. Jika diperlu jaminan, saya rela menggantikan tempat beliau di Penjara Sungai Buloh.  
[Tepuk]

Apa yang dipinta tidak melampaui hak seorang rakyat yang terjamin dalam Perlembagaan negara. Jasa beliau kepada rakyat dan negara amat besar dan perlu

diambil perkiraan. Kesakitan jangan diambil kesempatan untuk menderakan lagi seorang insan yang teraniaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan luahan yang dibuat oleh Ketua Pengarang *Berita Harian* semasa perjumpaan para wartawan dengan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat baru-baru ini. Menurut beliau pergaduhan kaum dapat dibendung dengan lebih berkesan sekiranya media dibenarkan menyalurkan maklumat yang tepat dan cepat. Di dalam peristiwa di Kampung Medan, media terpaksa menunggu beberapa hari sebelum kenyataan dan cerita rasmi dapat disiarkan.

Begitu juga dengan pandangan Ketua Pengarah *Utusan Malaysia* yang merasa kesal dengan cara pihak berkuasa menangani penyaluran maklumat untuk disiarkan. Beliau menyarankan sesuatu perlu dilakukan untuk meyakinkan kredibiliti berita yang disiarkan. Ketua Pengarang *New Straits Times* pula menyatakan media tidak dapat menyiarkan kebenaran disebabkan beberapa sekatan dan halangan yang dikenakan. Media dijadikan alat untuk membuat window dressing, dengan izin, oleh kerana media terlampau banyak down play issues, dengan izin, untuk mematuhi arahan, maka media kehilangan kredibiliti. Kredibiliti media dipersoalkan sama seperti institusi kehakiman, polis, ahli politik dan juga ulama.

Ini menyebabkan rakyat Malaysia lebih berminat untuk mendapat berita dari Internet sebagai media alternatif. Permasalahan perkauman tidak sepatutnya disorok dan media patut dibenarkan melapor kebenaran, ini adalah antara luahan perasaan kekecewaan di atas pengongkongan media oleh kerajaan yang dibuat oleh wartawan-wartawan kanan media pro kerajaan sendiri. Saya tidak hendak sebutlah ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya rasa saranan daripada Yang Berhormat Kemaman ini kurang tepat. Media negara ini tidak terkongkong dan banyak perkara yang telah pun diutarakan oleh media membantu memberi pengetahuan kepada rakyat dan kerajaan tidak sekali-sekala mahu rakyat terkongkong dengan berita-berita yang tidak benar maka itu sebabnya kadang kala apabila sudah jelas sesuatu berita itu, media kita bebas, radio, TV menjelaskan peristiwa Kampung Medan, jelas. Jadi tidak ada kongkongan.

Sebenarnya Yang Berhormat bagi Kemaman cuba menyembunyikan perkara-perkara yang sebenarnya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih, apa yang saya nyatakan ini ialah Ketua Pengarang *Berita Harian*, *Utusan Malaysia* dan *New Straits Times*, bukan saya yang kata ini [Tepuk] Jadi kalaulah saudara Yang Berhormat tidak percaya kepada media pro kerajaan, saya tidak tahulah. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah antara luahan perasaan kekecewaan di atas pengongkongan media oleh kerajaan yang dibuat oleh wartawan-wartawan kanan media pro kerajaan sendiri.

Dalam masa wartawan-wartawan ini meluahkan kekecewaan pengongkongan terhadap media, pemuda UMNO pula membuat laporan polis terhadap media asing yang menyiarkan berita mengenai peristiwa berdarah di Kampung Medan. Menteri Dalam Negeri pula menyekat penjualan majalah *Far Eastern Economic Review*. Di mana letaknya kebebasan media di negara ini. Bagaimana negara dapat menjadi sebuah negara berteknologi maklumat sedangkan keperluan asasnya dibendung. Saya harap kerajaan melakukan sesuatu yang bermakna terhadap luahan wartawan-wartawan ini walaupun kita kena bantai setiap hari oleh akhbar-akhbar mereka, ini tidak bermakna kita tidak simpati dengan keperluan negara untuk penyiaran maklumat yang berlandaskan kebenaran.

Saya harap juga para wartawan tidak membuat self-censorship. Saya difahamkan mereka membuat self-censorship kerana kecewa, banyak laporan mereka diedit atau tidak akan disiarkan. Untuk tidak membazir masa, mereka melakukan self-censorship terutamanya isu yang diungkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Alternatif seperti saya. Saya harap akhbar-akhbar lebih bertanggungjawab dalam laporan mereka. Jangan melakukan penganiayaan seperti mana yang berlaku terhadap Saudara Ezam Mohamad Nor, Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional. Beliau ditahan di lokap polis selama lapan hari di ambang Hari Raya Aidil Adha kerana laporan polis yang tidak bertanggungjawab yang dibuat oleh Pemuda UMNO dan polis ke atas berita yang dilaporkan oleh *Mingguan Malaysia*. Apabila dibawa ke mahkamah, beliau didakwa di atas pertuduhan yang tidak ada kena mengena pun dengan berita yang dilaporkan.

Inilah tahap kebebasan media dan keadilan yang dilaksanakan di dalam negara kita. Saya minta Menteri Dalam Negeri memberitahu, apa tindakan yang sudah dibuat terhadap pelbagai laporan polis yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin Barisan Alternatif dan NGO. Setakat ini, tidak ada berita sama ada penyiasatan atau

penangkapan dibuat sedangkan tindakan kilat dibuat apabila laporan polis diterima dari pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sipitang bangun.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saudara Yang Berhormat rakan saya dari Kemaman. Nampaknya beliau begitu lantang memperkatakan. Banyak perkara yang beliau katakan ini, saya lihat beliau sendiri tidak mengetahui dan ada hubung kait dengan perkara yang dikatakan. Saya minta penjelasanlah, misalnya satu perkara tadi bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri sakit tulang belakang oleh kerana dipukul tetapi yang dihebahkan, dia dipukul di muka, di mata, apakah kaitan mata dengan tulang belakang, jauh sekali. Kalau dia dipukul di tulang belakang pada masa itu, tentu dia telah melaporkan kepada polis bahawa dia dipukul di belakang. Ini meminta simpati dengan rakyat, dengan awam di sini dan mengaitkan isu beliau itu sengaja dipolitikkan.

Pada masa dahulu semasa bersama beliau saya memang faham dengan beliau. Mungkin juga ini akibat sumpah dan juga permintaan rakyat yang teraniaya oleh beliau. Mungkin saudara adalah orang yang telah dibela oleh beliau tetapi saya adalah orang yang dianiaya oleh beliau sendiri pada masa yang lalu. Jadi doa orang yang teraniaya ini memang makbul. Jadi sebab itulah apa yang beliau hadapi sekarang ini mungkin doa daripada orang-orang yang teraniaya ini.

Lagi satu tadi yang dikatakan bahawa rawatan di Malaysia. Beliau minta dirawat di luar. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menjalani pembedahan di negara ini kerana doktor kita adalah doktor yang berkemampuan, yang terlatih, yang diakui di seluruh dunia tetapi apakah begitu istimewa orang ini sehingga dipanggil doktor daripada Jerman dan boleh pula Dr. Thomas Hoogland ini membuat kenyataan bahawa doktor di Malaysia ini adalah doktor yang tidak berpengalaman, yang tidak berwibawa dan ini memalukan saya sebagai doktor perubatan, saya merasa malu....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, suka saya maklumkan, masa untuk Yang Berhormat sudah cukup.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya minta penjelasan daripada beliau, apakah beliau tahu apa yang beliau katakan ini.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Okay, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kemaman, Yang Berhormat sila gulung.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Ha?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Gulung.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Gulung? Okay, boleh saya jawab sedikit. Pertamanya ialah apa yang saya nyatakan ialah disyaki dipukul oleh bekas Ketua Polis Negara kerana akibat pukulan dan beliau terpelanting ke dinding apabila dipukul. Itu pertamanya. Yang keduanya ialah beliau tidak diberi rawatan selama empat hari dan ini adalah pengesahan juga dibuat oleh pakar-pakar, specialist yang mengatakan kemungkinan besar akibat tumbukan yang beliau kena baru-baru ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya gulung, ya. Akhir-akhir ini senario peristiwa 14 Mei 1969 mula dicanang semula. Pemimpin negara sengaja memainkannya untuk menekan budaya takut dan melaksanakan perpaduan pura-pura. Akibatnya, berlakulah peristiwa berdarah yang menyayat hati dan memalukan negara di Kampung Medan, Klang, sebuah kampung yang penuh dengan kemiskinan dan kealpaan dikelilingi oleh bandar-bandar mewah, Petaling Jaya, Bandar Sunway, Kelana Jaya dan Subang Jaya. Tidak jauh dari kampung ini, pemimpin kita sibuk dengan pembangunan Kota Putrajaya, sebuah kota yang diberi nama jolokan Kota Pintar di bawah sinaran cahaya dengan segala kemewahan dan kemegahan yang menelan belanja berbilion-bilion Ringgit siap dengan mahligai-mahligai yang dikelilingi tasik indah sedang rakyat yang berjiran dengan mereka menanggung keperitan kemiskinan.

Inilah keprihatinan pemimpin negara terhadap kebajikan dan permasa lahan yang dihadapi oleh rakyat. Tidak usah menuding jari kepada sesiapa untuk lari dari tanggungjawab mereka....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Okay, satu line sahaja. ...Terhadap tragedi ini. Saya syorkan sebuah badan siasatan bebas ditubuhkan untuk mengenal pasti punca sebenar berlakunya peristiwa berdarah ini.

Dengan ini, saya sekali lagi menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jelutong.

**11.48 pagi**

**Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap menjunjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong.

Dalam ucapan baginda, baginda menyentuh keazaman kerajaan untuk menjadikan keluhuran undang-undang atau the rule of law sebagai pegangan hidup rakyat dengan membanteras jenayah, rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan tetapi usaha untuk menjadikan the rule of law sebagai pegangan hidup rakyat tidak akan berjaya jikalau rakyat jelata mempunyai persepsi bahawa sistem kehakiman kita tidak bebas atau berat sebelah. Persepsi negatif ini akan timbul apabila seseorang terlepas dari dakwaan rasuah atau dibebaskan dari tindakan rogol, statutory kerana mereka adalah ahli-ahli politik. Ini memberi persepsi bahawa pendakwaan berpilih atau selected prosecution telah diamalkan [*Tepuk*]

Persepsi negatif ini akan bertambah kukuh apabila hakim-hakim telah campur tangan dalam kes-kes yang dikendalikan oleh mereka sampailah kita tidak dapat membezakan siapa hakim dan siapa peguam. Apabila ini berlaku hakim dan peguam akan bergaduh dan kesalahan menghina mahkamah akan terjadi dan hakim dituduh berat sebelah. Kebelakangan ini amalan mahkamah mengizinkan tuntutan ganti rugi berjuta-juta Ringgit dalam kes-kes fitnah mengukuhkan lagi persepsi negatif ini apabila plaintif atau peguam yang terlibat dalam kes-kes ini didapati adalah kawan baik hakim-hakim yang akan buat keputusan [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat usaha untuk menjadikan the rule of law sebagai pegangan hidup rakyat akan hanya berjaya jikalau kita dapat memandang serius perkara-perkara yang saya telah huraikan dan mengambil tindakan tegas untuk menghapuskan persepsi-persepsi negatif ini. Tindakan-tindakan yang kita boleh ambil adalah seperti berikut;

- (i) Satu kementerian undang-undang atau Kementerian Kehakiman patut diwujudkan di mana menterianya dilantik sebagai peguam negara. Pemisahan jawatan peguam negara dan Pengarah Pendakwa Raya akan dapat memberi masa secukupnya kepada peguam negara untuk bertanggungjawab terhadap Parlimen dan disoal oleh Ahli Parlimen. Manakala Pengarah Pendakwa Raya pula dapat menjalankan tugas

berdasarkan pertimbangan profesionalisme undang-undang sahaja.

- (ii) Undang-undang khusus patut digubal untuk menjelaskan had-had apa dia menghina mahkamah dan apa yang tidak, supaya hakim mahu pun peguam itu tahu batasan masing-masing. Begitu juga dengan tuntutan ganti rugi yang berjuta-juta Ringgit dalam kes-kes fitnah. Satu had atau siling mesti ditentukan untuk kes-kes seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Negara kita ada memperuntukkan satu Kanun Etika Hakim atau Judges Code of Ethics, dengan izin tetapi dukacitanya didapati bahawa kita tidak mempunyai satu mekanisme aduan yang bebas untuk orang awam membuat aduan terhadap salah laku hakim. Saya berpendapat tidak adanya mekanisme aduan ini telah menjadikan Kanun Etika Hakim ini satu kanun yang tidak bermakna kepada rakyat jelata.

Untuk memperkukuh lagi konsep the rule of law di kalangan rakyat, kita juga mesti mengkaji semula sistem pelantikan hakim-hakim kita. Sistem sedia ada telah menyebabkan lebih daripada 75% hakim-hakim kita untuk Mahkamah Tinggi ke atas adalah terdiri dari anggota-anggota perkhidmatan kehakiman dan undang-undang kerajaan atau judicial and legal service. Kriteria-kriteria pelantikan hakim mesti lebih telus atau transparent supaya calon yang terbaik dapat mengisi tempat-tempat hakim. Pelantikan seorang pengarah pendakwa raya menjadi Hakim Mahkamah Persekutuan tidak seharusnya dipraktikkan memandangkan beliau tidak akan dapat mendengar kes-kes sebagai hakim kerana conflict of interest sebab kebanyakan kes-kes jenayah yang akan didengar oleh beliau sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan adalah kes-kes yang telah dimulakan atau di initiated oleh beliau semasa menjadi pengarah pendakwa raya.

Perkara seperti dikatakan tidak akan timbul jikalau kita mempunyai satu suruhanjaya perkhidmatan kehakiman atau judicial services commission dengan izin, di mana setiap pelantikan hakim akan ditimbang dengan se dalam-dalamnya mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Kewujudan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman telah menjadi satu agenda yang mendesak untuk memperkukuh konsep the rule of law.

Tuan Yang di-Pertua, the rule of law hanya dapat menjadi pegangan hidup rakyat jikalau undang-undang kita dapat difahami oleh rakyat yang terlibat misalnya Akta Hak Cipta dapat difahami oleh pencipta dan pelajar-pelajar dan profesor dapat memahami Akta Universiti dan Kolej Universiti dan orang ramai pula dapat memahami Perlembagaan Negara kita tetapi bolehkah kita mengatakan undang-undang yang sedia ada dapat difahami oleh rakyat jelata? Jawapannya adalah kadang-kadang peguam juga tidak dapat faham undang-undang yang sedia ada bagaimana pula dengan rakyat biasa.

Untuk menjadikan the rule of law sebagai pegangan hidup rakyat, saya berpendapat satu suruhanjaya pembentukan semula undang-undang atau law reform commission dengan izin, yang bebas mesti ditubuhkan. Fungsi suruhanjaya ini adalah untuk mengkaji undang-undang sedia ada dan mengesyorkan perubahan-perubahan yang perlu dilakukan supaya undang-undang kita dapat difahami oleh rakyat dan dapat menjamin hak-hak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat Suruhanjaya Pembentukan Semula Undang-undang ini adalah diperlukan memandangkan kita mempunyai tidak kurang dari 1000 akta Parlimen dan undang-undang lain dan kita tidak ada satu badan bebas yang membuat kajian ke atas kesesuaian sesuatu akta sedia ada atau kesesuaian sesuatu rang undang-undang sebelum dibentangkan di Parlimen. Pada masa sekarang, rang undang-undang adalah digubal oleh Parliamentary Draftsman, lepas itu menteri bawa rang undang-undang ini ke Parlimen untuk diluluskan oleh Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, bukan semua Ahli Parlimen adalah peguam dan kalau peguam pun tidak dapat digest dengan izin, rang undang-undang ini dalam masa yang singkat seperti yang dipraktikkan sekarang. Penyelidikan atau research yang mendalam juga tidak dapat dibuat oleh Ahli Parlimen kerana kekurangan sumber tenaga dan masa. Sebaliknya suruhanjaya pembentukan semula undang-undang yang diperuntukkan dengan sumber tenaga penyelidikan yang mencukupi akan dapat menggubal rang undang-undang yang lebih baik selepas kajian yang mendalam untuk kelulusan Parlimen. Tidak adanya suruhanjaya ini telah menyebabkan akta-akta yang sudah tidak sesuai dalam keadaan semasa tidak dipinda, misalnya akta-akta berikut yang telah banyak membawa kekecewaan dan derita kepada rakyat jelata masih tidak dapat dipinda lagi.

Pertama, adalah Akta Pemaju Perumahan 1966. Akta ini antara lain tidak memberi perlindungan yang secukupnya kepada pembeli-pembeli rumah apabila projek rumah terbengkalai. Apabila perkara ini berlaku, pembeli-pembeli terpaksa menyewa rumah dan membayar faedah kepada bank pada masa yang sama. Keadaan ini sudah berlarutan 35 tahun, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua adalah berkaitan dengan Akta Hak Milik Strata. Di bawah Akta ini sinking fund yang dikutip oleh pemaju tidak dikawal sehingga sinking fund ini selalu disalahgunakan oleh pemaju yang tidak jujur.

Tuan Yang di-Pertua, contoh-contoh yang saya sebutkan tadi kita boleh dapat dengan banyak di dalam undang-undang sedia ada dan ini menunjukkan kita memerlukan dengan mendesak The Law Reform Commission untuk membuat cadangan dan mengemas kini undang-undang sedia ada sebelum konsep the rule of law dapat memberi makna kepada rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jerlun.

**11.55 pagi.**

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun]:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk saya turut membahaskan titah ucapan Diraja pada kali ini. Saya sangat tertarik dengan doa yang cukup relevan dibaca oleh Sahibus Samahah Dato' Mufti Wilayah Persekutuan tempoh hari di Dewan ini yang mengingatkan kita semua terutama kerajaan berdasarkan kisah peringatan Allah S.W.T kepada Nabi Daud s.a. bahawa kerajaan hari ini juga perlu melaksanakan pemerintahan negara dengan adil dan saksama, di samping mengelakkan dan menjauhi hukuman dan pemerintahan secara zalim.

Doa itu amat kena untuk bukan sahaja mengenai usaha pemulihan terhadap pelbagai krisis dan kezaliman sejak tahun 1997. Sejak itu berlaku kemelesetan ekonomi, inflasi dan stagflasi yang menyebabkan penderitaan hidup rakyat terutama golongan berpendapatan rendah dan rakyat di luar bandar terutama sekali yang bergantung hidup kepada pertanian. Berlaku memuncaknya krisis pelaksanaan undang-undang draconian, krisis kehakiman, pertuduhan terpilih seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Jelutong, kemaharajalelaan rasuah di kalangan atasan dan kroni, pemborosan dan pencabulan dana rakyat untuk pembiayaan projek mewah dan *bailout* projek-projek kroni yang bankrap. Berlaku

juga penindasan hak asasi rakyat untuk bersuara dan berhimpun secara aman dengan penggunaan kuasa anggota polis yang tidak boleh dicabar di mahkamah.

Malahan doa itu juga lebih jauh lagi amat sesuai dan penuh keabsahan sama ada moral dan *legality* untuk pada tahun 2003 dan 2004, rakyat menukar kerajaan yang sudah tidak relevan kepada kerajaan yang benar-benar mampu menyelamatkan kehidupan rakyat, kestabilan politik dan negara dan juga *survival* generasi masa depan.

Seruan agar rakyat bersyukur kepada kerajaan amat tidak munasabah. Sebenarnya kerajaan yang patut berterima kasih kepada rakyat yang telah memberikan mandat selama lebih kurang 44 tahun, tetapi jurang perbezaan kaya, miskin di kalangan rakyat semakin luas dan sukar untuk diatasi. Remaja dan belia sebagai aset peneraju masa depan negara menghadapi masa depan yang gelap akibat dasar, keperluan dan nilai pendidikan yang dikomoditikan. Akibatnya lebih ramai di kalangan mereka yang memasuki pusat serenti terutama belia Melayu bumiputera berbanding dengan peluang memasuki universiti.

Malangnya akibat kerakusan dan keghairahan untuk kerajaan terus menerus mengekalkan kuasa, tegasnya untuk menongkat langit sehingga hari kiamat, maka rakyat dipaksa bersyukur walaupun kehidupan mereka serba daif, serba kekurangan dan serba tertindas oleh pelbagai tekanan, diskriminasi, ugutan dan eksploitasi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Sri Gading bangun.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jerlun. Memang menjadi resam dan tabii rakan-rakan daripada parti pembangkang, tidak akan dapat melihat kebaikan pemerintahan, yang nampak sebenarnya keseluruhan kebaikan tetapi yang mesti ditonjolkan ialah kalau ada isu yang boleh memburukkan pandangan rakyat pada kerajaan.

Negara ini telah diperintah oleh Barisan Nasional, Perikatan selama 40 tahun lebih iaitu 44 tahun. PAS tidak pernah perintah pun negara ini dan jelas negara ini daripada pemerintahan Perikatan hinggalah Barisan Nasional, negara yang mundur terkebelakang tetapi hari ini menjadi negara membangun yang agak mengkagumkan dunia. Kalau tidak kerana kebaikan pemerintahan dan kerajaan yang dipilih oleh

rakyat setiap kali pilihan raya, maka tidak mungkin pembangunan dan kemajuan dapat kita kecapai ini. Tetapi pihak pembangkang menafikannya.

Saya hendak tanya sedikitlah, belum memerintah negara lagi, tetapi di Terengganu dan di Kelantan apa yang dibuat? Apa pembangunan yang dibuat? Saya lihat semalam di televisyen, bagaimana belia-belia di Terengganu mengeluh bahawa dalam pemerintahan setahun PAS ini, mereka telah tidak ada peluang pekerjaan. *[Tepuk]* “Jangan mengata dulang, sebenarnya awak yang lebih.” Jadi, saya harap penjelasan sikitlah.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya hati kecil dia sendiri pun tahu bahawa keputusan pilihan raya tahun 1999 begitu jelas bahawa rakyat sudah menyedari bahawa UMNO, Barisan Nasional sudah tidak mampu lagi untuk memenuhi kehendak rakyat terutama Terengganu, maka rakyat Terengganu, negeri yang kaya, rakyat menjadi miskin terus menerus menolak UMNO, Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya berani mengatakan bahawa dua batu nisan tersergam besar di dunia yang terkenal dengan nama menara kembar bukan sahaja membayangi ratusan ribu batu nisan berhampiran di tanah perkuburan Jalan Ampang di ibu kota, malahan atas nama projek mega, telah menjadi lambang atau simbol kesengsaraan dan penderitaan majoriti rakyat yang serba daif.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sri Gading bangun pula Yang Berhormat.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Hidup serba morat-marit, serba tertindas dan tertekan terutama kehidupan rakyat di seluruh Lembah Klang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, hendak bagi jalan atau tidak?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sikit lah.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Kalau orang lain saya bagi, kalau Sri Gading saya tidak bagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hah....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Allah.....sikit lah, kita sahabat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya silakan.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Begitu juga pembinaan jejantas sejauh lebih kurang tujuh kilometer di Jalan Ampang.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tak, pasal nak jawab batu nisan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak bagi jalan, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak bagi jalan.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** .....menghubungi ibu kota yang menelan kos RM700 juta, bermakna RM100 juta bagi setiap satu kilometer adalah pembinaan jejantas termahal di dunia. Dalam keadaan ekonomi yang masih meleset tetapi digembar-gemburkan telah pulih, rakyat tentu ingin tahu siapakah tauke projek atau kroni yang kenyang dan mewah itu. Di samping itu siapa pula yang akan membayar semula segala beban kos paling mahal di dunia itu kalau bukan rakyat?

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa penangguhan penerimaan dan pelaksanaan globalisasi ekonomi di negara ini oleh AFTA, WTO bagi tahun 2003 kepada 2005-2007 bukanlah sebenar-benarnya untuk melindungi implikasi buruk dan peningkatan kos kehidupan rakyat negara ini, tetapi lebih penting lagi untuk melindungi syarikat-syarikat pengeluaran dan perkhidmatan terutama yang dimiliki oleh kroni tertentu yang belum bersedia untuk bersaing dengan syarikat multinasional.

Justeru itu, walau apa pun aspek kesan buruk globalisasi ekonomi yang akan menimpa rakyat dari segi agama, keruntuhan budaya dan akhlak dan juga himpitan dan pukulan terutama ekonomi sejak awal lagi bukanlah menjadi perkiraan atau perhitungan utama kerajaan. Berapa ramai anak-anak remaja yang telah dan akan terus murtad sama ada akibat kejahilan ataupun kesan himpitan dan desakan ekonomi.

Saya yakin tidak akan wujud undang-undang yang tegas untuk melindungi nasib malang mereka di dunia dan juga malapetaka di akhirat. Saya berani mengatakan bahawa UMNO buat selama-lamanya atas desakan kepentingannya yang tidak boleh dikompromi tidak akan berani untuk merangka, menggubal dan melaksanakan undang-undang mencegah murtad dan juga pencerobohan pihak lain terhadap pegangan agama umat dan generasi Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan UMNO, Barisan Nasional sebenarnya tidak lain hanya mewarisi dan mempertahankan sistem lapuk, sistem pemerintahan penjajah dan penjenayah yang sekarang lebih jahat dan durjana lagi penjajahan dalam bentuk projek terhias indah iaitu, 'salibisme' baru dan sejak 44 tahun lalu, UMNO masih terus fanatik mempertahankan sistem 'salibisme' baru berkenaan.

Idealisme dan matlamat tertinggi negara-negara bangsa dengan identiti terpecah mewarisi sistem penjajah itu paling kemuncaknya hanyalah untuk kepentingan orang yang paling berkuasa yang berselindung di sebalik nama dan kepentingan nasional. Oleh itu, iblis yang berupa manusia boleh berselindung dan meneruskan muslihat dan mencapai kepentingannya dan berselindung di sebalik kepentingan keselamatan umum, keselamatan negara dan sebagainya. Tetapi, pada hakikatnya untuk kepentingan *one man show* ataupun puak tertentu yang ingin menongkat langit.

Aspek atau peruntukan tertentu dalam Perlembagaan Negara yang dikuatkuasakan pada hari ini jelas merupakan satu agama baru ciptaan manusia yang mengatasi prinsip dan ajaran Islam yang lebih unggul dan adil.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Sri Gading bangun Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Boleh, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak bagi jalan atau tidak?

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Tadi saya sudah beritahu Tuan Yang di-Pertua, kalau yang sama saya tidak bagi jalan. Saya takut masa saya tidak cukup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya baik. Sila, sila teruskan. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tak sama. *[Ketawa]*

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Kes bekas TPM..... *[Disampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak bagi jalan, Sri Gading.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** ..... Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sepatutnya dituduh dan dibicarakan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah berdasarkan beliau pemimpin beragama Islam, pemimpin kedua tertinggi di negara ini suatu ketika dahulu tetapi oleh kerana sepak terajang dan tindak tanduk politik *a la Machiavelli* maka beliau terpaksa merengkok di penjara untuk satu setengah dekad.

Saya tidak fikir bagi orang Islam lebih-lebih lagi mukmin yang berfikiran sihat atau tanpa hilang kewarasan akan sanggup mendahulukan peraturan ciptaan manusia sehingga mengatasi keunggulan dan keadilan undang-undang ciptaan Allah S.W.T tetapi, malangnya sebagaimana dijelaskan kegilaan dan kerakusan politik *a la Machiavelli* telah menguasai pemikiran pihak tertentu maka bekas Timbalan Perdana Menteri menjadi mangsa tindakan pendukung dan golongan fanatik 'salibisme' baru.

Tuan Yang di-Pertua, tafsiran agama Islam sebagai Agama Rasmi negara perlu dijelaskan dengan sejelas-jelasnya bagi mengelakkan petuduh Islam ataupun Islam hanya dijadikan agama upacara berdoa di majlis-majlis tertentu di samping ibadah *ritual*, individualistik dan olok-olok semata-mata.

Dengan tafsiran yang jelas itu kelak, maka tidak timbul lagi sikap takutkan bayang-bayang sehinggakan warna hijau yang terlekat pada institusi papan tanda murid-murid sekolah terpaksa ditukar warna lain sehingga menggalakkan pembaziran dan pelbagai tindakan sia-sia lagi.

Begitu juga tindakan mencari kambing hitam untuk menutupi segala kegagalan kerajaan dari segi pelbagai polisi dan tindakannya selama 44 tahun sejak kemerdekaan dari segi ekonomi, politik, pendidikan, undang-undang, budaya dan sebagainya. Akhir-akhir ini pula timbul persoalan "lain bengkak lain yang bernanah". Kesan kegagalan kerajaan untuk mewujudkan perpaduan nasional, maka pihak tertentu dieksploitasi secara sistematik dan terancang untuk mengeluarkan fatwa bagi mengharamkan penggunaan nama agama dalam pertubuhan politik.

Nampaknya kesan lanjutan fobia dan sikap fanatik terhadap 'salibisme' baru tidak lagi mengenal dan mempunyai batas dan sempadan rasional dan kewarasan, "bujur lalu, melintang patah". Sikap dan pegangan negatif yang sedemikian amat wajar dikutuk sepanjang zaman oleh kerana mempunyai persamaan dengan tindakan tidak rasional raja Mesir purba yang membunuh setiap bayi lelaki yang baru dilahirkan kerana raja purba itu takut menurut ramalan tukang sihir, para pengampu yang juga bergelar Nujum Diraja bahawa kerajaannya akan ditumbang oleh bayi yang akan membesar dan membawa satu reformasi.

Sebelum saya berpindah kepada isu lain, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang baru, bukan daripada wakil rakyat yang menggantikan sahabatnya Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Othman tetapi saya rasa perlu menasihatkan beliau agar jangan terlalu ghairah kerana mereka yang bergelar ulama sama sekali tidak diperlukan dalam UMNO. Nasihat ini saya kemukakan secara ikhlas agar beliau tidak terperanjat apabila beliau mengalami nasib seperti tebu, "habis manis sepah dibuang" dan seterusnya beliau akan digantikan oleh tokoh lain.

Untuk makluman, kemungkinan besar tokoh ambitious dari IKIM sudah bersedia di pintu sebelah untuk terus masuk menjadi tukang kipas baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh salah tadbir....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat Yang lain pula, ya.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok Ahli Yang Berhormat yang berucap ini seolah-olah dia ini macam malaikat, dia tidak salah. Asyik cerita tuduh orang lain hinggakan Yang Berhormat Menteri yang baru dilantik pun sudah disyak wasangka. Tidak baik, Yang Berhormat. Ini main agak-agak. Jangan, inilah menghina dan beberapa perkataan Yang Berhormat berucap ini, saya terperanjat kalau Yang Berhormat pakai kopiah putih tetapi bahasa Yang Berhormat kena itu tidak sesuai dengan agama Islam. *[Tepuk]* Adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju perkara ini memang tidak logik Yang Berhormat bercakap sedemikian rupa? Terima kasih.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan begitu, bukan apa, sebagai peringatan. Sebab buktinya Dato' Dr. Abdul Hamid Othman itu sendiri pun terpaksa letak jawatan, mengundur diri daripada Kabinet. Ini bukti. Saya hanya mengulang bukti yang ada sahaja.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan :** Yalah Yang Berhormat, itu betullah. Itu hak dia.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Kalau betul, sudahlah. Apa lagi?

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Tetapi Yang Berhormat sebut peribadi orang, belum apa-apa, tidak baik menyebut peribadi orang. Belum tentu, mungkin orang itu lebih baik daripada Yang Berhormat.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Soalnya sekarang sudah betul.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Yalah, saya cakap pasal bahasa Yang Berhormat ini, saya tidak bersetuju betul cara Yang Berhormat bercakap ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukup, cukup.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Bahasa yang baik, saya terima.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tebrau, cukup, cukup Tebrau.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Tidak setuju, duduk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tebrau, cukuplah.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Yang Berhormat pakai kopiah, saya pakai songkok. Bahasa biar elok sedikitlah, Yang Berhormat. Yang Berhormat parti Islam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tebrau, cukuplah.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh salah tadbir.

**Tuan Saupi bin Daud:** *[Bangun]*

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Ya, sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Tuan Saupi bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Kalaulah bahasa Yang Berhormat dianggap bahasa yang tidak sesuai dengan kopiah di atas kepala, saya ingin merujuk juga bahasa yang digunakan oleh Perdana Menteri pagi tadi, mengatakan bahawa PAS ini menang kerana mata lebam. Jadi, inikah bahasa yang patut dipakai? Ini saya rasa lebih kurang sama lah. Yang di hadapan lebih teruk daripada Yang Berhormat katakan tadi.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menganggapi apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Tanah Merah tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanah Merah.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** .....ada satu pepatah Arab mengatakan, *[Bercakap dalam bahasa Arab]* maksudnya: "Bukti yang nyata berlaku itu lebih sahih daripada apa yang diucapkan oleh manusia".

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh salah tadbir, silap perhitungan dan salah guna kuasa oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang dikatakan kerugian di atas kertas sebanyak RM90 juta dengan pembaziran wang rakyat kerana pemegangan 81.6 juta saham Time dotCom bernilai RM3.30 sesaham yang kebetulan pada harga *initial public offer*. Pihak yang bertanggungjawab patut dibawa ke muka pengadilan dengan seberapa segera yang boleh bagi mengelakkan kerugian terus berlaku, menghakis dana dan wang rakyat.

Begitu juga nasib Kumpulan Wang Amanah Pencen mengalami kerugian tiga kali ganda berbanding amaun kerugian KWSP kerana melakukan pembelian dan pelaburan yang sama dengan memegang kepentingan 10.8%. Mereka yang terlibat dalam salah laku dan salah tadbir berkenaan tentulah telah menjejaskan kepentingan para pesara yang sentiasa mengharapkan pelbagai faedah dan imbuhan yang lebih baik di masa hadapan bagi mengatasi pelbagai masalah tekanan

kehidupan selepas persaraan. Justeru, mereka juga patut diambil tindakan tegas sewajarnya.

Menyentuh mengenai perlunya kerajaan mengatasi pengaliran keluar wang negara akibat import makanan bernilai sekitar RM10 bilion setahun. Maka, sudah tiba masanya kerajaan memikirkan usaha dan galakan pengeluaran makanan tempatan. Saya difahamkan pihak kementerian berkenaan menjadi heboh dan sekarang tertonjol-tonjol untuk menawarkan kepada para petani untuk menggunakan penemuan baru beras wangi yang boleh menghasilkan pengeluaran lapan kali ganda jumlahnya berbanding dengan jenis padi lama. Selama ini mereka tidak sibuk dan bising tetapi apabila petani terutama pesawah menjadi gelisah, barulah mereka cuba mententeram dengan mententeramkan rakyat dengan janji-janji yang indah dan lumayan.

Saya harap sikap memperbodoh dan memangsakan orang kampung sedemikian patutlah dihentikan segera dalam kita menghadapi era IT dan alaf baru. Sehubungan itu, saya ingin menegaskan bahawa cara mengatasi keperluan pengeluaran makanan bukanlah semata-mata jumlah pengeluaran (production) semata-mata. Masalah yang besar dan perlu diatasi ialah perlunya penerokaan bioteknologi, kajian makanan dan genetik, kecekapan pengurusan pengeluaran di samping pengembangan produk kewangan bagi menanggung risiko berkaitan dengan pertanian.

Justeru, pelaksanaan pertanian berskala besar sama ada oleh agensi FELDA, RISDA, FAMA dan sebagainya perlu dikendalikan secara bebas dan profesional dan tidak perlu lagi menjadi monopoli dan dominasi politik tertentu untuk menyuap pelbagai jenis jembalang, pelesit dan parasit. Sehubungan itu juga, syarikat-syarikat besar seperti Guthrie, patut digalakkan meneroka dan meningkatkan hasil pertanian dalam negeri berbanding usaha melabur di Indonesia walaupun di sana terdapat kos berbanding dan peluang yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, saya ingin sentuh mengenai lantikan pegawai awam mengikut sistem dan peraturan yang ada sekarang perlu dikaji dan diubah supaya apabila seseorang yang telah dilantik ke jawatan tertentu, dia atau sesiapa sahaja yang terlibat tidak akan merasa terhutang budi dan terpaksa mengikut arahan pihak yang melantik sehingga menjejaskan kredibiliti dan tanggungjawab serta amanah yang dipikulkan kepadanya. Dalam hubungan ini, perlantikan bekas Peguam Negara, Dato' Mokhtar Abdullah ke jawatan baru sebagai

Hakim Mahkamah Tinggi telah menimbulkan kontroversi kerana dalam tempoh tertentu, beliau akan berada di tempat yang strategik untuk menjadi *proxy* dan bertindak mengutamakan kepentingan tuannya yang melantik.

Selagi perkara sedemikian berterusan berlaku, krisis keyakinan rakyat terhadap keadilan, ketelusan dan akauntabiliti tidak akan tertebus. Maka, apabila timbul sebarang implikasi yang tidak diingini, janganlah pula timbul ucapan dan komen-komen karut menuduh rakyat terpengaruh dengan hasutan elemen asing dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah yang itu.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sifat hakim-hakim tidak boleh disentuh mengikut Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Ya, ya, saya setuju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahkan, Tun Salleh Abas pun, dia dahulu pun Attorney-General juga, ya.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Ya, sekarang saya ubah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, jangan kita bercakap lagu itu, tidaklah boleh orang-orang yang bertugas di dalam pejabat AG mendapat pangkat, ya.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila berucap perkara yang lain.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Menyentuh berkenaan usaha meningkatkan pembelaan terhadap nasib kaum wanita di negara ini, rakyat masih tidak nampak sebarang tindakan yang positif dan jelas yang akan diambil oleh pihak kementerian yang baru ditubuhkan. Setengah pihak masih bersikap tunggu dan lihat mengenai apa yang akan berlaku yang boleh membela dan menyelamatkan kaum wanita daripada sebarang eksploitasi penghambaan wanita dan penindasan akibat sistem 'salibisma' baru yang bermaharajalela di negara ini. Bagaimana pun, saya ingin menegaskan bahawa kedatangan Islam sejak 15 abad lalu telah mampu mengangkat martabat wanita. Antara lain, Islam mengangkat mereka ke taraf yang tinggi sehingga meletakkan syurga di bawah telapak kaki seseorang ibu.

Justeru itu, jika peraturan Islam dilaksanakan secara tegas meliputi pelbagai bidang yang melibatkan kepentingan wanita, maka saya yakin nasib wanita akan dapat dibela dan diselamatkan dari berbagai eksploitasi dan penindasan. Tanpa usaha sedemikian, wanita akan hanya menjadi alat permainan politik dan dunia

perniagaan dan kepentingan pihak tertentu seperti penindasan terhadap wanita KEMAS dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Arau bangun, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya mendengar tadi komen Yang Berhormat berkenaan dengan wanita. Terima kasihlah bagi perhatian pada wanita tetapi menyebut bahawa belum ada tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk kebaikan wanita memang saya tidak bersetuju. Saya hendak bertanya, setakat hari ini, apa usaha dan juga apa tindakan-tindakan yang telah dilakukan oleh PAS untuk membela wanita? Sedangkan wanita tidak ada dalam membuat dasar pun, PAS tidak memberi peluang kepada wanita untuk memberi pandangan dalam kita menentukan dasar [*Tepuk*] dan juga menentukan pembangunan di negara ini kerana PAS tidak ada memberi kepercayaan kepada wanita untuk menjadi pemimpin di negara ini. Kalau adapun, cuma ada dua orang Senator. Itu pun saya sudah bersama dengan mereka, saya tidak nampak mereka bercakap untuk membela wanita, malahan banyak perkataan yang dikeluarkan seolah-olah meletakkan wanita ini dalam keadaan yang mundur ke belakang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Arau salah faham. Sebenarnya Senator wanita yang mewakili PAS bukan dua tetapi tiga daripada empat. Bermakna 75% daripada 100%. [*Tepuk*] Tidak berapa faham nampaknya. Kemudian, yang kedua, belum kita memerintah lagi, baru Kelantan dan Terengganu kita memerintah, kita sudah bagi tiga bulan cuti bersalin. [*Tepuk*] UMNO yang 44 tahun memerintah, 40 hari itu daripada dahulu sampai la ni. [*Tepuk*] Ini pembelaan awal. Cuba kalau bagi kita memerintah, Parlimen ini kita kuasai, insya-Allah, lebih daripada itu kita boleh bagi. [*Tepuk*] Tidak ada masalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila teruskan ya.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat, sila, sila. Kena control sedikit ya. Sila teruskan Jerlun.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, suka saya sebutkan dalam kesempatan ini mengenai rasuah yang berlaku secara berleluasa di kalangan Polis Marin dan Jabatan Perikanan terutama di Kuala Kedah, Kuala Sanglang dan Langkawi di mana rakyat dan nelayan pantai yang berlesen menangkap ikan dan sebagainya ditangkap dan dirampas sewenang-wenangnya bot

dan pukut mereka. Bila mana mereka hendak menebusnya, tidak dibenarkan atau dikenakan denda yang begitu tinggi yang tidak munasabah di luar kemampuan mereka membayarnya.

Pernah berlaku bot dan pukut mereka dimusnahkan. Manakala, tauke-tauke berbangsa Tionghua bebas menangkap ikan dengan menggunakan pekerja-pekerja asing yang memasuki negara kita tanpa permit yang sah. Hal-hal yang seperti ini perlu dilihat dan diberi perhatian yang sewajarnya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Beluran.

**12.25 tgh.**

**Tuan Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil peluang untuk turut sama membahaskan ucapan titah diraja yang telah disampaikan di awal persidangan kita pada kali ini. Saya amat terharu menyentuh tentang ucapan Baginda yang menyentuh tentang perlunya semua rakyat bersama-sama mengeratkan perpaduan demi menjaga keselamatan tanah air daripada ancaman musuh. Seri Paduka Baginda juga mengingatkan semua lapisan masyarakat mengelakkan perkara-perkara yang boleh merenggangkan perhubungan antara kaum kerana ianya akan menjejaskan kemakmuran dan kestabilan politik.

Dalam konteks ini tentu seluruh rakyat Malaysia merasa sesuatu yang lain daripada dirasakan selama ini apabila terdapat perselisihan faham yang berlaku di Kampung Medan, Jalan Klang Lama baru-baru ini. Saya turut mengharapkan bahawa kejadian ini merupakan satu kejadian yang isolated yang sesungguhnya tidak menyebabkan kesan yang lebih besar terhadap perpaduan negara yang telah wujud sekian lama. Tetapi apa yang kita pelajari daripada pertelingkahan yang berlaku di Kampung Medan ini tentunya kita akan mempersoalkan beberapa perkara yang wujud di kalangan kita. Adakah sama ada perpaduan yang wujud selama ini merupakan satu perpaduan yang di luar yang sekadar make-up tetapi pada bawahnya merupakan banyak perkara yang harus dilakukan untuk mengekalkan bentuk perpaduan yang ada.

Saya terbaca di kalangan mereka yang terlibat di dalam pergaduhan ini merupakan antara mereka yang di bawah umur 25 tahun dan rata-rata merupakan generasi-generasi muda yang akan menggantikan generasi tua di masa akan datang. Dan dalam menilai bahawa sebahagian besar daripada mereka ini merupakan mereka yang berumur 25 tahun. Saya terkilan untuk bertanya apakah yang

menyebabkan ini. Adakah sistem pendidikan kita ataupun kerana politik partisan yang ketara di kalangan kita ataupun disebabkan oleh kemiskinan yang berlaku di kawasan berkenaan.

Jika sistem pendidikan itu merupakan faktor yang utama saya ingin mencadangkan agar kementerian membuat kajian tentang mengapa generasi muda begitu tidak peka terhadap sensitiviti kaum dan peka terhadap kehendak untuk mewujudkan perpaduan yang lebih erat di kalangan kita.

Apakah pendekatan sistem yang ada sekarang tidak memberi peluang kepada generasi muda berbilang kaum ini untuk sama-sama bergaul pada peringkat awal iaitu pada peringkat tadika, peringkat menengah dan hinggalah ke peringkat universiti. Jika ini merupakan puncanya maka Kementerian Pendidikan harus melakukan sesuatu.

Jika pergaduhan disebabkan oleh politik partisan semua pihak daripada kerajaan dan pembangkang harus menerima hakikat bahawa politik partisan harus mempunyai batas-batas yang tertentu yang akan melibatkan keruntuhan perpaduan harus dielakkan oleh kedua-dua pihak.

Jika kemiskinan merupakan faktor saya rasakan bahawa lebih banyak kawasan akan menghadapi masalah yang sama jika kemiskinan itu merupakan faktor seperti yang disuarakan maka lebih banyak kawasan yang akan menghadapi masalah yang sama. Saya katakan ini kerana saya melihat bahawa banyak kawasan-kawasan masih kekurangan dari segi infrastruktur, masih boleh dikategorikan sebagai kawasan-kawasan yang miskin yang harus mendapat perhatian daripada agensi-agensi kerajaan yang ada.

Keseluruhannya saya mengambil kira bahawa satu bentuk pendekatan harus diambil oleh semua pihak. Saya ingin mencadangkan dalam konteks ini agar Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mengambil inisiatif untuk merumus dan mengkaji semula pendekatan-pendekatan rukun tetangga yang telah diadakan sekian lama.

Apakah rukun tetangga ini telah memberi kesan yang begitu positif dan memberikan impak yang begitu berkesan sekali untuk menangani masalah perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia ini.

Saya ingin tahu daripada jumlah besar pusat-pusat rukun tetangga yang ada di negara kita ini berapa yang masih beroperasi secara aktif dan apakah sebilangan besar daripada mereka merupakan pusat rukun tetangga yang bagaikan hidup segan

mati tidak mahu. Saya ingin mencadangkan agar kementerian mengambil inisiatif dengan mengambil langkah-langkah yang lebih drastik dan berkesan untuk menangani masalah perpaduan yang berlaku di kalangan kita rakyat Malaysia di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang aspek ekonomi, tentang komoditi beras, kelapa sawit dan juga tentang beras yang berlaku di negara kita. Baru-baru ini terdapat kejadian di mana lambakan beras berlaku yang telah menimbulkan kekecohan dan keresahan di kalangan petani. Dan tentu sekali apabila kejadian ini berlaku persoalannya mengapa ianya berlaku dan mengapa lambakan ini terjadi di negara kita. Kerana jika kita lihat dari segi permintaan dan pengeluaran beras di Malaysia ianya menunjukkan bahawa permintaan adalah sebanyak 1.79 juta tan metrik setahun sedangkan pengeluaran adalah sebanyak 1.724 juta tan metrik. Kita dapati data ini menunjukkan terdapatnya defisit dari segi bekalan beras di mana ia menunjukkan defisit ini telah ditampung dengan mengimport beras daripada negara jiran iaitu sebanyak 605,000 tan metrik setahun. Jika dicampurkan beras import dan pengeluaran beras tempatan kita dapati masih terdapat kekurangan beras untuk memenuhi kehendak permintaan tempatan.

Persoalannya mengapa lambakan beras berlaku sedangkan statistik menunjukkan bahawa kita mempunyai defisit terhadap pengeluaran dan permintaan yang ada. Dan tentu sekali kita menjurus kepada satu fenomena yang telah pun saya katakan pada sesi yang lalu iaitu terdapatnya penyeludupan beras yang ketara yang masuk daripada negara jiran melalui negeri-negeri di utara negeri di Semenanjung Malaysia ini.

Dalam ucapan daripada saya di sesi Parlimen yang lepas saya telah menekankan bagaimana banyaknya aktiviti penyeludupan beras ini. Saya juga telah menyarankan bahawa pihak kementerian yang terbabit harus memantau aktiviti ini agar ianya dapat menyelamatkan industri padi beras pada keseluruhannya. Ketika itu masalah lambakan belum lagi ketara berlaku dan saya telah menyatakan tanda-tanda bahawa terdapatnya penyeludupan yang begitu ketara. Antara lain saya ada menyatakan secara terperinci bagaimana masalah penyeludupan beras ini boleh meruncing berdasarkan kepada faktor-faktor berikut;

- (i) Terdapatnya defisit permintaan pengeluaran di mana ianya tidak seimbang dan lebih kurang 13.47% daripada jumlah yang dipasarkan di Malaysia adalah beras seludup.

- (ii) Penurunan dalam jumlah pengimportan beras gred yang popular.
- (iii) Penurunan belian padi di Selangor oleh pengilang-pengilang luar
- (iv) Terdapatnya pengimportan stok padi di Kedah dan Perlis di mana peningkatan itu telah menyebabkan penurunan harga padi.
- (v) Permintaan yang melebihi pengeluaran di Kelantan walaupun 78% daripada hasil pengeluaran berasnya telah dijual di luar negeri tersebut.

Kerancangan aktiviti penyeludupan ini telah menyebabkan terjadi lambakan beras dan menyebabkan harga beras tempatan menjadi tertekan. Dalam konteks ini saya ingin menyeru kepada Kementerian Pertanian dan juga Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna agar aktiviti penyeludupan ini dapat dipantau sebaik-baiknya. Saya katakan bahawa ini akan memberi impak yang negatif kepada industri padi/beras itu pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, kos pengeluaran yang tinggi merupakan antara sebab harga beras tinggi dan tidak kompetitif jika dibandingkan dengan pengeluaran beras daripada negara jiran yang lain. Secara purata harga padi basah dipasarkan pada harga RM650 hingga RM700 setan metrik. Harga sebenar jauh lebih tinggi jika diambil kira kadar susutan yang disebabkan oleh kadar pemuatan yang tidak mengikut kualiti kerana subsidi harga padi yang berjumlah RM248.10 setan metrik mengambil kira harga purata di pasaran adalah sebanyak di antara RM650 hingga RM1010 setan metrik.

Keadaan ini telah menyebabkan jurang kecekapan yang nyata di antara industri tempatan dengan lain-lain negara pengeluar beras kerana harga padi negara Thailand adalah antara RM450 hingga RM480 setan metrik. Di Indonesia ada lebih kurang RM450 hingga RM500 setan metrik dan di Vietnam antara RM350 hingga RM400 setan metrik.

Walaupun terdapat kos pengeluaran yang tinggi, dari segi pendapatan petani tidaklah sedemikian. Kajian yang berdasarkan model perladangan yang diusahakan secara individu di kawasan MADA dengan purata saiz seluas 2.2 hektar dan purata hasil sebanyak 4 tan metrik sehektar. Pendapatan bersih termasuk subsidi bagi sehektar adalah lebih kurang RM1082. Dan jika ditolak daripada subsidi yang

diberikan oleh kerajaan, pendapatan petani untuk sehektar adalah lebih kurang RM54.00 untuk 4 hingga 6 bulan semusim.

Secara prinsipnya adalah sukar untuk menurunkan harga padi walaupun walaupun ke tahap harga minimum terjamin iaitu sebanyak RM550 setan metrik. Ini bermakna satu bentuk subsidi pengeluaran beras yang lebih cekap harus diadakan oleh kerajaan. Untuk berdaya saing dengan Thailand subsidi tambahan sebanyak RM257 diperlukan. Sementara subsidi sebanyak RM357 setan diperlukan untuk berdaya saing dengan Vietnam.

Secara keseluruhannya jumlah subsidi tambahan untuk industri ini akan bertambah sebanyak RM415 juta hingga RM580 juta setahun selain daripada subsidi yang dikeluarkan sekarang ini iaitu berjumlah di antara RM820 juta hingga RM980 juta setahun. Persoalannya adakah kerajaan akan terus memberi subsidi dan menambah subsidi yang ada sekarang ini.

Disebabkan oleh kos pengeluaran yang tinggi dan hakikat bahawa harga padi tidak boleh diturun di bawah paras minimum terjamin usaha adalah perlu dibuat untuk meningkatkan harga beras di pasaran. Untuk melakukan ini pendekatan untuk mengapungkan harga beras hendaklah dipertimbangkan oleh kerajaan. Pengapungan ini akan dapat membantu industri padi/beras untuk bersaing di peringkat antarabangsa kerana pengilang-pengilang tempatan akan mula mengeluarkan beras yang berkualiti tinggi setanding dengan beras import.

Saya diberitahu bahawa 40% daripada beras yang ada di pasaran merupakan beras yang dicampur dengan beras tempatan dan beras import. Masalah untuk mendapatkan harga beras yang tinggi kerana adanya siling yang dikenakan oleh kerajaan kepada kita ini. Dan siling ini mendorong pengilang untuk tidak mengeluarkan mutu beras yang tinggi yang melebihi mutu beras yang diimport daripada negara-negara jiran. Saya cadangkan pengapungan beras adalah untuk menangani masalah pengeluaran beras yang bermutu tinggi dilakukan oleh pengilang-pengilang beras tempatan yang ada. Namun pengapungan harus ada sekatannya. Saya ingin mencadangkan agar pengapungan harga beras ini hanyalah terhad kepada beras gred super tempatan 100% iaitu tanpa hancur, 5% dan 10%. Sementara harga beras tempatan gred super 15 saya cadangkan ia dikekalkan had maksimum kawalan harga. Ini adalah kerana berdasarkan kepada analisis jualan beras di pasaran. Saya dapati beras tempatan yang berkualiti iaitu 100%, 5% dan 10% pecah menguasai sekitar 30% daripada pasaran jualan sementara 20%

dikuasai oleh beras import dan selebihnya iaitu 50% dikuasai oleh beras gred super 15%.

Pengapungan harga akan mendorong industri player dan petani-petani untuk menjual beras yang berkualiti untuk memaksimumkan pendapatan mereka. Maka kegiatan pencampuran beras tempatan dan beras import dapat dibanteraskan. Walaupun harga beras ini dicadang untuk diapung, satu mekanisme perlu diadakan untuk memastikan ianya tidak melambung. Walau bagaimanapun saya pasti dengan kehadiran beras import sebagai saingan ianya secara semulajadi akan menjadi harga siling kepada pengapungan harga beras tempatan ini. Daripada laporan penyiasatan perbelanjaan isi rumah tahun 1998/1999 peratus perbelanjaan yang melibatkan pembelian beras setiap isi rumah adalah lebih kurang 2.4% di mana 1.7% adalah di kawasan bandar dan 3.7% di kawasan luar bandar.

Kawasan luar bandar pula lebih menumpukan perbelanjaan mereka terhadap belian beras tempatan hancur Super 15% ini. Maka pengapungan harga beras saya kira tidak akan memberi sebarang impak kepada perbelanjaan pengguna tetapi hanya secara tidak langsung akan meningkatkan industri harga pasaran beras itu dan meningkatkan industri beras tempatan kita untuk bersaing dengan beras daripada negara luar. Saya juga ingin mencadangkan seperti yang saya katakan di awal tadi bahawa kementerian harus mempertingkatkan penguatkuasaan terhadap penyeludupan beras terutama di sempadan-sempadan seperti Thailand.

Gejala ini perlu dipandang serius oleh semua pihak kerana secara tidak langsung ianya telah mengakibatkan penjejasan dalam pendapatan petani. Jika ianya tidak dibendung, walau apa pun yang dirancang oleh pihak kerajaan ia akan menjadi kurang berkesan dan tidak akan memberi perolehan yang dijangkakan. Pertanian secara komersial tidak akan mendapatkan hasil yang lumayan sekiranya diusahakan secara kecil-kecilan. Kajian saya, saya dapati saiz untuk penanaman padi secara purata adalah lebih kurang 1.06 hektar, di mana hanya 4% daripada petani mempunyai sawah berukuran lebih kurang 4 hektar.

Oleh itu saya ingin mencadangkan agar pengusahaan sawah secara large skill farming perlu dititikberatkan, dialu-alukan oleh kementerian. Kementerian perlulah mengenal pasti kawasan-kawasan yang sesuai terutama di Sabah dan Sarawak yang sesuai untuk dijadikan lokasi untuk large skill farming ini, di samping

memberi pelbagai insentif untuk memastikan kejayaan perusahaan large skill ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang telah banyak diperkatakan tentang industri kelapa sawit keseluruhannya di negara ini. Purata harga kelapa sawit se tan pada tahun 2000 jatuh sebanyak 31.3% kepada RM996.50 dan merupakan yang terendah sejak tahun 1993. Trend ini telah berpanjangan sehingga awal tahun ini walaupun terdapat sedikit perubahan yang positif jika dilihat perkembangan yang berlaku pada minggu yang lepas. Kejatuhan harga CPO telah menyebabkan harga menurun kepada 1% oil rate jatuh ke tahap RM9.79 sen se tan berbanding dengan RM15.30 sen pada tahun 1999.

Pada kadar sedemikian tentu sekali pulangan yang diperolehi akan menjadi negatif terutama bagi ladang-ladang kelapa sawit yang sudah melebihi usia 20 tahun. Selanjutnya dengan kejadian kejatuhan harga tersebut ianya telah memberi impak yang begitu ketara terhadap jumlah pendapatan estet-estet dan pekebun-pekebun kecil kelapa sawit terutama mereka yang mengusahakan penanaman kelapa sawit sebagai mono crop

Antara sebab-sebab yang dikenal pasti yang mengakibatkan harga komoditi ini menurun seperti yang dikatakan tadi oleh Menteri itu sendiri adalah peningkatan di dalam pengeluaran dan yang tidak menjadikan pengeluaran dan permintaan itu tidak seimbang. Penanaman yang begitu berleluasa telah mengakibatkan peningkatan di dalam CPO itu sendiri. Ini menyebabkan stok minyak sawit meningkat 20.3% atau lebih kurang 1.42 juta tan pada tahun 2000 berbanding dengan 1.18 juta tan pada tahun 1999.

Faktor ketiga ialah peningkatan pengeluaran daripada negara jiran. Indonesia telah mula memasarkan minyak sawit dengan agresifnya dan didorong oleh penurunan nilai Rupiah. Indonesia keseluruhannya telah memberi saingan yang hebat kepada minyak sawit negara kita. Di anggarkan Indonesia telah meningkatkan eksport minyak sawit mereka sebanyak 24.7% daripada 0.82 juta tan pada tahun sebelum kepada 4.14 juta tan pada tahun 2000.

Yang keempat, terdapat pengurangan import oleh negara India. India merupakan pasaran utama minyak sawit Malaysia. Namun kebelakangan ini negara ini telah mengurangkan importnya sebanyak 14.4%.

Kelima adalah disebabkan oleh penurunan harga minyak saingan seperti minyak daripada kacang soya dan rape seed oil yang menyebabkan pengeluaran stok yang tinggi dan peningkatan stok di pasaran antarabangsa.

Tahun ini dijangkakan CPO akan menurun. Saya yakin kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Utama menyedari hakikat ini. Usaha kementerian selama ini yang tidak pernah putus asa dalam mencari jalan menunjukkan kelapa sawit negara mendapat pasaran yang baik di peringkat antarabangsa harus mendapat pujian. Begitu juga langkah kementerian menggalakkan estet-estet dan pekebun kecil melaksanakan penanaman semula, sedikit sebanyak telah mengurangkan stok yang ada di pasaran.

Bagi memastikan industri minyak sawit ini terus berdaya saing maka usaha-usaha agresif terutama dalam mendapatkan pasaran baru haruslah diteruskan oleh kementerian. Peluang-peluang pasaran baru yang ada harus dieksploitasi sebaik-baiknya. Kejadian dan jangkitan HFM iaitu penyakit hand, food and mouth disease di Eropah ini akan mengakibatkan kekurangan minyak haiwan di pasaran. Dalam konteks ini saya ingin juga mencadangkan agar usaha untuk memasarkan minyak sawit dalam bentuk RBD palm oil iaitu palm olin dan juga 'palm steering' harus diperhebatkan oleh pihak-pihak yang tertentu. Industri hiliran komoditi ini harus dapat dieksploitasi kandungan keratin, 'tokoperole' dan juga 'tokotrainole' yang terdapat di dalam minyak sawit yang didapati mempunyai kandungan kualiti pemakanan dan juga *surgical* yang tinggi.

Kita banyak diberitahu bahawa minyak kelapa sawit mengandungi derivative daripada vitamin E yang begitu berguna sekali untuk kesihatan tubuh tetapi sejauh manakah industri hiliran kelapa sawit ini telah begitu dimajukan di negara kita dan apakah usaha-usaha ini telah membawa industri itu ke tahap industri hiliran yang lebih berkesan untuk menangani masalah kejatuhan harga akibat stok yang tinggi yang berlaku baru-baru ini.

Selain daripada itu saya ingin mencadangkan agar usaha kerajaan untuk lari daripada mono cropping dan pergi kepada diversify cropping haruslah dijalankan. Jika perlu, kementerian harus bersedia untuk melakukan ini secara polisi dan diadakan polisi di mana setiap pembukaan ladang baru haruslah dijadikan satu polisi untuk pengusaha itu lari daripada mono cropping dan menanam berbagai jenis tanaman yang boleh memberikan hasil yang berbeza dan meningkatkan pengeluaran tanah tersebut.

Saya ingin membawa mengapa mono cropping ini merupakan satu yang harus ditangani oleh semua pihak. Di negeri Sabah contohnya kawasan kelapa sawit dalam masa sepuluh tahun telah meningkat lebih kurang 370% daripada 252 hektar tan pada tahun 1989 kepada 941,000 tan pada tahun 1999. Dalam masa yang begitu singkat iaitu sepuluh tahun peningkatan penanaman kelapa sawit telah meningkat lebih kurang 370%. Ini merupakan sebab utama mengapa stok begitu banyak sekali terdapat minyak kelapa sawit ini di negara kita. Jadi usaha kerajaan untuk melaksanakan ataupun untuk mengadakan satu polisi di mana harus di emphasis bahawa mono cropping tidak dijalankan secara berleluasa lagi tetapi harus mengadakan satu diversify cropping merupakan satu usaha yang harus ditimbang oleh kerajaan menerusi Kementerian Perusahaan Utama.

Dalam usaha untuk mempelbagaikan pertanian dan untuk menangani masalah kejatuhan harga di pasaran akibat pengeluaran yang berlebihan dan untuk menjamin harga tidak bergantung kepada satu komoditi, saya ingin tahu adakah kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan polisi 'crop ratio' di kalangan pengusaha utama industri ini. Saya yakin pelaksanaan polisi ini akan menjurus kepada pengeluaran yang lebih seimbang dengan mengambil kira sumber-sumber alam seperti kawasan tanah yang sesuai. Tetapi apa yang perlu ditekankan adalah keimbangan dari segi keluasan penanaman jangka panjang seperti kelapa sawit, koko dan getah, tanaman jangka pendek seperti tanaman makanan.

Di samping itu crop diversification perlu digalakkan terutama bagi petani kecil-kecilan. Melalui sistem ini, petani berada pada tahap kecukupan diri untuk tanaman seperti padi dan juga kurang terdedah kepada risiko kejatuhan harga berbanding dengan petani-petani mengambil tanaman tunggal ataupun mono cropping. Sistem crop diversification perlu diamalkan oleh estet-estet di mana sebahagian peratus kawasannya perlu ditanam dengan tanaman kontan. Oleh kerana ini negara kita dapat menampung kecukupan diri di dalam tanaman makanan selain daripada menambahkan nilai eksport keluar negara.

Saya juga mengucapkan syabas kepada kementerian kerana mengefektifkan usaha untuk menggunakan minyak sawit sebagai bahan bakar kepada kenderaan dan juga industri perkilangan tetapi untuk industri hiliran ini berjaya, kerajaan melalui kementerian yang ada harus memastikan bahawa kos pengeluaran yang ada akan kompetitif dengan kos diesel yang ada sekarang ini. Saya difahamkan diesel merupakan lebih kurang 65 sen se liter pada harga

sekarang tetapi saya difahamkan kos pengeluaran se liter untuk kelapa sawit ditukar kepada bahan api akan menjangkau lebih RM1 Adakah kerajaan bersedia untuk menampung kos ini secara subsidi iaitu memberi subsidi seperti yang dilakukan oleh bahan api diesel, ini merupakan satu langkah yang harus difikirkan oleh kementerian agar penggunaan minyak sawit sebagai bahan api akan berjaya dilaksanakan secara yang sebaik-baiknya di negara ini.

Saya percaya dengan diversify produk kelapa sawit seperti vitamin 'E', marjerin dan sebagainya di samping minyak makan itu sendiri dan penggunaan minyak sawit sebagai bahan api akan merangsangkan pertumbuhan industri ini pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin segala usaha kerajaan untuk menaikkan industri ini ke tahap yang sebelum ini dan untuk memastikan bahawa setiap pengusaha dalam industri ini terutama mereka yang mengusahakan ladang-ladang kelapa sawit secara kecil-kecilan akan dapat dibela dan mendapat pulangan yang baik dalam jangka masa yang panjang. Jika kita lihat trend yang ada sekarang ini di mana selalunya, sekian lamanya bertahun-tahun sudah, trend kenaikan dan penurunan harga sawit itu bergantung besar dengan kenaikan dan penurunan harga kacang soya di pasaran antarabangsa. Jika dilihat trend itu sekarang ada unsur-unsur bahawa trend minyak kacang soya akan meningkat dalam masa jangka masa yang mendatang ini. Jika trend yang lalu itu merupakan, boleh di apply kan, boleh dikira sebagai trend kelapa sawit dan minyak kacang tanah, ini menunjukkan bahawa minyak kelapa sawit akan kembali cerah dalam masa akan datang ini.

Saya yakin dengan usaha-usaha kerajaan ini dan keprihatinan kerajaan untuk membantu mempromosikan minyak sawit dan mendiversifykan produk-produk kelapa sawit ini, industri ini terus akan kembali kepada satu industri yang memberi pulangan yang baik kepada setiap pengusahanya.

Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

**12.54 tgh.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian perbahasan Usul Ucapan Terima Kasih Kepada Titah Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, soal perpaduan dan hubungan antara kaum menjadi topik hangat kebelakangan ini terutamanya selepas isu SJK(C) Damansara serta insiden di Jalan Klang Lama. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dalam ucapan baginda tidak lupa menyeru semua rakyat supaya bersama-sama mengeratkan perpaduan serta mengelakkan perkara-perkara yang boleh merenggangkan hubungan antara kaum.

Memang tidak dapat kita menafikan bahawa perpaduan antara kaum adalah batu asas kepada kestabilan politik serta kemajuan negara. Pemupukan perpaduan rakyat patut menjadi agenda utama kerajaan masa sekarang mahupun kerajaan di masa-masa akan datang. Dalam keghairahan kita merapatkan hubungan antara kumpulan-kumpulan etnik di negara ini, kita mesti menyedari bahawa kewujudan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan bukan batu penghalang kepada perpaduan di antara kaum. Pendidikan menggunakan bahasa penghantar yang sama tidak semestinya menjamin perpaduan. Seperti mana dapat kita lihat, soal perpaduan komuniti Melayu menjadi tajuk perbincangan hangat di kalangan pemimpin politik Melayu kebelakangan ini. Lebih 99% anak-anak Melayu menggunakan bahasa penghantar yang sama dari peringkat sekolah rendah hinggalah ke sekolah menengah. Bagi mereka yang berjaya masuk ke universiti-universiti tempatan, mereka juga akan menggunakan bahasa penghantar yang sama dalam kuliah-kuliah.

Jika hipotesis bahasa penghantar yang sama di semua sekolah akan dapat menjamin perpaduan adalah benar, soal perpaduan kaum Melayu tidak harus timbul. Jika hipotesis bahawa sekolah satu aliran akan dapat menjamin perpaduan adalah benar, tidak akan wujud konflik antara etnik di negara Indonesia. Sekiranya bahasa penghantar yang tidak sama akan membawa perpecahan, adakah ini bermakna kita harus menghalang rakyat Malaysia melanjutkan pelajaran di peringkat universiti di negara asing yang tidak menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu rakyat Malaysia menjadikan pembelajaran sebagai satu usaha sepanjang hayat. Adakah kita perlu menetapkan bahawa proses pembelajaran sepanjang hayat rakyat Malaysia hanya boleh menggunakan bahasa penghantar yang sama. Dalam era globalisasi ini kalau kita masih beranggapan pendidikan satu aliran adalah penyelesaian kepada masalah perpaduan, bagaimanakah usaha ini boleh diperluas dalam konteks perpaduan

masyarakat global. Adakah keamanan dunia hanya akan tercapai dengan pendidikan satu aliran untuk semua penduduk di atas bumi ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyatupadukan rakyat Malaysia adalah satu projek mega yang kompleks. Kita harus mentakrifkan soal ini sebagai satu cabaran dan bukannya satu masalah semata-mata. Cabaran ini akan berlanjutan dari satu generasi ke satu generasi. Pada pendapat saya dengan mengambil kira kepelbagaian budaya dan perbezaan asal keturunan kaum-kaum di Malaysia, jalan menuju perpaduan bukan sekolah satu aliran. Konsep ini mungkin boleh diguna pakai di negara tertentu tetapi ia juga telah terbukti tidak berkesan di negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang masih bukan merupakan masa yang sesuai untuk pelaksanaan sekolah satu aliran di negara kita. Reformasi dalam bidang pendidikan ini terlalu drastik untuk diterima oleh semua pihak pada masa sekarang. Kerajaan harus membiarkan rakyat jelata menentukan sama ada untuk menerima konsep ini dan bilakah masa yang paling sesuai untuk pelaksanaannya. Pelaksanaan konsep ini pada waktu yang tidak sesuai bukan sahaja tidak menyumbang kepada perpaduan malah kemungkinan mencetuskan perselisihan faham antara kaum.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, panduan kepada kita untuk mencapai perpaduan sebenarnya terkandung dalam Rukun Negara. Rukun pertama, Kepercayaan Kepada Tuhan - rakyat Malaysia akan lebih bersatu padu sekiranya kita tidak terlalu ghairah mengejar kekayaan dan kuasa sehingga mengabaikan ajaran-ajaran agama yang menghalang lakuan benci-membenci dan maki-memaki. Rukun kedua, Kesetiaan Kepada Raja Dan Negara. Rakyat Malaysia akan lebih bersatu padu jika kita dapat meletakkan kestabilan dan kepentingan negara di tempat yang lebih utama daripada kepentingan kaum atau kepentingan peribadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta sambung petang ini ya.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Gelang Patah ya, sila sambung.

**2.32 ptg.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada sebutkan bahawa memang dalam Rukun Negara ada mengandungi panduan untuk kita mencapai perpaduan.

Saya sudah sentuh dua rukun dan rukun yang ketiga iaitu 'Keluhuran Perlembagaan' - rakyat Malaysia akan lebih bersatu padu jika para pemimpin mahupun rakyat dapat mengiktiraf hak-hak kepada semua kaum yang dijamin oleh Perlembagaan. Dan rukun keempat 'Kedaulatan Undang-undang' - masyarakat Malaysia akan lebih bersatu padu sekiranya kita semua mematuhi undang-undang yang digubal dengan tujuan mengawal tingkah laku individu agar hak kepentingan mahupun nyawa orang lain tidak diancam atau dcederakan. Dan rukun yang kelima 'Kesopanan dan Kesusilaan' - masyarakat Malaysia akan menjadi lebih bersatu padu jika kita sentiasa bersopan santun, bertatasusila dan menghormati kepekaan serta perasaan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lepas Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka mencadangkan agar mata pelajaran Sejarah dan Moral di sekolah rendah jenis kebangsaan diajar menggunakan Bahasa Malaysia. Saya bersetuju dengan hujah beliau bahawa mata pelajaran Sejarah serta Moral yang mendedahkan pelajar-pelajar sekolah rendah kepada pemahaman terhadap bangsa, negara serta nilai-nilai murni adalah penting untuk perpaduan. Walau bagaimanapun, saya tidak dapat bersetuju dengan pendapat beliau bahawa Bahasa Malaysia harus digunakan dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah dan Moral di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, memantapkan perpaduan rakyat dan memantapkan penguasaan Bahasa Malaysia di kalangan pelajar adalah dua isu yang berasingan. Sekiranya objektif kita ialah untuk mendedahkan para pelajar kepada sejarah bangsa dan negara serta nilai-nilai murni penggunaan bahasa ibunda adalah lebih berkesan. Pemupukan semangat cintakan negara dan bangsa dapat juga dilakukan menggunakan bahasa ibunda para pelajar. Sekiranya objektif kita ialah untuk

mempertingkatkan tahap penguasaan Bahasa Malaysia di kalangan pelajar, apa yang perlu dilakukan ialah memperbaiki kaedah dan pendekatan pengajaran.

Saya bersetuju bahawa sekiranya generasi muda Malaysia tidak dapat bertutur dalam Bahasa Kebangsaan interaksi dan komunikasi antara kaum akan sukar berlaku. Tetapi apa yang dapat kita lihat sekarang generasi muda baik yang menerima pendidikan sekolah rendah di sekolah kebangsaan mahupun sekolah jenis kebangsaan, tidak menghadapi masalah berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia. Ini adalah kerana para pelajar sekolah rendah jenis kebangsaan bukan sahaja belajar bahasa ibunda masing-masing tetapi mereka juga diajar Bahasa Malaysia.

Di samping itu, para pelajar sekolah rendah juga dibimbing melafaz dan menghayati Rukun Negara Malaysia. Mereka juga dididik agar setia kepada raja dan taat kepada negara. Mereka juga diajar tentang peri pentingnya kesopanan dan kesusilaan demi keamanan dan kesejahteraan hidup bermasyarakat. Hujah bahawa kewujudan sekolah rendah jenis kebangsaan menghalang perpaduan rakyat Malaysia adalah kenyataan tidak berasas sama sekali. Faktor utama pewujudan perpaduan antara rakyat jelata berbilang kaum adalah pelaksanaan polisi-polisi yang adil dan liberal dan bukan kerana penggunaan bahasa penghantar di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berpendapat bahawa insiden Jalan Klang Lama bukan berpunca daripada perbezaan kaum semata-mata. Tetapi faktor-faktor sosial yang mendorong mereka yang terbabit memberontak. Saya bersetuju dengan analisis Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Remaja memberontak kerana ingin menarik perhatian ibu bapa. Demikian juga penduduk sesuatu kawasan memberontak berkemungkinan kerana mereka mahu menarik perhatian para pemimpin masyarakat. Oleh itu saya berharap para pemimpin negara dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini dapat memberi perhatian yang lebih serius kepada faktor-faktor sosial yang sebenarnya lebih mempengaruhi kualiti hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun masyarakat Malaysia secara amnya telah bertambah kaya, masih terdapat rakyat Malaysia yang terpaksa tinggal di kawasan-kawasan setinggan yang serba kurang. Masih juga terdapat anak-anak yang tidak berpeluang menamatkan pendidikan sekolah rendah kerana kemiskinan keluarga. Insiden Jalan Klang Lama sebenarnya juga menghantar satu mesej kepada kita bahawa masih banyak usaha yang perlu kita lakukan untuk memperbaiki kualiti hidup seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh perkara yang kedua, selain daripada perpaduan rakyat iaitu tentang prestasi perkhidmatan pihak berkuasa tempatan dan syarikat-syarikat yang dapat penswastan daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dari air, ke tepung, susu, harga minyak, jenis barangan atau perkhidmatan telah meningkat dan banyak pihak berkuasa tempatan juga bercadang atau telah menaikkan cukai pintu baru-baru ini. Salah satu daripadanya ialah di kawasan saya, kawasan Gelang Patah iaitu Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah. Dukacitanya, berdasarkan maklum balas yang saya terima ramai penduduk tempatan tidak berpuas hati dengan mutu perkhidmatan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah.

Sepatutnya kenaikan cukai pintu perlu diikuti dengan peningkatan mutu perkhidmatan. Jika ini tidak dapat dijamin bukan sahaja pihak berkuasa tempatan yang terbabit akan dikecam malah imej seluruh kerajaan akan terjejas. Di sini saya ingin ambil perhatian Dewan yang mulia ini bahawa saya tidak boleh bersetuju dengan pihak berkuasa tempatan yang mana mereka kenakan dua kadar cukai pintu yang berlainan untuk kawasan di Taman Johor Jaya dan Bandar Sri Alam dikenakan 0.2% dan di kawasan lain 0.25%. Apa sebab ada perbezaan antara kedai-kedai di kawasan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah? Ini boleh dikatakan tidak seragam dan boleh dikatakan tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Lim Hock Seng:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri minta penjelasan, Yang Berhormat.

**Tuan Chang See Ten:** Masa tidak cukuplah. Saya ada banyak ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa setengah jam. Kalau hendak beri, beri.

**Tuan Chang See Ten:** Kerajaan Pusat telah memulakan usaha menyeragamkan pentadbiran serta struktur organisasi kerajaan-kerajaan tempatan di setiap negeri. Saya berharap perhatian juga akan ditumpukan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan kepada rakyat jelata. Rakyat Malaysia telah dibebani dengan kadar cukai pintu yang lebih tinggi, mereka berhak mendapat perkhidmatan yang lebih mesra dan lebih cekap.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu sedar bahawa parti-parti pembangkang sering menggunakan insiden ketidakcekan atau kelalaian pegawai-pegawai

kerajaan tempatan ketika menjalankan tugas sebagai peluang untuk mengecam reputasi Kerajaan Barisan Nasional. Kerajaan-kerajaan tempatan adalah pihak berkuasa yang paling rapat dan paling kerap berurusan dengan rakyat jelata. Oleh itu pihak-pihak berkuasa tempatan perlu peka terhadap keperluan serta masalah rakyat tempatan. Kadangkala satu kesilapan atau kelalaian yang tidak disengajakan boleh diheboh-hebohkan oleh pihak tertentu sehingga nama baik kerajaan di semua peringkat terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan dasar penswastaaan banyak jenis perkhidmatan yang pada suatu ketika dahulu terletak di bawah bidang kuasa kerajaan tempatan telah diswastakan. Walaupun aktiviti syarikat-syarikat yang mengambil alih tugas menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu tidak lagi dikawal secara langsung oleh pihak kerajaan, satu sistem yang sempurna perlu diwujudkan bagi memantau operasi syarikat-syarikat ini. Sekiranya syarikat-syarikat ini didapati tidak dapat menjalankan tugas seperti mana yang telah dijanjikan, hukuman tertentu misalnya penamatan kontrak harus dikenakan. Salah satu tujuan utama penswastaaan ialah memberikan perkhidmatan yang lebih memuaskan kepada rakyat jelata dan bukan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu syarikat-syarikat yang mengambil alih perkhidmatan tertentu juga perlu sentiasa mengutamakan keselamatan penduduk tempatan. Misalnya, dalam kawasan Parlimen Gelang Patah, Syarikat Air Johor serta Tenaga Nasional Bhd. telah banyak menjalankan kerja-kerja menaik taraf sistem perbekalan air atau elektrik. Inisiatif ini memang patut menerima pujian dan sokongan. Namun demikian, saya telah perhatikan bahawa kadangkala kerja-kerja penanaman paip air atau kabel telah mengakibatkan kerosakan permukaan jalan atau pembentukan lubang di atas jalan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam situasi sebegini, kerja-kerja pembaikan atau penutupan lubang-lubang di atas jalan perlu dilakukan segera oleh pihak yang menjalankan kerja-kerja penanaman paip air atau kabel. Baru-baru ini satu kemalangan yang berpunca daripada lubang di atas jalan telah berlaku dan telah mengakibatkan kehilangan nyawa seorang penunggang motosikal. Saya berharap kejadian ini tidak akan berulang. Di samping itu, pihak Jabatan Kerja Raya yang bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan berkala jalan-jalan harus memastikan lubang-lubang yang terbentuk oleh punca-punca lain juga dibaiki dengan serta-merta demi keselamatan para pengguna jalan.

Tuan Yang di-Pertua, suka ataupun tidak, kita mesti mengakui bahawa kempen untuk pilihan raya akan datang telah bermula. Parti-parti pembangkang telah memaparkan kesungguhan untuk menggunakan setiap kesilapan kerajaan sebagai peluang mengancam kredibiliti dan reputasi Kerajaan Barisan Nasional. Pada pendapat saya strategi kerajaan yang paling berkesan untuk mengurangkan kecaman pihak pembangkang ialah dengan meningkatkan kualiti perkhidmatan serta kecekapan jabatan-jabatan kerajaan. Sekiranya polisi-polisi kerajaan serta perkhidmatan di kaunter-kaunter jabatan kerajaan cukup mesra rakyat, parti-parti pembangkang akan mendapati mereka tidak lagi mempunyai banyak peluang untuk mengkritik kerajaan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat, Sri Gading, hendak beri jalan atau tidak. Hendak beri atau tidak beri?

**Tuan Chang See Ten:** Tidak cukup masa, saya ada satu perkara lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cakaplah, berikah, tidak beri.

**Tuan Chang See Ten:** Maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak beri.

**Tuan Chang See Ten:** Okay. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh kepada isu yang akhir yang saya ingin sentuh hari ini ialah isu-isu yang dihadapi oleh penternak khinzir. Sejak Rancangan Malaysia Ke tiga tahun 1975 hingga 1980, pihak kerajaan telah mempunyai rancangan untuk mewujudkan kawasan *pig farm area*, dengan izin, untuk memajukan industri penternakan khinzir tetapi sehingga sekarang sudah lebih 20 tahun masih tiada kawasan PFA diwujudkan di negara kita. Saya ingin mengambil peluang keemasan di dalam Dewan yang mulia ini mengemukakan isu-isu yang dihadapi oleh penternak-penternak khinzir di negeri Johor.

Tuan Yang di-Pertua, industri ini di negeri Johor bernilai *ex-farm gate*, dengan izin, lebih kurang RM250 juta dan memerlukan jangka masa lebih dari 50 tahun untuk dibangunkan sehingga dapat mencapai pengeluaran daging utama setanding dengan industri ayam, tanpa sebarang bantuan daripada pihak kerajaan. Kini.....

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri, Yang Berhormat. Kota Melaka.

**Tuan Chang See Ten:** Minta maaf, tidak ada masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri, Yang Berhormat.

**Tuan Chang See Ten:** Kini penternak-penternak khinzir telah berjaya memenuhi permintaan keperluan konsumer dan telah mencapai kadar sendiri lebih kurang 30,000 tan metrik daging khinzir setahun. Pihak kerajaan perlu mengambil perhatian tentang kepentingan industri ini dari sudut pengeluaran makanan untuk rakyat yang bukan Islam dan keuntungan dari penukaran wang asing jika komoditi tersebut diimport. Industri ini di negeri Johor melibatkan lebih kurang 4,000 orang pekerja.

Pada zaman dahulu ladang-ladang penternakan khinzir adalah berlokasi jauh dari bandar dan perkampungan. Kini ia adalah jelas menjadi mangsa akibat pembangunan pesat. Dari sudut ini persatuan penternakan khinzir negeri Johor peka dan insaf bahawa suatu tindakan serius dan positif wajib diambil untuk menempatkan ladang-ladang khinzir di suatu tempat yang terpencil dan sesuai ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Chang See Ten:** ....tanpa tuntutan pampasan daripada pihak kerajaan tetapi telah dua kali permohonan mereka ditolak oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak habiskan pihak kerajaan tidak akan tahu apa masalah .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa, tidak apa. Ada lain masa boleh cakap lagi.

**Tuan Chang See Ten:** Saya cuba ringkaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat. Dalam Rancangan Malaysia Ke lapan boleh bercakap, dalam Rancangan Jangka Panjang Yang Ketiga boleh bercakap. Banyak lagi Yang Berhormat, kalau hendak bercakap. Jadi, masa itu .....

**Tuan Chang See Ten:** Ada berapa lama lagi, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Setengah minit lagi.

**Tuan Chang See Ten:** Okay, saya sambung sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, Johor ialah negeri pertama di Semenanjung yang mengadakan Enakmen Memelihara Babi pada tahun 1995 dan industri ini telah dilaksanakan secara teratur dan sistematik dengan pelaksanaan sistem pengolahan dan pelupusan najis yang baik seperti yang disyaratkan dalam pelesenan tahunan. Tetapi pihak Kerajaan Negeri Johor melalui pejabat-pejabat tanah di peringkat daerah telah menimbulkan soal kegunaan tanah ladang-ladang khinzir ini. Selama ini industri penternakan khinzir ini dibenarkan sejak dahulu berdasarkan prinsip persefahaman dan toleransi. Jawatankuasa kecil bagi mengubahkan peraturan-peraturan di bawah Undang-undang Memelihara Babi 1995 dan Jawatankuasa Kecil Bersama Ternakan Babi, Jawatankuasa Pertanian dan Perikanan Negeri Johor yang ditubuhkan pada 1 Januari 1983 untuk mengkaji dan mengatasi segala masalah terhadap industri ini tidak pernah menyoalkan kegunaan tanah kerana istilah kegunaan tanah di bawah pertanian juga boleh merangkumi penternakan. Kebelakangan ini didapati tindakan oleh pihak pejabat tanah daerah terhadap ladang-ladang khinzir telah menimbulkan perasaan risau dan huru-hara di kalangan penternak khinzir di negeri Johor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa sudah habis, Yang Berhormat.

**Tuan Chang See Ten:** Saya dimaklumkan bahawa satu buah ladang khinzir telah diarahkan tutup oleh Pentadbir Tanah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat....

**Tuan Chang See Ten:**...Kota Tinggi, manakala enam buah ladang di Daerah Kluang dan sebuah di Daerah Batu Pahat telah dikeluarkan notis 7A Langgar Syarat Tanah, Seksyen 130 Kanun Tanah Negara....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat pun langgar juga peraturan ini.

**Tuan Chang See Ten:** Okay, saya berhenti. Tahun 1995. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Keningau.

**2.53 ptg.**

**Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya menyampaikan perasaan

setinggi-tinggi penghargaan atas kebenaran untuk saya mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul Ucapan Terima kasih Ke atas Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Saya juga merasakan bahawa kita sebagai rakyat Malaysia sentiasa ingin berterima kasih kepada sesiapa sahaja yang memberi pandangan dan bimbingan demi untuk memperbaiki keadaan hidup kita di dunia yang penuh dengan ketidakpastian ini. Apatah lagi apabila datangnya daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sendiri. Justeru itu, kita harus memberi perhatian yang serius ke atas Titah yang dilafazkan oleh Baginda pada 19 Mac tahun ini, hari Isnin minggu yang baru berlalu.

Tentu sekali tiada sesiapa pun di antara kita sebagai rakyat Malaysia yang tidak ingin negara kita maju dan terus maju ke arah Wawasan 2020 dan seterusnya berkekalan dan saya rasa tiada sesiapa yang tidak ingin membantu menyumbang buah fikiran untuk tujuan membekalkan perkakas yang difikirkan baik untuk digunakan sebagai sebahagian daripada bahan-bahan jentera kita dalam perjalanan kita menuju ke arah yang sama-sama kita telah persetujuan. Terpulanglah kepada kebijaksanaan pihak yang berkuasa untuk mempertimbangkan perkakas-perkakas, buah fikiran yang disumbangkan dan sama ada ianya diterima pakai atau sebaliknya dan terpulang kepada rakyat pula untuk menilai kebijaksanaan pertimbangan dan penggunaan bahan-bahan buah fikiran itu.

Mengikut sistem demokrasi yang saya difahamkan, kecuali penterjemahan saya silap dan salah, apabila tempoh pemerintahan selesai kita akan kembali kepada rakyat untuk mereka memilih dan menentukan siapa dan apa parti politik yang mereka ingin menerajui kerajaan kemudian selesainya pilihan raya. Justeru itu dalam fahaman saya dan saya mengharapkan agar apa yang kita sampaikan di sini, di Dewan yang mulia ini sebagai sumbangan idea diterima dalam konteks di mana kita dimandatkan oleh rakyat dan mengikut Perlembagaan dibolehkan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menyampaikan buah fikiran kita. Kita tidak mengatakan bahawa apa yang kita sampaikan adalah yang paling tepat dan sesuai oleh sebab dalam apa sahaja soal, kita semua sedia maklum, bahawa memang ada pakar-pakar tertentu dan bukan sahaja itu, kita juga sedia maklum dalam apa-apa persoalan pun, ramai juga pakar berbeza pendapat.

Misalnya dalam soal cara-cara bagaimana kita mengatasi kemelesetan ekonomi dunia dan negara. Kita berterima kasih kerana banyak idea yang telah

diketengahkan untuk diperlihatkan dan dipertimbangkan oleh semua pihak yang bertujuan sama iaitu mengatasi tekanan negatif ekonomi meleset pada tahun 1997 dan untuk mengelakkan daripada kemelesetan ekonomi yang mungkin akan berlaku jika sekiranya kerjasama untuk mengatasinya tidak diambil dengan secara tulus ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya ingin kepada satu perkara yang seharusnya tiada lagi pertikaian iaitu tentang peranan pihak pembangkang. Nampaknya masih ada yang ingin mengatakan bahawa pihak pembangkang hanya tahu membangkang sahaja dan tidak pernah memberi sokongan terhadap apa sahaja yang baik yang dilakukan oleh kerajaan. Sebenarnya saya tidak nampak bahawa pihak pembangkang berperangai sedemikian. Sikap menyokong apabila ada tajuk yang kena dan boleh diterima dan apabila ada kaitan dengan kepentingan negara terus ditunjukkan oleh pihak pembangkang. Takkan semuanya kita bangkang kalau ada yang perlu disokong tetapi di sinilah letaknya tahap penerimaan kita terhadap peranan pihak pembangkang boleh dilihat dan boleh diukur. Pihak pembangkang harus terus memainkan peranannya seperti mana yang difahamkan dan yang diharapkan oleh rakyat dalam sistem demokrasi kita. Hanya kadang-kadang kita semua keliru melihat kenyataan keputusan pihak berkuasa setelah satu-satu isu telah dibahaskan dengan panjang lebar.

Misalnya, baru-baru ini perkara sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri di negeri Sabah telah hangat diperbahaskan. Perbahasan ini yang sebenar telah pun bermula sejak sistem itu diperkenalkan dengan tiba-tiba tanpa perundingan terlebih dahulu pada tahun 1994, di Padang Beaufort musim pilihan raya, ramai yang telah mengeluarkan pendapat termasuklah pihak UMNO dan juga pihak pembangkang PBS. Kedua-dua pihak ini dan ada lagi pihak yang lain yang serupa pendapat tidak bersetuju bahawa sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri harus diteruskan dan banyak sebabnya yang dikemukakan yang boleh diterima sedangkan sistem ini pun telah dikatakan sebagai satu sistem yang melahirkan Ketua Menteri yang lembap. Sistem ini memang bertentangan dengan Perlembagaan negeri Sabah dan membawa kesan yang negatif dan merosakkan sistem pentadbiran yang stabil.

Namun, pendapat kita tidak diterima dan oleh sebab-sebab tidak diterima sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri itu diteruskan dengan sedikit perubahan. Dikatakan sedikit tetapi perubahan ini adalah satu perubahan yang besar tetapi dilakukan dalam cara yang 'subtle', dengan izin. Yang rugi, golongan bumiputera

yang bukan Muslim dan apabila ianya dibandingkan dengan janji dalam manifesto Barisan Nasional sejak tahun 1994, keputusan dan pelaksanaan adalah terlarai jauh daripada apa yang dijanjikan iaitu bahawa setiap golongan kaum harus mempunyai giliran dalam masa dua tahun sebagai tempoh apabila giliran itu dilaksanakan tetapi ini sudah diubah sedangkan giliran kaum bumiputera yang bukan beragama Islam hanya telah mentadbir dalam tempoh 10 bulan sahaja...

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan:**...dan tidak disambungkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri minta penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan:** Belum lagi, kita mahu sambung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi lagi, Yang Berhormat ya.

**Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan:** Ini sudah mungkir janji daripada janji dua tahun untuk setiap penggal dalam sistem giliran itu. Sistem ini memang tidak baik dan bukan pihak pembangkang sahaja yang mengatakan sedemikian. Walau macam mana pun, segalanya yang berlainan pendapat hanyalah dikenakan kepada pihak pembangkang. Apa boleh buat, nampaknya itu sudah menjadi lumrah di dalam politik yang dipraktikkan negara Malaysia sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan politik yang kita praktikkan sekarang ini dalam alaf baru ini mungkin pendekatan baru yang jelas dan yang tidak mengelirukan perlu diwujudkan. Untuk mengelakkan kekeliruan daripada sistem dan pendekatan baru diterima pakai dan tidak dipertikaikan, ianya harus dimuatkan dan dicatatkan dalam Perlembagaan Malaysia dan perlembagaan-perlembagaan negeri-negeri. Banyak sudah masa dan wang yang digunakan untuk membahaskan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri di negeri Sabah sehingga banyak perhatian yang diperlukan rakyat hilang begitu sahaja. Mungkin sudah sampai masanya bagi negara ini dan kerajaan ini menerima pakai sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri yang dilaksanakan di negeri Sabah dengan sepenuhnya di seluruh negara. Ini bererti sistem ini harus dipraktikkan di Pulau Pinang, di Sarawak dan di semua negeri di Semenanjung oleh sebab dikatakan bahawa sistem penggiliran jawatan ini adalah

baik dan adil. Bukan sahaja itu, sistem penggiliran jawatan ini juga harus dipraktikkan di peringkat kebangsaan atau nasional supaya kebaikan dan keadilan itu dapat dirasakan oleh semua pihak. Pelaksanaan ini mudah sahaja dibuat. Usulkan sahaja perubahan ke dalam Perlembagaan Malaysia dan negeri-negeri supaya tiada lagi yang boleh mempertikaikannya dan tidak lagi menjadi bahan-bahan perbahasan. Saya berharap ini boleh difikirkan dengan semasak-masaknya khususnya dari segi kepentingan kita semua bersama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan:** Tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak bagi Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan:** Kalaulah sistem ini baik sila laksanakan di seluruh negara dan jadikannya undang-undang. Jangan apa yang dikatakan baik itu hanya dikenakan di negeri Sabah dan tidak pula dinikmati di negeri-negeri lain.

Di sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya sistem ini setelah dipertimbangkan dikatakan tidak membawa kebaikan atau ketenteraman di masa-masa akan datang, tolonglah hentikan sahaja sistem penggiliran ini. Kita seharusnya bagaikan doktor, apabila memeriksa badan yang dirawat kita harus memeriksa dengan profesional dan objektif dan mengenali tanda-tanda yang merbahaya dan membimbangkan, seterusnya memberi rawatan yang benar, sesuai dan membawa kesan yang baik dan sihat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang harus diambil kira dalam tujuan kita membentuk satu dasar sosial nasional ialah mengenai dengan perkara, dengan izin, *freedom of association*. Fahaman saya mengenai kebebasan perhubungan ini ialah bahawa ianya dibenarkan secara meluas tertakluk kepada undang-undang tertentu. Misalnya, apabila kita ingin melakukan upacara berkumpul secara ramai dan terbuka ianya harus dilakukan dengan kebenaran permit polis dan apabila kita melakukan kontrak kita tertakluk kepada syarat-syarat yang telah dipersetujui. Syarat-syarat itu boleh diterima kerana ianya tidak menyekat *freedom of association*.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk pada satu perkara yang telah diputuskan Mahkamah Tinggi pada tahun 1993 bahawa Perkara 18(d) dan (e) Perlembagaan negeri Sabah yang dikatakan 'anti-hop law' adalah

bertentangan dengan prinsip *freedom of association*, dengan izin. Saya tidak nampak bagaimana ianya bertentangan dengan prinsip *freedom of association*, sedangkan ianya tidak menyekat, tetapi sebagai satu syarat yang bertujuan melindungi dan menghormati sistem dan prinsip demokrasi sebagaimana hak warganegara Malaysia. Perkara itu yang sebenarnya adalah juga untuk membawa kestabilan politik di rantau ini. Ianya bertujuan baik dan ikhlas tetapi disalahtafsirkan. Apa yang saya ingin sumbangkan dalam Dewan yang mulia ini ialah cadangan supaya prinsip dan tujuan yang baik Perkara 18 yang dikatakan anti-hop law ini dilihat dari sudut yang tepat dan positif dan bukan daripada sudut yang negatif. Banyak kebaikan untuk negeri, negara dan sistem demokrasi kita di Malaysia dalam konteks kestabilan politik yang sering kali diluang-laungkan dan yang diinginkan di negara ini.

Saya mencadangkan supaya keputusan Mahkamah Tinggi dalam tahun 1993 itu difikirkan semula oleh Dewan yang mulia ini supaya peruntukan yang terkandung di dalam perkara 18 (d) dan (e) yang dikatakan anti-hop law Perlembagaan Negeri Sabah dahulu itu diterima pakai sebagai satu cara menstabilkan suasana politik kita di negara Malaysia dan mengurangkan satu lagi masalah sosial dan politik di tanah air kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut gembira apabila mendengar bahawa pada keseluruhannya dikatakan keselamatan negara adalah terkawal dan terus berada dalam keadaan aman dan stabil. Siapa juga tidak mahu negara kita terus dalam keadaan aman dan stabil, tentu sekali inilah keinginan kita. Justeru itu, kita mencadangkan bahawa peruntukan seperti Perkara 18 yang saya katakan tadi yang dikatakan tidak sah itu disahkan semula melalui Dewan yang mulia ini. Jika tidak, budaya politik lompat akan terus berlaku dan politik tidak menghormati perjanjian, politik tidak menghormati hak rakyat dan pengundi, politik yang hanya mementingkan diri sendiri dan politik yang menggalakkan penggunaan wang secara tidak berprinsip akan terus berlaku.

Saya percaya penekanan agar kepentingan umum dan negeri adalah harapan generasi kita yang akan datang. Namun, dalam konteks keselamatan adalah diharapkan agar ianya akan terus terkawal. Kawalan adalah tindakan yang proaktif dan sentiasa bersiap sedia. Jika tidak, tentu sekali akan berlaku hal seperti yang berlaku kejadian di Gerik dan di Sauk. Tidak payah lagi kita menceritakan bagaimana kejadian itu berlaku oleh sebab telah pun diketahui umum. Begitu juga

dengan kejadian di Pulau Sipadan dan di Pulau Pandanan. Peristiwa-peristiwa ini menggambarkan sesuatu kepada kita. Saya percaya bahawa beberapa langkah telah pun diambil untuk membaik pulih keadaan. Hanya di kepulauan negeri Sabah kita percaya jika sekiranya peringatan-peringatan yang kita suarakan kepada pihak yang berkenaan telah diambil berat awal-awal dan tindakan yang wajar diambil terlebih dahulu mungkin banyak pihak keselamatan mungkin banyak perkara yang tidak diingini tidak akan berlaku. Tetapi biasanya jawapan dari pihak keselamatan ialah bahawa pantai negeri Sabah terlalu panjang dan sukar dikawal. Alasan seperti ini tidak boleh diterima lagi kerana kita boleh membawa kelengkapan dan tambahan tenaga yang cukup jika diuruskan seperti mana yang telah dilakukan selepas kejadian-kejadian pencolekan itu.

Kini Kerajaan Malaysia juga tahu berapa banyak bilangan orang-orang asing yang ada di negeri Sabah dan juga mengetahui bahawa sebahagian besar di kalangan mereka itu adalah warganegara asing yang telah masuk ke negara Malaysia secara haram. Kerajaan juga tahu bahawa ramai di antara mereka telah diberikan kad pengenalan Malaysia sama ada yang palsu atau pun yang bukan palsu. Kerajaan juga tahu tentang sindiket-sindiket yang berleluasa yang mengeluarkan kad pengenalan palsu dan menjualkannya kepada orang-orang asing dengan harga di antara RM300 kepada RM1000 sekeping kad pengenalan tiruan.

Sindiket-sindiket tertentu masih didapati beroperasi seperti mana yang telah ditemui dan dibongkar oleh pihak polis di Tawau, dalam minggu yang baru lalu dan khususnya timbul bila ada pilihan raya. Ini benar-benar membimbangkan oleh sebab dalam beberapa perbicaraan ada orang asing apabila disoal jawab telah mengatakan bahawa mereka memperoleh kad pengenalan Malaysia daripada projek Mahathir, ini menjadi tanda tanya, apakah erti ini, siapakah yang dimaksudkan. Saya sendiri pun masih tertanya-tanya.

Yang ketara dan jelas ialah terlalu banyak kes-kes kad pengenalan palsu yang dipunyai oleh orang-orang asing tanpa izin yang dibicarakan di Mahkamah Majistret dan yang telah dihukum tetapi nampaknya perkara ini tidak mendapat perhatian yang serius daripada pihak kerajaan. Biasanya bila kita bertanya dalam Dewan, jawapan yang diberi kalau tidak menafikan perkara serupa itu berlaku, ianya dikatakan telah diambil perhatian, sedangkan buku Mutalib berjudul *Hak Rakyat Sabah Dirampas* yang telah dilaporkan untuk disiasat kerana ia mengandungi banyak keterangan dan bukti tentang pemalsuan dan pengeluaran kad pengenalan

palsu kepada orang-orang asing yang tidak berdokumen, sehingga sekarang tidak ada maklum balas tentang hasil siasatan yang telah dikatakan sedang berjalan beberapa tahun yang sudah berlalu.

Apakah kandungan buku itu sukar disiasat atau adakah perkara itu tidak dipandang sebagai perkara yang mustahak daripada segi keselamatan negara, hanya kerana ada di antara orang-orang asing yang sudah didaftar sebagai ahli-ahli UMNO.

Sebagai rakyat Malaysia yang tulen, sama-samalah kita merenung tentang perkara ini. Sedangkan Yang di-Pertuan Agong dalam Perenggan ke-30 Titah Diraja mengingatkan kepada kita dan dia mengatakan supaya bersama-sama mengeratkan perpaduan demi menjaga keselamatan tanah air kita dari ancaman musuh.

Justeru itu, kita mesti patuh kerana jika sindiket-sindiket dan orang-orang tertentu tidak dihentikan daripada kerja meruntuhkan kedaulatan negara dan keselamatan negara, tentu sekali negara kita akan terancam di masa kelak dan mungkin dalam keadaan yang tidak disedari sama sekali akan berlaku seperti yang berlaku di Sauk dan Gerik dan juga di Pulau Sipadan dan Pulau Pandanan.

Saya merayu sekali lagi, bagi pihak rakyat generasi muda dan yang akan datang supaya pihak keselamatan dan pasukan-pasukan yang berkenaan, mengambil tindakan yang positif dan serius demi membanteras daripada berlakunya gejala yang tidak diingini di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus memperbaiki persepsi orang ramai yang percaya banyak tempat dalam pentadbiran di mana rakyat menaruh harapan yang tinggi tetapi banyak yang berlaku, yang menjejaskan imej pihak kerajaan dan pihak keselamatan. Misalnya, apa yang berlaku di dalam kamar tahanan di Kuala Lumpur tidak berapa lama dahulu, orang dalam tahanan itu tiba-tiba dipukul pula oleh pegawai yang berpangkat tinggi.

Baru-baru ini di Tambunan berlakunya satu kejadian yang kecil di mana seorang pekerja di stesen Shell tiba-tiba ditetak oleh seorang yang tiada kena mengena dengan kesilapan pengisian minyak diesel ke dalam sebuah kereta. Kejadian itu telah dilaporkan kepada pihak polis tetapi pihak polis tidak mengambil berat dan tiada tindakan kilat dilakukan dan apabila ditanya, jawapannya ialah tidak cukup anggota.

Orang yang membuat kesalahan itu tidak ditangkap sehingga beberapa hari kemudian. Ini memang menjejaskan imej pihak keselamatan yang diharapkan

menjaga keselamatan awam. Justeru adalah diharapkan imej baru dan sikap tanggungjawab baru dapat diwujudkan demi meningkatkan kepercayaan orang ramai kepada pihak keselamatan. Jika tidak, ini akan mengakibatkan ketenteraman dan keselamatan kita nanti akan terjejas.

Selain daripada itu, pihak kerajaan harus memelihara dan melindungi hak warga negara Malaysia bukan sahaja di Sabah tetapi di seluruh negara kita.

Saya mengatakan demikian kerana kini banyak orang asing yang sudah mempunyai kad pengenalan palsu dan telah pun berani merantau ke sini sana dan ada yang cuba ke Semenanjung tetapi ditangkap di lapangan terbang antarabangsa Kota Kinabalu dengan kad pengenalan palsu di dalam badan mereka.

Ramai pula yang cuba mendarat di pantai Pulau Langkawi tetapi telah dapat ditahan dan dihantar pulang ke Indonesia. Di negeri Sabah, ramai yang telah didaftarkan sebagai pengundi, walaupun mereka tidak mempunyai hak untuk mengundi. Pihak Jabatan Pendaftaran Negara dan juga pihak Suruhanjaya Pilihan Raya harus berhati-hati dan mengambil berat tentang pengetahuan ini supaya hak dan keselamatan generasi muda Malaysia kelak akan terjamin.

Ada pula rakyat Filipina dari Jolo yang telah didapati mempunyai kad pengenalan bunga raya Malaysia. Ini sangat pelik, tiada sebab ianya berlaku. Kita harus bersatu padu dalam tujuan menyelamatkan masa depan negara kita. Jangan biarkan orang-orang asing masuk tanpa izin ke negara kita dari pintu belakang sehingga mendapat kewarganegaraan dari pintu belakang juga. Rakyat Malaysia yang didapati terlibat dalam hal membantu rakyat asing masuk tanpa izin dan membantu mereka memperoleh kad pengenalan palsu harus dihukum sebagai pengkhianat negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara keselamatan memang ada kaitan dengan perkara di mana sekarang ini kita juga sedang membicarakan iaitu halsoal perpaduan di kalangan masyarakat majmuk kita. Tentu sekali kita bersetuju bahawa ini adalah perkara yang amat penting sekali dan seharusnya kita bekerjasama dan dalam tujuan kita bekerjasama, kita harus mencari jalan untuk menentukan supaya pergaulan kita itu adalah berasaskan keikhlasan kepada selain daripada toleransi. Keikhlasan ini adalah datangnya daripada hati sanubari kita. Kalau kita banyak cakap, tetapi keikhlasan itu tidak ada, tentu sekali orang akan dapat menembusi hati kita yang sebenar. Justeru itu, keikhlasan itu adalah satu perkara yang harus kita fikirkan bersama untuk dipastikan wujud di kalangan kita.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Larut.

**3.19 ptg.**

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun untuk sama-sama membahaskan Titah Ucapan Perasmian oleh Yang di-Pertuan Agong hari Isnin yang lalu.

Saya ingin memulakan perbahasan saya dengan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas usaha kerajaan bagi mewujudkan Dasar Sosial Negara. Dasar ini jika dirangka dan dilaksanakan dengan baik akan menjadi dasar penting perpaduan kaum selepas Dasar Ekonomi Baru. Saya harap semua rakyat, semua agama dan keturunan menyambut usaha murni kerajaan ini kerana dengan adanya bangsa yang teguh dalam semua segi, negara akan menjadi padu dan tidak sukar digugat.

Kita jangan memejamkan mata, pekakkan telinga serta buntukan fikiran dengan dakyah pihak-pihak yang sengaja menyokong ke arah perpecahan negara. Kita tidak perlukan formula baru dalam perkara ini. Kalau pun perlu, sedikit pengubahsuaian dalam konteks semasa. Yang pasti, jika ideologi komunis boleh ditumpaskan oleh badai demokrasi, begitulah juga demokrasi pastinya akan ada taufan lain yang lebih mengganas.

Kita hendaklah mempelajari apa yang berlaku di Indonesia di mana Panca Sila yang begitu diagung-agungkan akhirnya luntur juga. Lihatlah apa yang berlaku di Jawa, di Sumatera dan baru-baru ini di Pulau Borneo. Kekuatan Panca Sila ialah lebih kepada politik dan kenegaraan, sementara tuntutan yang lebih daripada itu ialah pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi serta juga pembabitan yang sama rata. Jadi kekuatan apakah yang membolehkan kita dan negara-negara tertentu di rantau ini masih boleh bertahan daripada bencana perkauman dan campur tangan asing ketika ini. Tuan Yang di-Pertua, tolehlah ke belakang dan ambil iktibar sejarah kita dan sejarah negara lain. UMNO dan Perikatan dan kemudian Barisan Nasional membentuk Rukun Negara dan dasar-dasar penting seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Pelajaran Kebangsaan dan banyak lagi yang menjadi ramuan hikmat yang membolehkan kita bertahan sehingga ini.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini memang dikecam hebat sejak dulu oleh PAS dan pembangkang lain. Ketika UMNO bergabung dengan MCA dalam pilihan raya

1955, PAS menghentam kononnya orang Melayu mahu jual Malaya kepada orang Cina. apa saja yang timbul di kepala pemimpin PAS ketika itu dikeluarkan melalui ceramah dan bersyarah. Tetapi akhirnya kerana perpaduan menjadi syarat British, UMNO merintis kemerdekaan, tetapi PAS dan pembangkang lain buat apa mengenai merdeka. Berbalik kepada kedudukan hari ini, kemerdekaan yang dikecapi hasil usaha UMNO.....

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tumpat berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Larut yang menyebut tentang kewujudan Perikatan dari segi awalnya. Saya hendak tanya Yang Berhormat sahabat saya bagi Larut yang mengatakan yang PAS yang menghentam UMNO dan Perikatan pada zaman awal. Dari sudut sejarah, UMNO dan Perikatan, UMNO dan MCA mula wujud dalam tahun 1952 dalam pertandingan Pilihan Raya Municipal Kuala Lumpur dan tujuan UMNO bergabung dengan MCA ketika itu bukanlah untuk menentang PAS tetapi menentang bekas pemimpin UMNO, Dato' Onn bin Jaafar. Jadi janganlah kaitkan PAS dalam hubungan penubuhan dan zaman awal Perikatan ini. Minta pandangan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih kerana Yang Berhormat Tumpat masih lagi ingat sejarah UMNO. Mudah-mudahan beliau akan kembali balik kepada UMNO. Boleh saya sambung Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Silakan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Berbalik kepada kedudukan hari ini, kemerdekaan yang dikecapi hasil usaha UMNO cuba dirobohkan oleh pihak-pihak tertentu dengan membuat khabar angin dan suasana tidak aman di negara ini. Parti-parti pembangkang bukan lagi sekadar menjadi pembangkang tetapi menggunakan platform demokrasi untuk menyerang kerajaan dalam pelbagai hala. Saya ingin bertanya kepada pembangkang, adakah calon lain yang lebih baik dari Dr. Mahathir. Nyata peribadinya dan trek rekodnya, bahkan menjadi role model kepada negara-negara Islam yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin PAS akan menunjukkan calonnya pun begitu, DAP dan lain-lain. Jadi siapakah sebenarnya yang boleh diterima oleh rakyat berbagai kaum di negara ini untuk menjadi pemimpin. PAS tidak boleh mendakwa ia parti yang diterima umum kerana banyak kerusinya dimenangi di Kelantan dan

Terengganu adalah di kawasan majoriti Melayu. Sementara Barisan Nasional pula tidak boleh dikatakan ditolak oleh rakyat kerana kerusi UMNO lebih banyak daripada kerusi PAS. Sementara Keadilan dan DAP jelas tidak mendapat sambutan walaupun masing-masing menggunakan isu perkauman yang lebih buruk daripada PAS.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada dasar sosial, saya nampak tiga perkara penting yang perlu ditekankan ialah dasar yang adil dalam ekonomi, keseragaman melalui dasar kebudayaan serta perpaduan melalui pendidikan. Salah satu kekuatan yang terbukti unggul selama ini ialah dasar ekonomi kita yang adil serta membuka peluang kepada semua pihak. Kita tidak menyekat sesuatu pihak dan memberikan kepada pihak yang lain. Kuota diletakkan sebagai sasaran tetapi sasaran itu sebenarnya sehingga kini belum dicapai. Kerana itu saya berharap dasar baru ini dapat digubal sebaik-baiknya kerana jika ia rapuh akan memberikan kesan negatif kepada negara. Kerana itu di sini saya ingin menyokong sepenuhnya usaha kerajaan untuk memperbetulkan ketidakseimbangan ekonomi antara bumiputera dan bukan bumiputera. Usaha menyusun semula milik korporat perlu dilakukan segera.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu usaha segera perlulah juga dilakukan bagi mempromosikan pembabitan cergas bumiputera dalam ekonomi berasaskan pengetahuan keekonomi dan daya saing mereka dalam menghadapi cabaran ekonomi tanpa sempadan. Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selalu menyeru semua rakyat termasuk kita semua supaya mengelakkan perkara yang boleh merenggangkan hubungan antara kaum kerana ini boleh menjejaskan kemakmuran dan kestabilan politik. Saya menyokong penuh Titah tersebut dan berharap semua Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini mengambil berat suruhan berkenaan terutamanya dari sebelah sana. Kita hendaklah mengelak dari memperkatakan isu yang boleh menimbulkan ketegangan kaum. Berikutan itu, sewajarnya setiap daripada kita tidak melakukan perkara-perkara yang boleh merenggangkan hubungan semua kaum

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya juga menyokong penuh saranan Yang di-Pertuan Agong supaya umat Islam sentiasa menjaga kesucian masjid. Jadikanlah ia sebagai tempat beribadat kepada Allah dan mengeratkan perhubungan sesama Islam dan bukan tempat mencaci dan merenggangkan sesama umat. Saya syorkan supaya kerajaan

bertindak lebih tegas terhadap mereka yang menjadikan masjid tempat mencetuskan perasaan benci membenci serta caci mencaci di antara satu dengan yang lain. Nasihat Seri Paduka ke atas orang Melayu sebagai umat Islam supaya sentiasa bersatu padu perlulah diambil perhatian yang berat. Dalam Dewan yang mulia ini saya juga berharap rakan-rakan saya dalam parti yang menggunakan Islam sebagaimana yang kita sedia maklum agar dapat menghormati keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Raja-Raja baru-baru ini tentang peraturan dan syarat penggunaan nama tersebut kerana kita tidak mahu selepas ini masih lagi pihak di sebelah sana terutamanya PAS akan cuba memutarbelitkan kedudukan ini bagi memesonkan pemikiran rakyat di luar bandar.

Adalah amat dikesali sebelum keputusan tersebut terdapat ahli daripada pembangkang yang cuba memberi gambaran buruk sekiranya nama 'Islam' itu digugurkan. Tindakan Ketua Pembangkang mendakwa UMNO berselindung di sebalik Majlis Fatwa Kebangsaan dan Majlis Raja-Raja untuk mengetepikan tiga pra syarat PAS untuk berbincang mengenai kepentingan Melayu adalah amat melulu. Yang jelas cadangan menggugurkan nama 'Islam' pada parti dan juga pertubuhan disuarakan kerana bimbang perkataan 'Islam' digunakan oleh pihak tertentu demi kepentingan sendiri dan akhirnya merosakkan perpaduan Melayu dan masyarakat.

Satu perkara lagi yang saya ingin timbulkan dalam Dewan yang mulia ini ialah mengenai isu fatwa PAS. Pemimpin PAS mengeluarkan fatwa seperti *press release* oleh syarikat untuk akhbar. Rasa hendak label orang atau hendak dapatkan sokongan keluaran fatwa. Baru-baru ini seorang pemimpin tertinggi PAS berkata bahawa PAS bukannya parti yang boleh memberi jaminan dan tempat untuk seseorang memasuki Syurga. Malah kini Menteri Besar Kelantan itu juga pernah berkata mereka yang mendakwa ahli UMNO tidak dijamin ke Syurga juga belum dipastikan tempatnya di Syurga. Saya terkejut Tuan Yang di-Pertua sebab dulu penceramah PAS kata siapa undi PAS masuk Syurga sebab PAS parti Islam tetapi hari ini tidak boleh masuk Syurga pula.

Tuan Yang di-Pertua, ini bunyinya macam di Terengganu kerana janji-janji pilihan raya yang dibuat oleh PAS kononnya boleh membawa pembangunan tetapi kini menyalahkan Kerajaan Pusat kerana tidak disalurkan pembangunan kerana tiada wang, malah lebih teruk kata UMNO dan Kerajaan Pusat perompak wang rakyat. PAS tabur janji merata ceruk seperti orang suka berbini ramai, bila sudah

dapat anak, tidak tahu hendak jaga anak, malah tidak mampu beli susu. Wajarkah mertua pula yang disalahkan apabila mertua tidak hendak bagi duit untuk beli susu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kenyataan Perdana Menteri bahawa PAS sengaja mencari alasan untuk tidak bertemu dengan UMNO bagi meraih sokongan pengundi bukan Melayu. UMNO dan kerajaan sesungguhnya mempertahankan hak dan kepentingan orang lain termasuk orang Cina. Sejak merdeka dan berbagai kemudahan serta dasar disediakan oleh orang Cina sehinggakan orang Melayu banyak yang tidak puas hati tetapi hidup dalam masyarakat majmuk, mana ada bangsa yang akan puas hati. PAS yang majoritinya Melayu pun tahu erti tidak puas hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut terpenggil untuk meluahkan rasa simpati mengenai isu kejatuhan harga kelapa sawit dan tidak dapat dinafikan pihak pembangkang terutamanya PAS menjerit-jerit meminta supaya harga kelapa sawit dan getah ini dapat segera dipulihkan kerana kita tahu ceramah-ceramah PAS semakin hari semakin berkurangan kerana orang kampung sudah tidak ada duit untuk menghadiri ceramah, tambah-tambah lagi tong-tong sudah tidak berbunyi lagi.

*[Ketawa]*

**Tuan Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Larut. Tadi Yang Berhormat ketika berucap ada sebutkan janji-janji pilihan raya dan sebagainya dan yang terbaru Yang Berhormat sebutkan harga kelapa sawit, harga getah turun begitu teruk pada hari ini dan saya difahamkan bahawa kerajaan telah mengumumkan satu peruntukan RM500 juta untuk membantu menangani masalah kegawatan harga bahan komoditi ini. Apakah bantuan RM500 juta ini merupakan salah satu janji pilihan raya kerajaan ataupun kerana perasaan tanggungjawab kerajaan Barisan Nasional untuk membantu mereka yang selalu sahaja menghadapi masalah. Jadi, saya minta Yang Berhormat bagi sedikit keterangan. Sekian, terima kasih.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tampin. Pemuda yang berjiwa besar. *[Ketawa]* Memang itulah keprihatinannya kerajaan Barisan Nasional sejak dulu lagi sampailah ke hari ini tetapi masalahnya pihak-pihak pembangkang lebih suka mencetuskan kekeliruan di kalangan rakyat kerana rakyat sebenarnya faham keadaan, situasi yang dihadapi oleh negara kita pada hari ini. Sebab itu saya katakan tadi memanglah mereka menjerit-jerit, terlolong-lolong meminta supaya keadaan ini segera dipulihkan kerana

ceramah-ceramah PAS semakin hari semakin berkurangan. Tidak tahulah selepas ini. Oleh itu, saya memohon juga simpati agar kerajaan terus memberi subsidi dan pelbagai bantuan yang diperlukan kerana kita tahu ramai di kalangan anak-anak peneroka ini juga memerlukan bantuan dan pertolongan terutama mereka yang berpeluang melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti.

**Tuan Zawawi bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyahut cabaran daripada Yang Berhormat bagi Larut. Sekarang ini kalau sekiranya Larut mengatakan ceramah-ceramah PAS kurang dihadiri, kita buat dan tentukan di mana tempat, kemudian UMNO buat satu di Bukit Jalil, UMNO buat satu tempat, PAS buat satu tempat. Kita tengok siapa yang ramai. Bolehkah tidak macam itu?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya tidak hendaklah memanasakan lagi. Kadang-kadang kita ini sakit telinga, kita kata orang boleh, orang kata kita tidak boleh. Jadi, inilah cara PAS. Bila kita tegur sikit, dia sudah mula melenting. Hah...jadi, bukanlah kerja UMNO cabar mencabar. Biasanya PASlah yang sering kali cabar-mencabar. Tetapi, terima kasihlah di atas pendapat Yang Berhormat tadi, saranan-saranan. Inilah yang kita hendak pemimpin yang macam ini. Kadang-kadang tidak melenting, tidak emosional. Hah....inilah di antara yang kita tahu. PAS juga menghadapi krisis kepimpinan walaupun ianya tidak mahu diperkatakan oleh pemimpin atasan. Ya, saya lihat di antara yang baru dengan yang lama berbeza secara ideologinya.

Kita tahu.....

**Seorang Ahli:** Dia hendak cakap.

**Seorang Ahli lain:** Hey, diam.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya hendak cakap, bising di sana. Saya hendak cakap macam mana? *[Ketawa]* Tetapi apabila harga jatuh, mereka bising dan tukang hasut adalah pembangkang. Namun, Tuan Yang di-Pertua, apakah pembangkang lakukan? Setakat seret peneroka bawa banner dan tunjuk marah. Kenapa waktu harga tinggi tidak angkat banner dan tunjuk sokongan kepada kerajaan?

Saya ingin menarik perhatian kepada usaha misalnya gerakan pemuda UMNO pada 15 Februari yang lalu yang menubuhkan jawatankuasa bertindak untuk menangani masalah FELDA bagi membantu kerajaan menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi oleh peneroka. Berikutan kejatuhan harga kelapa sawit, sehubungan dengan itu saya ingin mencadangkan supaya FELDA menggerakkan

dana milik peneroka yang berjumlah kira-kira RM2.5 bilion bagi mengatasi pelbagai masalah peneroka khususnya kemiskinan. Saya juga berharap Menteri Kewangan yang begitu prihatin persoalan ini juga boleh membantu menambahkan peruntukan dalam persidangan Parlimen ini. Saya amat yakin dana sebesar itu akan mendatangkan pulangan yang memuaskan menerusi pelaburan dan seterusnya boleh digunakan bagi membantu para peneroka.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu saya juga menyokong penuh usaha kerajaan untuk mewujudkan skim bantuan khas FELDA selama dua tahun mulai akhir Februari yang lalu dengan bertujuan mengurangkan beban ekoran kejatuhan harga kelapa sawit. Kita berharap sebahagian besar daripada 72,000 peneroka akan mendapat manfaat. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi kerana usaha ini.

Saya yakin bantuan tersebut akan meringankan lagi beban peneroka yang menghadapi masalah itu. Malah di Dewan yang mulia ini saya menyeru supaya dapat Menteri menyatakan dengan jelas bagaimana kerajaan menyelamatkan peneroka yang kebanyakannya menyokong pembangkang khususnya PAS dengan bantuan melupuskan hutang. Saya difahamkan sejumlah lebih kurang RM300 juta dibelanjakan untuk melupuskan hutang peneroka FELDA. Kita juga pohon agar kerajaan dapat menambahkan lagi peruntukan sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan SSB. Saya menyokong hasrat Perdana Menteri untuk mengkaji semula sistem gaji matrik dalam Sistem Saraan Baru. Saya berharap Jabatan Perkhidmatan Awam akan melakukan ini dengan cepat. Ini jelas kerajaan tidak memekakkan telinga dengan cadangan kaum pekerja yang membawa kemakmuran kepada negara ini. Ini jelas kerajaan yang bertanggungjawab dan *responsive*, dengan izin, kepada tuntutan rakyat.

Akhir sekali, saya juga tertarik dengan tulisan wakil daripada Sik yang tersiar di akhbar *Perdana* seolah-olah dia merindui masa lalu yang indah, yang mengharumkan namanya dan membangunkan keagungannya kerana sekarang namanya telah tercemar berbau dengan kecemaran *Shit* hasil kesusasteraan politik yang kotor dan jijik. Ia merupakan novel yang paling besar jualannya tetapi paling rendah pembacaannya. Ramai orang yang hanya sekadar membeli dan membaca

dua, tiga muka sahaja kerana kejjikan bahasa, memualkan perasaan dan mahu memuntahkan manusia yang tidak tahan diresapi oleh kekotoran jiwa penulisnya.

**Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** *Alright.*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Penulis mengenang zaman lalu kerana penulisnya di dalam akhbar yang merupakan *ideological media* telah melenyapkan imej kebebasannya sebagai seorang sasterawan dan dia sekarang tidak lebih dari seorang penulis upahan yang menagih politik benci sesama manusia. Persengketaan antara sebangsa dan mencemarkan kesusasteraan negara dengan kefanatikan. Apa pun dikatakan tentang *Berita Harian, Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, New Straits Times, Star* dan sebagainya tetapi penulisan dalam akhbar ini tetap dianggap bebas, dipandang tinggi dan dihormati tetapi menulis...

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekadar ingin mengulas apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi tentang tuduhan yang berat yang dikenakan kepada Sasterawan Negara. Kalau hendak tuduh pun, biarlah dia ada dalam Dewan tetapi dia tidak ada dalam Dewan.

Cuma persoalan yang saya ingin timbulkan, kalau kita kaitkan apa Yang Berhormat sebutkan tadi dengan, sebagai contoh bola sepak Malaysia. Yang Berhormat jaga bola sepak, lawan Fiji pun kalah, lawan Palestin, pemain dia kaki kudung seorang, dua orang mati, padang bola pun tidak ada, kalah sahaja.

Jadi, saya ingat pengurusan bola yang Yang Berhormat jaga itu lebih kurang dengan UMNO pimpin negara Malaysia sekarang ini. *[Tepuk]* Wallahu'alam.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih sahabat saya. Dia pun main bola dahulu tetapi dia ketinggalan zaman kerana sekarang saya tidak mengurus bola lagi. Tetapi sebagai pemimpin untuk dijadikan contoh. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, apa pun yang dikatakan tentang *Berita Harian, Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, New Straits Times, The Star* dan sebagainya tetapi penulisan dalam akhbar ini tetap dianggap bebas, dipandang tinggi dan dihormati tetapi menulis dalam *Harakah* adalah menjatuhkan penulis ke taraf yang hina kerana akhbar ini diketahui tidak beretika dan tulisan di dalamnya tidak ada satu pun yang

tidak dianasirkan oleh kebencian dan permusuhan, hasutan, prasangka, prejudis yang langsung di luar tata susila kewartawanan dan penulisan yang berkeperibadian.

Saya amat bersimpati dengan sahabat saya Yang Berhormat bagi Sik kerana dalam keterlanjurannya telah menyebabkan terus meranjau sepanjang jalan, dari sasterawan ke Arqam dan dari Arqam ke PAS dan sesungguhnya PAS adalah sangat-sangat sesuai dengannya kerana wajah PAS juga pelbagai wajah.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada RTM kerana baru-baru ini sebagai bukti kebebasan yang diberikan yang menjamin media yang ada dalam negara kita ini tidak dikongkong kerana telah menyiarkan satu lawatan liputan yang agak luas ke atas Menteri Besar Kelantan ke Bukit Pelandok. Lebih-lebih lagi dengan kehadiran beliau turut dialu-alukan oleh penduduk-penduduk tersebut. Jadi, di sini tergambarlah kepada pihak pembangkang bahawa memang ada kebebasan akhbar media sama ada media cetak ataupun media elektronik dalam negara kita ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah yang hendak saya sampaikan. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Aman.

**3.43 ptg.**

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga memulakan ucapan saya dengan mengucapkan terima kasih kepada Yang di-Pertuan Agong kerana menekankan hal perpaduan di negara kita ini. Saya rasa isu ini masih penting. Saya rasa isu ini masih perlu diingatkan oleh kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya datang dari kaum Dayak dan parti saya Parti Bangsa Dayak Sarawak dan kaum Dayak adalah kaum majoriti di Sarawak dan apabila negara Malaysia ditubuhkan pada tahun 1963, kaum Dayaklah kaum yang menerima dengan sebulat suara pembentukan negara Malaysia, oleh kerana kami telah diberi jaminan bahawa agama, bahasa, sastera dan kebudayaan kami akan dijaga dengan rapi dan tidak ada apa-apa akan dibuat untuk menghakis agama, bahasa dan kebudayaan kami.

Tuan Yang di-Pertua, kaum Dayak ini adalah kebanyakan, boleh dikatakan 95% adalah orang yang mengikut agama Kristian dan saya merasa amat gembira dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pagi tadi yang telah memberi jaminan bahawa agama Kristian ini di Malaysia masih akan diberi bantuan dan perlindungan dan juga atas jaminan beliau bahawa warga Malaysia

adalah bebas dalam menganuti agama-agama mereka. Oleh kerana itu, saya minta demi kepentingan kita semua, demi perpaduan kita semua bahawa agama Kristian, agama kaum Dayak ini jangan dipertandingkan, jangan dibawa ke dalam arena politik dan juga jangan dikeji.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut ini pada petang ini oleh kerana baru-baru ini dalam Pilihan Raya Kecil kita di Lunas ada usaha-usaha yang hendak mempermainkan, merendahkan dan juga mengejikan agama Kristian dan juga paderi-paderi orang Kristian. Ini saya rasa tidak sesuai dan tidak harus kita lakukan oleh kerana saya rasa kalau kita hendak menang, kita boleh menang dengan menggunakan cara-cara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kami tidak bercakap tetapi dalam hati kecil kami, kami rasa tersinggung, kami rasa terhiris dan kami rasa ini bukan upahan yang patut diberi kepada kami yang telah menyokong konsep Persekutuan Malaysia dalam tahun 1963. Oleh kerana dengan sekali gus, Tuan Yang di-Pertua, semasa kaum Dayak ini bersetuju masuk Malaysian Federation, kita kehilangan majoriti kerana kalau kita tidak masuk Malaysia, kaum Dayak adalah kaum yang majoriti di Sarawak, Sarawak adalah independent state dan mungkin pada hari ini kaum Dayak masih menjadi Ketua Menteri tetapi kami di Sarawak sana, kita ada satu perhubungan yang amat baik dengan rakan-rakan kita dari Semenanjung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Sri Aman.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan sedikit dari Yang Berhormat bagi Sri Aman. Tadi Yang Berhormat menyatakan yang Sarawak ini masuk Malaysia. Jadi, soalan saya ialah adakah Sarawak ini masuk Malaysia ataupun daerah Sarawak ini sama-sama dengan Persekutuan Tanah Melayu dan Sabah dan Singapura membentuk Malaysia sebab sebelum tahun 1963, tidak ada negara yang bernama Malaysia. Hanya selepas 1963, sebuah negara yang bernama Malaysia wujud. Sebelum itu tidak ada. Minta penjelasan. Terima kasih.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Terima kasih. Oleh kerana pada masa itu, Tuan Yang di-Pertua, kaum Iban dipimpin oleh orang yang tidak mempunyai pendidikan yang tinggi dan mereka menganggap apabila Malaysia itu wujud, dia adalah terdiri daripada tiga wilayah. Wilayah Satu - Semenanjung Malaysia dan Singapura; Wilayah Dua - Sarawak; dan Wilayah Tiga - Sabah dan mereka yang di luar bandar

mungkin rasa tertipu kerana selepas *federation* itu baru mereka tahu bahawa mereka adalah satu daripada tiga belas tetapi seperti perkahwinan yang sudah wujud, mereka juga terima.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyentuh tentang hal hubungan antara kaum di Sarawak. Hubungan antara kaum di Sarawak amat rapat dan kita dapat menerima mana-mana kaum untuk menjadi Ketua Menteri. Kita dapat menerima mana-mana kaum untuk menjadi pemimpin dan saya rasa penduduk di sana mesra di antara satu sama lain oleh kerana di Sarawak kita belum pernah menggunakan isu agama sebagai alat untuk memancing undi. Oleh kerana di sana kalau saya dapat menggunakan teladan, *example* kaum Melanau, ada yang Kristian, ada yang mengikuti agama Islam dan ada yang agama tradisional. Begitu juga kaum-kaum yang lain.

Oleh kerana itu, apabila kita berdamping dengan kawan-kawan di Semenanjung, kita rasa begitu hampa dan tertipu. Agama yang kita hormati, agama yang di mana kita dilahirkan hidup dan juga agama yang kita peluk apabila kita di kubur itu dikeji, dipermainkan dan diguna untuk memancing undi dan saya merayu kepada semua supaya tindakan seperti ini kita janganlah gunakan untuk masa-masa yang akan datang oleh kerana ia tidak sihat.

Satu lagi, saya juga minta oleh kerana ini bukanlah perkara yang sulit lagi, Ahli Parlimen.....

**Tuan Ronald Kiandee:** [*Bangun*]

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Terima kasih.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sarawak akan menghadapi pilihan raya negeri tidak lama lagi. Dan kita lihat sekarang, parti-parti daripada Semenanjung, parti-parti PAS dan KeADILan begitu agresif sekali menyebarkan pengaruh mereka di Sarawak. PAS umpamanya membawa isu-isu agama Islam ini, membawa isu-isu agama begitu ketara sekali. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, berdasarkan kepada struktur kaum di Sarawak berapa besar peluang PAS ini di dalam pilihan raya negeri akan datang.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Untuk saya, PAS tidak ada peluang sama sekali di Sarawak kalau isu ini yang digunakan. Oleh kerana itu saya mendengar dari kawan saya iaitu PAS targetkan kawasan-kawasan di mana dekat 100% pengundi adalah dari kaum yang beragama Islam tetapi ini juga kita rasa tidak baik untuk masa hadapan politik di Sarawak kerana selama ini kita menganggap orang Melayu

di Sarawak sebagai adik kita, saudara kita. Dan kalaulah mereka memperjuangkan nasib mereka melalui agama dan juga memperjuangkan nasib mereka dengan merendah-rendahkan ataupun memperbodoh-bodohkan dan memandang rendah agama yang lain, ini saya rasa bukan satu strategi yang ada masa hadapan di Sarawak tetapi di Sarawak saya rasa banyak kawan daripada orang yang beragama Islam yang begitu baik hinggalah apabila kita menjemput mereka ke rumah panjang kita kata, you tolong sembelih ayam ini supaya you dapat makan dengan rasa okay, tidak waswas. Mereka kata tidak apa, kamu orang Kristian kamu orang of the books, apa yang you sudah sembelih, saya boleh ambil, saya boleh makan. Kalaulah kawan kita dari Semenanjung ini dari PAS dapat bertindak sebegini, saya rasa mungkin ada peluang sedikit tetapi kalau attitude yang digunakan pada masa ini saya rasa tidak ada jalanlah di Sarawak.

Jadi itulah saranan saya Tuan Yang di-Pertua tentang agama. Yang satu lagi, ini bukan perkara yang sulit, bukan yang tidak diketahui, pemerintah di Terengganu dan juga di Kelantan mereka juga ada memberi peruntukan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat mereka untuk menjalankan tugas mereka sebagai Ahli Yang Berhormat dan kita dari Barisan Nasional juga ada diperuntukkan sedikit wang untuk menjalankan tugas kita untuk membantu rakyat-rakyat yang di bawah jagaan kita tetapi untuk masa sekarang kalau kita hendak memberi pertolongan kepada gereja-gereja, kepada kuil-kuil, kepada tok pekong-tok pekong, kita terpaksa meminta kelulusan dari pihak-pihak yang tertentu. Alangkah lebih baik Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kita dapat memberi peruntukan kepada gereja, kepada tok pekong, kepada kuil-kuil dengan secara yang biasa supaya mereka ini tidak terasa terasing dan berlainan. Oleh kerana apabila kita merasa kita berlainan kita sudah rasa tidak begitu sedap.

Saya sekarang Tuan Yang di-Pertua, akan beralih kepada Kementerian Pendidikan. Selama ini saya sela lu berucap tentang pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban dan saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan, semua Menterinya, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai sederhana dan rendah yang telah mendengar rayuan saya dan saya nampak banyak kemajuan yang telah dibuat – buku teks juga sedang dibuat, latihan-latihan dalaman dan luaran juga sedang dibuat dan inilah cara Barisan Nasional dan saya mengucapkan terima kasih bagi pihak masyarakat yang diwakili oleh saya. Cuma saya minta dan merayu supaya pembentukan buku teks ini

dipercepatkan dan saya juga merayu minta supaya bahasa Iban ini diajar hingga Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Dan saya minta juga kementerian mula membuat sukatan pelajaran dan juga memikirkan tentang pengeluaran buku teks untuk pengajaran bahasa Iban di Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

Dan saya juga minta kementerian memperuntukkan lebih banyak diperuntukkan kewangan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka supaya mereka dapat menerbitkan buku rujukan tambahan untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban oleh kerana Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang kaum Iban tidaklah begitu banyak dalam lingkungan mungkin 500,000 orang dan kalaulah pihak swasta mengeluarkan buku dalam bahasa Iban tidak ada pasaran dan oleh kerana itu tidak ada orang yang hendak menulis dan kalaulah murid kita hanya belajar dan diajar bahasa Iban dengan menggunakan buku teks semata-mata jadi saya rasa pembelajaran pengajaran itu tidak begitu berkesan.

Oleh kerana itu kita minta Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usaha mereka mengumpulkan sastera budaya tempatan juga mengeluarkan buku-buku tambahan dalam bahasa Iban. Dan saya rasa kita mesti membantu Dewan Bahasa dan Pustaka dengan memberi peruntukan untuk mereka menjalankan tugas ini.

Saya juga dalam hal buku teks ini Tuan Yang di-Pertua, demi perpaduan negara sekali lagi minta apabila Kementerian Pendidikan menyenaraikan buku bacaan, buku sastera bahasa Melayu, sastera bahasa Inggeris juga memilih buku teks, novel yang ditulis oleh penulis-penulis dari Sabah dan Sarawak disenaraikan dalam senarai novel-novel yang akan diajar kepada murid-murid yang belajar di bangku sekolah kita pada masa sekarang. Rasional saya Tuan Yang di-Pertua, supaya murid-murid di Semenanjung ini tahu tentang budaya, tentang sastera yang ada di Sabah dan di Sarawak. Oleh kerana murid-murid kita sekarang hinggakan orang dewasa kadang-kadang mereka tidak sedar di mana Sabah, di mana Sarawak dan macam mana pemikiran orang di Sabah dan orang di Sarawak. Oleh kerana pada suatu ketika dahulu Sabah lebih terkenal. Tiap-tiap kali orang tanya, kamu dari mana, dari Sabahkah? Tiap-tiap kali. Jadi kami dari Sarawak pun marah oleh kerana Sabah lebih terkenal dari Sarawak. Dan satu daripada langkah yang positif yang kita boleh buat ialah mungkin mengambil dua, tiga judul dari Sabah dan Sarawak dan disenaraikan sebagai novel yang harus dipelajari oleh murid-murid di Semenanjung.

Satu lagi isu yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, tentang sekolah Cina, Chong Hua School di Sarawak ini. Saya minta kerajaan bersikap lebih terbuka dan

lebih proaktif tentang sekolah berbahasa Cina. Oleh kerana di Sarawak Tuan Yang di-Pertua, kami menganggap bahasa Cina sebagai sekolah. Kami tidak menganggap ia sebagai sekolah yang dipunyai atau dimiliki oleh orang dari kaum Cina.

Jadi di kawasan saya ada dua tiga buah Sekolah Rendah Chong Hua yang namanya Sekolah Chong Hua, sekolah pengantaraan bahasa Cina tetapi murid-muridnya dari kaum Melayu, dari kaum Iban. Tetapi apabila board of management ini hendak membuat bangunan-bangunan, hendak membuat ini, itu untuk menjadikan sekolah itu lebih selesa, lebih sempurna mereka menghadapi masalah yang begitu besar oleh kerana mereka tidak dilayan seperti sekolah-sekolah nasional yang lain. Oleh kerana itu saya minta satu *change of mind set*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua daripada pihak kerajaan supaya kita menganggap sekolah yang mediumnya pengantaraan bahasa Cina ini dianggap sebagai sekolah seperti kita belajar sekolah bahasa Jepun. Apabila kita pergi ke sana kita tidak menganggap kita membantu negara Jepun tetapi kita hendak belajar bahasa Jepun ataupun sekolah Jerman ataupun French school. hi yang *mind set* yang saya hendak rayu dari pihak-pihak yang berkuasa supaya kita dapat mewujudkan satu generasi yang lebih interna sional dalam *outlooknya*.

Oleh kerana murid-murid yang keluar, yang telah belajar bahasa Cina di Sarawak apabila mereka pergi ke Singapore, pergi ke Johor, pergi ke Taiwan, pergi ke California, mereka memang tidak susah mencari pekerjaan, oleh kerana mereka pandai bahasa Melayu, pandai berbahasa Inggeris, bahasa Iban dan juga berbahasa Mandarin. Di mana-mana mereka pergi mencari rezeki adalah perkara yang tidak susah untuk mereka dan oleh kerana sekolah bahasa Cina di Sarawak sangat digemari saya berharap kerajaan dapat menukar *mind set* untuk membantu dengan lebih berkesan, dengan lebih positif. Ini bukan kerana saya tidak sayang kepada bahasa Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, bahasa Malaysia tempatnya sudah kukuh, tempatnya tidak dipertikaikan lagi, National Education Policy kita tidak dipertikaikan lagi. Cuma yang kita minta apa yang tidak halus kita haluskan dengan cara yang baru dengan itu saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah

**4.04 ptg.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan pada petang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh isu yang berkenaan pendidikan di dalam perspektif yang lebih luas di mana ia turut melibatkan nama baik negara kita. Kerajaan kini berobjektif untuk menjadikan negara kita pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini dengan izin center for education excellence. Saya juga nampak potensi negara kita di dalam bidang pendidikan, kemampuan pengaliran wang masuk dari luar negara dari bidang pendidikan ini. Ini adalah kerana negara kita yang terdiri daripada berbagai kaum, bangsa, bahasa serta agama, itu satu tarikan kepada pelajar dari luar negara.

Pelajar dari negara Indonesia, India, Iraq, Cina, Thailand, Hong Kong tidak mempunyai masalah di dalam berkomunikasi dengan rakyat negara kita. Ini adalah keunikan negara kita Malaysia. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, di dalam perjalanan ke arah menjadikan negara kita pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini, center of the education excellence dengan izin. Kita mesti mempunyai sistem pengawalan perjalanan institusi pendidikan swasta atau kolej swasta yang ketat terutamanya terhadap kolej-kolej yang diberi kebenaran untuk mengambil pelajar-pelajar dari luar negara serta sikap yang baik daripada pelaksana dasar mahupun penguasa ketika mengadili sesuatu aduan daripada pelajar-pelajar yang terlibat.

Sistem pengawalan terhadap mutu pengajaran, kelulusan pensyarah-pensyarah serta kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh sesebuah kolej adalah amat penting, dalam erti kata yang lain di peringkat pertama sebelum lesen diberikan kepada sesebuah kolej untuk mengambil pelajar dari luar negara oleh Kementerian Pendidikan, kepastian keupayaan pengurusan kolej serta standard pengajaran harus diteliti dengan mendalam. Sebagai contoh kes yang melibatkan pelajar-pelajar negara Cina yang belajar di sebuah kolej di Ipoh, iaitu Kolej Utama Perak. Jelas menunjukkan bahawa pengawalan yang longgar terhadap kolej swasta dan kementerian. Pelajar-pelajar luar negara amat tidak berpuas hati dengan keadaan kolej tersebut tetapi tiada mempunyai bantuan atau jalan penyelesaian. Malah sehingga ada yang mengadu menerima panggilan telefon mengugut mereka dan menakutkan mereka apabila mereka membuat aduan.

Di dalam perkara ini pihak pegawai dan kementerian amat mengecewakan. Pelajar-pelajar ini telah dijanjikan dengan pelbagai oleh pihak kolej tetapi apabila

tiba di sini sebaliknya yang diperolehi. Mereka ke sini untuk mengikuti kursus bahasa Inggeris, English as a second languages (ESL) dengan izin dan kursus profesional. ESL adalah program berkembar dengan sebuah universiti di United States, Benedictine College di Arkansas. Sebaik mereka tiba dimestikan membayar yuran untuk setahun berjumlah RM7,200.00, sewa untuk setahun RM2,160.00, immigration deposit berjumlah RM1,500.00, wang memproses visa berjumlah RM290.00 yang kesemuanya berjumlah RM11,150.00 setiap seorang.

Saya ingin tahu apakah ini adalah satu syarat yang ditentukan oleh pihak Kementerian Pendidikan, iaitu pembayaran charge-charge untuk setahun secara one lump sum dengan izin. Apakah skim yuran dan caj-caj ini telah diluluskan oleh pihak kementerian kepada Kolej Utama Perak. Pelajar dari luar negara ini sebenarnya telah tidak dilindungi langsung apabila mereka terperangkap dengan pihak-pihak kolej yang tidak bertanggungjawab, dengan tipu helah pihak kolej yang telah diberi lesen oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya di sini selepas pelajar dari luar negara Cina ini mengikuti kelas lebih kurang tiga bulan. Mereka tidak berpuas hati dengan mutu pengajaran, tempat sewa yang disediakan kepada mereka apakah mereka boleh buat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tampin bangun.

**Tuan Shaziman bin Abu Mansor:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Saya mengucapkan tahniah, syabas kerana beliau juga bercita-cita untuk melihat negara ini menjadi sebuah pusat pendidikan di rantau Asia. Tetapi dalam usaha itu saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat bagi Batu Gajah yang mana apakah pandangan Yang Berhormat dalam usaha pula setengah pihak yang mengheret anak-anak kecil yang masih naif dan bersih pemikirannya ke dalam kancah persatuan politik yang mana kadang-kadang melibatkan .....

**Puan Fong Po Kuan:** Cukup, cukup Yang Berhormat bagi Tampin. *[Ketawa]*

**Tuan Shaziman bin Abu Mansor:** .....anak-anak ini supaya diasuh berdemonstrasi dan sebagainya.

**Puan Fong Po Kuan:** Sekarang saya sedang berucap mengenai konteks kerajaan yang sedang menuju menjadikan pusat kecemerlangan pendidikan di

rantau Asia. Saya bukan bercakap, berhujah mengenai pelajar, keadaan mudamudi di negara kita. Kalau tidak mengikut ucapan saya jangan minta penjelasan.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Puan Fong Po Kuan:** Ini masalah timbul Tuan Yang di-Pertua, apabila pelajar-pelajar dari negara Cina ini, pelajar dari luar negara ini telah membayar yuran untuk setahun. Apabila tidak puas hati mendapati kolej tidak memberi mutu pengajian yang sepatutnya, tempat sewa yang disediakan mereka juga tidak puas hati apakah boleh mereka buat. Sebab yuran telah dibayar ya, untuk setahun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ceramah atau berucap.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah cara saya berucap. Saya berharap Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya minta..

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, jangan berat sebelah, bila Yang Berhormat PJ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada peraturan, kalau hendak ikut, ikut, kalau tidak mahu ikut terpulang kepada Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Tetapi setiap kali saya berucap Tuan Yang di-Pertua juga memberi teguran. Bila yang lain berucap langsung tiada teguran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat jangan cabar.

**Puan Fong Po Kuan:** Baiklah saya akan meneruskan ucapan saya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi teguran. Apabila pelajar ini mengadu kepada pihak kolej, pihak kolej berjanji akan memperbaiki keadaan serta mengadakan dialog dengan pelajar. Pelajar ini ada sampai menghantar memorandum dengan tandatangan lebih daripada 80 orang pelajar, kesemuanya dari negara Cina. Masih tiada tindakan yang diambil oleh pihak kolej. Kalau mereka minta tolong tukar kolej pihak kolej kata boleh, tetapi wang tidak boleh dibayar balik. Yang lebih menakutkan adalah pihak kolej enggan mengeluarkan surat pelepasan bagi membolehkan mereka mendaftar kolej lain. Ini kerana telah di catat atau dicop di dalam passport mereka sebagai pelajar kolej tersebut dan tidak boleh mereka menukar kolej tanpa surat dari kolej yang membawa mereka masuk. Pelajar-pelajar cuba untuk menukar kolej tetapi tidak boleh mendapatkan balik

wang yang telah dibayar. Apa boleh buat kecuali mereka meneruskan pendidikan di kolej tersebut dalam keadaan yang tidak gembira. Yang mengadu diugut, dihantar mereka pulang sebab passport mereka telah dicop atas nama kolej.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, ada pelajar dari negara Cina yang rela biar apa yang telah dibayar dihapuskan sedemikian tanpa meneruskan atau menyambung pendidikan mereka di negara kita, sebab kolej yang tidak bertanggungjawab tersebut dan tiada bantuan dikemukakan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kolej telah menipu pelajar-pelajar ini di mana dijanjikan menerusi *leaflet*nya. Menerusi *leaflet* bilik sewa disediakan semacam kelas satu, kelas pertama, lima bintang. Apabila mereka sampai, yuran telah dibayar, inilah keadaannya [*Menunjukkan beberapa keping gambar*]. Di mana – tengok keadaan boleh kita bandingkan dengan risalah ini (*leaflet*) [*Disampuk*]. Saya rasa Menteri lebih prihatin, bukan Yang Berhormat sebab Yang Berhormat di sana hanya tahu buat bising sahaja, cakap yang tidak ada berkenaan. [*Disampuk*] [*Tepuk*] Kita boleh rujuk gambar ini, kita boleh buat bandingan. Mereka telah menyuarakan ketidakpuasan hati mereka tetapi tidak diendahkan.

Mengenai kursus – mereka menyatakan, memaklumkan kepada saya bahawa pensyarah sering kali bertukar, buku teks tidak dibekalkan, tambah sukatan pelajaran juga tidak dibekalkan, diikuti. Pusat Sumber juga hanya mengandungi buku-buku lama, majalah-majalah dan surat khabar lama. [*Menunjukkan beberapa keping gambar*] Ini ada gambar Tuan Yang di-Pertua, sebab saya rasa, saya takut nanti orang kata saya cakap tanpa bukti, hanya tahu kritik kerajaan. Sekarang ini saya hendak bantu dengan kemukakan semua bukti.

Pusat Sumber untuk projek atau *assignment* – boleh, cuba Tuan Yang di-Pertua bayangkan, pelajar dari negara China ini datang untuk belajar *English As A Second Language* bukan untuk belajar English Course bagi *beginner*. Untuk *assignments* mereka dipanggil untuk melukis binatang-binatang, ESL projek dipanggil untuk melukis binatang, [*Ketawa*] elephant, animal, saya tanya mereka sama ada mereka tahu apa elephant? Mereka kata tahu, kami ada masalah untuk berkomunikasi sahaja. Mereka juga ada belajar English.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** [*Bangun*]

**Puan Fong Po Kuan:** Saya rasa Yang Berhormat boleh jawab nanti ya. Boleh Yang Berhormat jawab nanti – tambahan pula Yang Berhormat adalah orang yang pertama .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, .....

**Puan Fong Po Kuan:** ....saya .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** .....Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen.

**Puan Fong Po Kuan:** ....saya tidak beri laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, okay. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen .....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** .....tidak diberi laluan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ...bukan apa saya .....

**Puan Fong Po Kuan:** .....tidak perlu, nanti boleh .....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ....tidak saya .....

**Puan Fong Po Kuan:** ....Tuan Yang di-Pertua, tolong gunakan kuasa Tuan Yang di-Pertua, [*Ketawa*] sebab saya kesempitan masa ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, .....

**Puan Fong Po Kuan:** Nanti dia ada banyak masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ....Setiausaha Parlimen boleh jawab nanti ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua, .....

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ...saya hendak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat .....

**Puan Fong Po Kuan:** Tidak perlu, tidak perlu, tidak perlu sekarang berterima kasih. Saya tidak beri laluan....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ....kerana dia selalu tengok kepada saya, dia tidak tengok kepada .....

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri laluan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** .....Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu sebab saya tegur tadi....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** .....dia tidak tengok, dia sepatutnya ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ...Yang Berhormat sila duduk.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** .....sepatutnya mengikut peraturan Yang Berhormat bagi Batu Gajah kena hadap bersemuka dengan Tuan Yang di-Pertua,  
....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** .....cukuplah Yang Berhormat ....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ...tetapi dia suka tengok saya. Jadi, saya ucap terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu sebab tadi saya tegur. Sekarang .....

**Puan Fong Po Kuan:** ....ya, ya saya akan pandang Tuan Yang di-Pertua,  
.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ....ya, ini cara yang betul.

**Puan Fong Po Kuan:** ....dan pada masa yang sama saya juga akan perhatikan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu sekali-sekali bolehlah tetapi sentiasa .....

**Puan Fong Po Kuan:** ....memberi perhatian .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** .....menghadap ke sini....

**Puan Fong Po Kuan:** ....memberi perhatian *[Ketawa] [Disampuk]*.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** .....teruskan Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** ...sebab Tuan Yang di-Pertua.... Tuan Yang di-Pertua, saya serius sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kes ini telah saya kemukakan secara bertulis kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pada sidang yang lepas. *[Disampuk]* Saya sudah beri dokumen, saya telah bercakap dengannya di luar tetapi tiada tindakan diambil. *[Tepuk] [Disampuk]* Jadi, jangan minta penjelasan.

Malah pelajar ini dipanggil melukis gambar-gambar binatang, Tuan Yang di-Pertua. Apakah ini standard atau mutu pengajaran disediakan oleh sesebuah pihak kolej kepada pelajar-pelajar dari luar negara? Ada pelajar yang menyatakan kepada saya – pelajar dari negara China menyatakan kepada saya bahawa standard ini lebih rendah daripada standard tadika. Di tadika mereka belajar perkara yang lebih

mendalam. Tetapi sekarang ini mereka dipanggil untuk melukis gambar-gambar binatang, Tuan Yang di-Pertua.

Kursus ESL, Tuan Yang di-Pertua, adalah untuk empat peringkat. Pelajar dibenarkan untuk melompat peringkat (*skip*) dengan izin, sepasang suami isteri dari negara China telah dibenarkan untuk melompat dua peringkat, oleh itu tamat ESL dalam masa enam bulan. Dan mereka menuntut bayaran sewa setahun, mereka hanya tinggal setengah tahun, mereka menuntut bayaran yuran bagi setengah tahun. Dan mereka juga menuntut Imigresen deposit RM1,500 yang telah mereka bayar dan juga duit 'wang kopi' sebanyak RM200 untuk memproses visa sebelum mereka balik ke negara asal. Setiap seorang berjumlah yang mereka tuntutan adalah lebih kurang RM6,000, jika kita tukarkan ke currency Remimbi lebih tinggi kadarnya.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** [*Bangun*]

**Puan Fong Po Kuan:** Ini telah dijanji secara .....

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Yang Berhormat, .....

**Puan Fong Po Kuan:** ....ini telah dijanji akan dipulangkan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun.

**Puan Fong Po Kuan:** ....saya berharap semua jangan kacau. Sekarang ini saya .....

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Hendak tanya satu sahaja, 'wang kopi' ini wang apa?

**Puan Fong Po Kuan:** ....tidak beri laluan. Saya akan terangkan jangan risau.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, .....

**Puan Fong Po Kuan:** ...saya akan terangkan, jangan risau. Tuan Yang di-Pertua, saya harap – saya tidak beri laluan, jangan kacau ya.

Ini telah dijanjikan, dipulangkan kepada mereka oleh pihak kolej tetapi enggan ditunaikan oleh pihak kolej. Sijil yang diterima dari Kolej Utama Perak – sijil yang mereka terima adalah hanya Sijil Kolej Utama Perak sahaja yang sepatutnya mereka terima adalah sijil dari luar negara, dari Benedictine College.

Catatan di sijil ini [*Menunjukkan salinan sijil*] tidak menyatakan kelulusan khusus jenis apa, hanya menyatakan *American Credit Transfer Program*. Itu tidak membawa apa-apa maksud, tambahan pula apa yang menakutkan, yang mengecewakan sijil yang diberi ini tidak ada cap meterai,) Tuan Yang di-Pertua.

Bagaimanakah kolej sedemikian boleh diberi lesen, boleh diberi kebenaran untuk beroperasi dan pada masa yang sama memberi kebenaran yang lebih teruk kepada pelajar dari luar negara untuk masuk belajar di kolej ini. Pihak kolej telah berjanji menerusi surat khabar akan hantar sijil dari United States, Benedictine College dalam masa tiga bulan selepas mereka balik ke negara China. Baru tadi saya telefon mereka, mereka kata masih belum terima.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** *[Bangun]*

**Puan Fong Po Kuan:** Saya tidak beri laluan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, .....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sedikit soalan. Satu soalan sahaja.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya tidak beri laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, yang berucap tidak benarkan.

**Puan Fong Po Kuan:** Semua dokumen ini telah saya kemukakan.....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sedikit sahaja, soalan sedikit sebab apa .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dia tidak benarkan.

**Puan Fong Po Kuan:** ....saya tidak beri laluan .....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ....Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat terus menerus .....

**Puan Fong Po Kuan:** ....jangan hendak tunjukkan sekarang ini sangat prihatin terhadap perkara ini.....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ....saya memang prihatin.

**Puan Fong Po Kuan:** ...semua dokumen saya telah hantar.....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** .....saya cukup prihatin dengan Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan:** ....ada dokumen yang kali kedua saya hantar, bila saya pergi pejabat Yang Berhormat, jangan hendak tunjuk prihatin .....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, tidak, saya hendak tanya .....

**Puan Fong Po Kuan:** ...kalau hendak bantu, sudah bantu lama.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ....sebab saya ingin penjelasan sedikit sahaja.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ....

**Puan Fong Po Kuan:** Saya tidak beri laluan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ....sebab bila dia buat kes-kes yang macam itu kita perlu penjelasan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ...sudah kata tidak beri laluan, Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** ....saya, saya ....[Disampuk]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ....sedikit sahaja. Sedikit sahaja Yang Berhormat.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia tidak kasi, tidak beri.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon sedikit sahaja Yang Berhormat, bukan apa.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang dia – okay Yang Berhormat boleh kemukakan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih, pasal kes itu telah pun dibawa kepada saya dan tindakan kita telah ambil, satu.

Keduanya, saya pohon daripada Yang Berhormat, adakah penuntut-penuntut dari negara China ini sudah berkahwin?

**Puan Fong Po Kuan:** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Yang Berhormat, saya rasa soalan yang kedua tidak ada kaitan langsung dengan apa - [Disampuk] kalau kahwin dan tidak kahwin, apa kaitan?

Saya tahu ini salah satu, saya pun ada dengar-dengar pegawai penguat kuasa apabila saya keluar daripada bilik dia, dia ada cakap. Ini saya ada dengar tetapi saya tidak hendak bawa ke sini. Tidak ada kaitan ini, suami isteri telah balik, suami isteri telah balik selepas kami bertungkus-lumus lebih sebulan baru dapat balik tuntutan mereka. Dan kementerian langsung tidak membantu dalam perkara ini. [Tepuk]

Jangan kata saya hendak *political mileage*, semua dokumen saya sudah minta Yang Berhormat ambil tindakan, tidak ada jawapan. Sehingga saya kena hantar surat peringatan, okay.

Jadi, jangan hendak tanya soalan yang tidak ada kaitan, sudah kahwin, tidak kahwin, lelaki, perempuan tidak ada kaitan. Ini berkaitan dengan tanggungjawab kementerian dalam perkara ini. *[Disampuk] [Tepuk]* Saya ingin tahu apakah Lembaga Akreditasi Negara (LAN) ada meluluskan kursus-kursus ini iaitu ESL kepada kolej tersebut di mana ia adalah berkembar dengan College Benedictine di Arkansas, United States, dengan izin.

Saya ingin tahu apakah yang telah dilakukan oleh pihak kementerian mengenai aduan ini agar bagi pelajar yang sedang berada di kolej tersebut tidak menerima akibat yang sama walaupun mereka tidak berani untuk bersuara.

Imigresen deposit RM1,500, mengapakah pula dibayar oleh pelajar? Apakah ini prosedur yang betul yang disyaratkan oleh kementerian? Pihak kolej mengatakan bahawa wang RM1,500 hanya akan dilepaskan oleh pihak Imigresen selepas mereka pulang ke negara asal dan pihak kolej akan mengirim kepada mereka wang RM1,500 tersebut. Apakah jaminan pihak kolej akan berbuat demikian, menjadi tandatanya pelajar-pelajar luar negara ini.

Saya dapati sebenarnya, ada kolej juga memestikan pelajar membayar RM1,500 sendiri. Bagaimana seorang boleh jamin dirinya sendiri, saya pohon penjelasan? Sebagai contoh, apabila kita mengambil pembantu rumah asing, wang Imigresen, deposit adalah dibayar oleh majikan apabila pembantu rumah asing ini telah sampai ke negara asalnya, baru wang dilepaskan tetapi dalam kes ini agak aneh, mengapa pelajar yang membayar wang Imigresen deposit tersebut. Setiap pelajar juga telah dimestikan membayar RM200, RM290 untuk memproses visa tetapi harga visa yang dicatat adalah RM90 sahaja. Apabila ditanya kepada pihak kolej, cuba bayangkan pihak kolej bagaimana ia menjawab kepada pelajar luar negara ini.

Pihak kolej mengatakan, ini adalah yang telah di *translate, interpret*, dengan izin, sebab mereka adakan satu dialog dengan pihak kolej pelajar ini sebelum mereka meminta bantuan saya. Inilah yang telah direkodkan, di dalam sini saya ada bukti. Apabila ditanya, pihak kolej mengenai wang RM200, mengapa visanya RM90 mereka kena bayar RM200. Ini adalah kata mereka, *"Kami ambil pelajar, ia adalah salah di sisi undang-undang tetapi duit kopi ini kita kena bayar kepada pegawai Imigresen"*. Kalau hendak bukti, saya tidak boleh tunjukkan tetapi saya boleh beri tengok nombor akaun pegawai Imigresen. *[Disampuk]*

Saya kemukakan rekod-rekod ini, saya pohon tindakan diambil demi menjaga nama baik negara kita. *[Tepuk]* Saya telah maklumkan di atas setiap surat saya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya pandang tinggi kepada Setiausaha Parlimen jika berbanding dengan Timbalan. *[Ketawa]* Bukan Timbalan yang ini, ini saya tidak pernah berurusan tetapi bila dia jawab soalan, jawab soalan itu semuanya berpolitik. Saya sudah tidak ada keyakinan kepada Timbalan yang seorang lagi dari Seremban. Jadi, saya tujukan semua surat kepada Yang Berhormat tetapi Yang Berhormat telah mengecewakan saya juga. *[Tepuk]*

Saya ada nyatakan dalam rekod ini juga, nyatakan duit kopi. Kepada siapa? Kepada seorang pegawai Imigresen, nombor akaun boleh dikemukakan. Kalau Speaker berminat boleh ambil ..... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya tidak hendak, saya tidak minat. *[Ketawa]*

**Puan Fong Po Kuan:** Yang Berhormat Speaker juga dari Barisan Nasional pun mungkin boleh membantu dalam perkara ini. *[Ketawa]* Saya ingin memohon agar Badan Pencegah Rasuah menjalankan tanggungjawabnya di dalam perkara ini. Penyiasatan ke atas Bahagian Imigresen Kuala Lumpur sebab saya dimaklumkan kelulusan diberi oleh Kuala Lumpur. Boleh bayangkan setiap pelajar negara China ....

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, seorang ahli Yang Berhormat bangun.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya tidak beri laluan. Boleh bayangkan setiap .....

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Yang Berhormat, sedikit sahaja.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya tak beri laluan.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Ini tuduhan Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Maaf.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Yang Berhormat tuduh kakitangan kerajaan ni.

**Puan Fong Po Kuan:** Boleh bayangkan jika seorang pelajar luar negara bayar RM200....

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Yang Berhormat, sedikit sahaja.

**Puan Fong Po Kuan:** Kolej ini mempunyai lebih daripada 100 orang pelajar luar negara....

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Boleh atau tidak, Tuan Yang di-Pertua?

**Puan Fong Po Kuan:** Boleh bayangkan, berapa gemuk pegawai Imigresen tersebut. *[Disampuk]*

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Yang Berhormat, ini minta sikitlah. Ini tuduhan, tidak baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Tebrau bangun .

**Puan Fong Po Kuan:** Saya bukan menuduh, ini ada bukti.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Kalau Yang Berhormat fikir ada bukti, Yang Berhormat pergi hari ini, petang, Yang Berhormat terus pergi ke Badan Pencegah Rasuah, Yang Berhormat serah tape itu, Yang Berhormat cerita. Ini cerita, cerita di Parlimen, orang itu tidak ada di dalam Dewan.

**Puan Fong Po Kuan:** Tidak payah ajar saya, tidak payah ajar saya, ini forum saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Tidak, kalau ini..... Dia boleh serah tape pada Badan Pencegah Rasuah, buat laporan, ini bukan main baca, sebut kakitangan kerajaan gemuk, sihat, tidak baik Yang Berhormat sebut itu. Kalau dia tidak makan, macam mana? *[Disampuk]* Ini tuduhan. Yang sebelah sana pun ikut juga. Ini tuduh orang. Hantar report pada Badan Pencegah Rasuah. Ini bukti-bukti tetapi Yang Berhormat tidak pergi.

**Puan Chong Eng:** Ada bukti, suruh ACA siasat.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Tidak. Dia mesti datang jumpa.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, tolong jalankan tugas Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tebrau dan Bukit Mertajam, duduk. *[Disampuk]*

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Bukit Mertajam, duduk. Okey, Tebrau pun duduk. Sama-sama duduk. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar ini selepas gagal untuk mendapatkan bantuan, datang cari saya pula. Tetapi cuba bayangkan saya

sebagai wakil rakyat tiada perbezaan dengan mereka, pelajar dari luar negara. Aduan yang saya kemukakan juga tidak dipedulikan. Permohonan tarikh untuk berjumpa dengan Menteri Pendidikan, tidak dipedulikan. Malahan panggilan telefon saya juga telah digantung oleh Setiausaha, kalau tidak silap, Setiausaha Kanan kepada Menteri. Kena hantar peringatan kepada kementerian, lepas itu akhirnya Jabatan Pendidikan Negeri Perak berjumpa dengan pelajar-pelajar terlibat.

Ingat Tuhan telah mendengar masalah mereka, harapan penyelesaian ada, rupa-rupanya sama juga. Selepas perjumpaan dengan pegawai Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Tuan Haji Khamis, Ketua Unit Pendidikan Swasta, Perak, pada 12 Januari, tidak ada jawapan yang menyusul. Pada masa yang sama dimaklumkan sedang sediakan laporan dan pegawai dari Kementerian Kesihatan akan datang untuk siasat aduan tersebut. Saya minta buat aturan perjumpaan dengan pegawai dari Kuala Lumpur, boleh bayangkan seorang Ketua Unit Pendidikan Swasta panggil saya pergi jumpa pegawai dari Kuala Lumpur itu di Hill City Hotel. Saya minta tolong buat aturan, saya hendak jumpa, dia panggil wakil rakyat pergi hotel jumpa pegawai dari Kuala Lumpur. Boleh bayangkan *[Disampuk]* sikap sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana siasatan boleh dijalankan jika pengadu-pengadu yang terlibat tidak dijumpa atau disoal, kita buat laporan polis, kita kena soal dahulu atau ambil *statementnya*, dengan izin, tetapi dalam perkara ini saya boleh nampak dengan jelas berat sebelah di dalam pengendalian aduan ini. Dalam kes ini pegawai dari Kuala Lumpur membabi buta naik terus ke kolej untuk siasat tetapi yang menarik adalah pihak presiden kolej yang jarang berada di kolej boleh kebetulan berada di kolej ketika pegawai dari Kuala Lumpur menyiasat.

Pelajar yang mengadu, dilarang masuk ke kolej, saya juga dilarang masuk. Menurut surat khabar, ini adalah arahan dari pegawai kementerian yang melarang saya masuk tetapi boleh bayangkan perkara sedemikian boleh berlaku pada hal saya yang mengemukakan aduan tersebut. Boleh juga kita bayangkan pelbagai tekanan jiwa ke atas pelajar ini, mereka beritahu saya, 'saya ke sini bawa wang masuk ke Malaysia, mengapakah saya terima layanan sedemikian?' Pada mulanya saya beri harapan. Saya kata, kita ada harapan, kementerian boleh ambil tindakan tetapi sama juga.

Selepas kedatangan pegawai kementerian dari Bahagian Penguatkuasaan, tiada jawapan, hanya sepucuk surat menyatakan bahawa selepas pegawai ini hadir, menyatakan bahawa mereka akan menyiasat perkara ini. Akhirnya, selepas kami

mengambil inisiatif menghubungi pegawai, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan, Bahagian Penguatkuasaan Datin Lily akhirnya rela jumpa kami, kena bawa pelajar ini turun jumpa di kementerian di Bahagian Penguatkuasaan. Apabila sampai, yang mengejutkan adalah Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Kementerian, Datin Lily boleh memaklumkan saya dan di hadapan pelajar semua bahawa *I have got a slanted report* daripada orang bawahannya yang hadir ke Ipoh untuk membuat penyiasatan. Nasib baik kami ambil inisiatif untuk turun jumpa pegawai di kementerian, kalau tidak, mereka ingat saya hendak *political mileage*. [Disampuk]

Siapa yang menjerit tadi? [Disampuk] Rompin. Rompin tidak tahu latar belakang, jangan tanya. Tanya Yang Berhormat sama ada saya ada bagi dokumen, selesaikan dahulu. [Disampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklumkan sekarang ini nampaknya ahli-ahli Parlimen dari pembangkang dan juga peguamnya sudah tidak laku. Ahli-ahli Parlimen terutamanya dari pembangkang sudah tidak laku, sebab aduan yang saya telah kemukakan kepada kementerian, apabila saya bawa pelajar ini jumpa Datin, Bahagian Penguatkuasaan, dia beritahu saya, pelajar ini kena menulis semula kesemua aduan mereka dengan tulisan tangan mereka sendiri. Boleh bayangkan macam segala aduan saya tidak ada .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu sebab Yang Berhormat kata ahli Yang Berhormat dari pembangkang tidak laku. Itu sebab Yang Berhormat kata .....

**Puan Fong Po Kuan:** Ya, ya, ini adalah kerana dasar diskriminasi. [Tepuk] Tidak ada yang lain. Itu sahaja. Boleh bayangkan, panggil pelajar ini menulis semula dengan tangan sendiri. Tuan Yang di-Pertua, ini saya hendak mengemukakan. Kami walaupun dari pembangkang ada kredibiliti. Kena juga pohon sebab kami ini ke mari adalah untuk menyuarakan masalah rakyat sahaja. Tidak ada yang lebih daripada itu. Hanya menjalankan tanggungjawab di mana kedudukan pembangkang adalah diakui. Saya boleh bayangkan panggil pelajar itu tulis semula. Macam saya boleh bohong, guna letter head saya tulis, saya boleh bohong perkara-perkara ini. Padahal saya hanya minta buat aduan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila gulung Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Ya, saya akan gulung Tuan Yang di-Pertua, jangan risau. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tolonglah. Gunakan perkataan yang lebih sesuai, sakit telinga tahu! *[Ketawa]*

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga sakit telinga sebab selalu ditegur oleh Tuan Yang di-Pertua. Yang lain-lain tidak mengacau tetapi Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau Yang Berhormat sakit telinga, Yang Berhormat boleh berhenti, tidak usah cakap. *[Ketawa]*

**Puan Fong Po Kuan:** Saya belum sampai masa Tuan Yang di-Pertua, saya akan habiskan tanggungjawab saya. Ini janji saya kepada pelajar dari luar negara, China ini. *[Tepuk]* Boleh bayangkan pelajar ini terima ugutan telefon, mereka kena pergi buat laporan polis. Polis juga datang untuk membuat soal-siasat. Mereka hanya mengemukakan aduan mengenai kolej tetapi pihak polis datang untuk menyoal mereka. Boleh bayangkan saya beri satu contoh, pelajar ini telah membuat laporan polis bahawa ibu kepada pelajar ini terima panggilan telefon dari Malaysia dan pemanggil itu menyatakan bahawa dia dari pihak kolej. Dia kata, "You tahu apa anak you buat di Malaysia, anak you sekarang sedang cuba untuk menentang Kerajaan Malaysia". Ini kerana pelajar itu datang untuk meminta bantuan dari seorang wakil rakyat pembangkang....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Puan Fong Po Kuan:** Panggilan sedemikian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tidak payah bangun. Masa dia sudah cukup.

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** Tak payah?

**Puan Fong Po Kuan:** Saya, saya akan gulungkan, Tuan Yang di-Pertua. Satu minit. Saya pohon satu minit sahaja.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Oleh itu saya harap dalam mengendalikan aduan, kementerian biarlah bersikap lebih adil kerana kami terutama negeri Perak akan menjadi negeri pertama yang akan ke Medan, Indonesia untuk mempromosikan pendidikan swasta selain

daripada pelancongan. Seterusnya diikuti ke Singapura, ke Thailand, Australia dan India. Kalau pengawalan yang ketat ke atas institusi swasta ini...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Puan Fong Po Kuan:** Maaf, saya tidak beri laluan...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ooi yo, "banyak malah"

**Puan Fong Po Kuan:** Institusi swasta ini, saya rasa kalau ada pengawalan yang ketat pelajar ini gembira.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Jangan cepat marah. Kahwin, terus tak ada marah.

**Puan Fong Po Kuan:** ...mereka boleh jadi promoter kita di luar negara bagi arena pendidikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cukuplah Yang Berhormat. Masa cukup, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** *[Bangun]*

**Puan Fong Po Kuan:** Ya, ya, saya akan tamat. Saya pohon agar Kementerian Pendidikan menjalankan tanggungjawabnya dengan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Setiausaha Parlimen bangun, hendak beri jalan kepada dia?

**Puan Fong Po Kuan:** Tidak beri jalan. ....Menjalankan tanggungjawabnya dengan adil dan saya hendak tahu, apakah perkembangan ke atas cadangan untuk menggabungkan 600 buah institusi swasta tersebut. Saya hendak tahu apa perkembangan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sri Gading. *[Ketawa]*

**4.33 ptg.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Tun Yang di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Beberapa Ahli:** Waalaikummus Salam.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Hirabbil Alamin. Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kerana dapat mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu Baginda merasmikan Penggal Ketiga, Parlimen Kesepuluh pada 19 Mac yang lalu. Saya seperti juga Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen yang

lain, menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya akan mengambil bahagian beberapa perkara dalam membahaskan Titah Ucapan ini.

Pada pertengahan bulan yang lalu sehinggalah pertengahan bulan ini saya berada di tanah suci Makatul Mukarramah kerana bersama-sama dengan 45,000 orang rakyat Malaysia yang berpeluang menjadi tetamu Allah Subhanahu Wataala ke Baitullah mengerjakan Rukun Islam yang kelima. Alhamdulillah, semuanya berjalan dengan baik dan ada satu perkara yang menarik perhatian saya di antara perkara-perkara yang menarik waktu saya berada di tanah suci Makatul Mukarramah. Kebetulan saya bersama-sama menjadi tetamu Tabung Haji. Antara VIP yang menjadi tetamu Tabung Haji ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar, Kerajaan PAS, negeri Kelantan. Kami hidup dalam satu bangunan, makan di tempat yang sama, selalu berjumpa dan bergaul. Saya lihat Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar, Kerajaan PAS Kelantan ini seorang yang berpekeri mulia. Tujur spanya begitu indah, lembut, tingkah-lakunya menawan, saya begitu kagum dengan sahsiah yang ditunjukkan. Amat berbeza dengan setengah-setengah pemimpin PAS yang lain.

Maka terbayanglah oleh saya di tanah suci ini kerana saya juga mengikuti perkembangan di tanah air, terbayang oleh saya kalaulah salah seorang wakil PAS yang hendak berunding dengan UMNO adalah Yang Berhormat ini, sudah tentu agaknya perundingan antara PAS dengan UMNO ini akan berjalan dengan lancar tanpa ada apa-apa masalah.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sila, Bagan Datoh.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Yang Berhormat Sri Gading. Kalau begitulah baiknya sifat Timbalan Menteri Besar Kelantan, agaknya dalam Dewan ini ramai atau tidak yang bersikap macam itu? *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya rindukan sifat itu di Dewan ini tetapi tidak berjumpa, Yang Berhormat Tun. *[Ketawa]*

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jauh macam langit dengan bumi...

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Oh ya, sahabat saya Kemaman.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Ya, terima kasih. Saya hendak bertanya sama ada berapa ramai di kalangan belah sana itu yang bersifat sedemikian juga?  
[Ketawa]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** UMNO memang terkenal dengan sifat pemimpin-pemimpin yang terbuka [Tepuk] Ramah mesra.....

**Seorang Ahli:** Yeaahhhhhhh....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [Bangun]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...saya minta extra masa Tun...

**Tuan Yang di-Pertua:** [Ketawa]

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya tertarik dengan Sri Gading, tentang budi bicara pemimpin PAS. Saya rasa Ketua Pembangkang pun dalam kumpulan itu juga tetapi yang di belakang-belakang itulah dia tidak masuk dalam kumpulan itu [Ketawa]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya tidak berapa bergaul dengan pemimpin pembangkang tetapi saya rasa pun saya tidak dapat agaknya hendak dibandingkan, tidak dapat hendak dibandingkan. Jadi, itulah Yang Berhormat Tun, manusia kadangkala kita tertarik dengan sifat lemah-lembut, berbudi bahasa, pekerti yang mulia yang boleh mencetuskan hubungan yang mesra, muhibah antara kita sesama kita.

Yang Berhormat Tun, saya telefon ke tanah air, saya agak terkejut. Ini saya hendak beri pandangan ikhlas kepada kerajaan kita, ini bukan mengkritik tetapi ini pandangan kerana kami Wuquf pada hari Ahad dan selepas Wuquf barulah kita berhari raya kerana Wuquf ialah pada 9 Zulhijah dan Hari Raya ialah pada 10 Zulhijah. 9 dan 10 Zulhijah itu tidak boleh diubah dan kuasa menentukan Wuquf ini tidak ada kerajaan-kerajaan negara Islam yang lain melainkan terhad kepada Kerajaan Arab Saudi yang menjadi hamba kepada dua tanah suci – Makatul Mukarramah dan Madinatul Munawwarah. Jadi, apabila Wuquf pada 9 Zulhijah, hari Ahad dan Hari Raya Aidil Adha pada hari Isnin, saya terperanjat kerana negara kita berhari raya pada hari Selasa.

Saya harap pihak-pihak yang berkenaan di negara kita supaya dapat memperbetulkan ini kerana ini ada kaitan dengan hukum-hakam agama kerana dalam Islam, 9 Zulhijah itu disunatkan kita berpuasa. Jadi, kalau orang Malaysia 9 Zulhijah itu ialah pada hari Isnin, sedangkan di Makatul Mukarramah orang berhari raya Aidil Adha pada hari Isnin itu ialah di sini seolah-olah 9 Zulhijah, sedangkan di

sana sudah 10 Zulhijah. Jadi, soal berpuasa pada 9 Zulhijah itu ganjaran daripada Allah Subhanahu Wataala amat besar. Antaranya, sesiapa yang berpuasa pada hari Wuquf iaitu 9 Zulhijah, diberikan ganjaran dihapuskan dosanya dua tahun yang lepas dan dihapuskan dosanya dua tahun akan datang, begitu besar.

Maka, sebab itu orang-orang yang tahu tentang hukum hakam agama, dia akan mencari peluang untuk berpuasa pada hari Wuquf tetapi kalau Wuquf itu sudah jatuh pada Hari Raya di Saudi Arabia, maka ini menjadikan satu pertelingkahan dan begitu juga tentang hari-hari tasriq kerana kita boleh berkorban untuk Aidil Adha ini ialah hingga kepada 13 hari tasriq. Jadi kalau 13 hari tasriq di Arab Saudi ialah pada Selasa, Rabu dan Khamis tetapi apabila kita berhari raya pada hari Selasa, makna hari tasriq kita ialah pada hari Jumaat. Jadi, kalau keadaan ini tidak dapat diperbetulkan, saya rasa nanti timbul masalah...

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sila.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Terima kasih, boleh saya menganggapkan atau saya mengatakan di sini bahawasanya Kerajaan Malaysia ini, inilah di antara salah satu bukti menunjukkan Kerajaan Malaysia ini tidak turut cara Islam. Cakap sahaja tetapi tidak turut yang sebenarnya. Jadi, boleh Yang Berhormat setuju dengan saya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya pun orang UMNO, sebahagian daripada kerajaan peka tentang hukum hakam Islam. Saya difahamkan alim ulama kita ada pegangannya kerana rukyah kerana kata perbezaan masa antara Malaysia dan Arab Saudi dan dalam perbezaan masa ini ialah sekurang-kurangnya lima jam. Jadi, ada pegangan daripada ulama.

Jadi, pandangan saya ini bukanlah bermakna kerajaan kita ini mengabaikan hukum hakam Islam. Malahan Kerajaan Malaysia ini antara negara-negara Islam di dunia yang benar-benar dapat menunjukkan teladan mempraktikkan Islam. Banyak contoh kalau kita hendak bersifat adil. Tetapi kalau kita pandang sebelah mata hendak cari kesalahan orang, hendak jadikan isu politik memanglah, kerana ada rakyat yang kurang jelas, jahil tentang agama boleh diputarbelitkan. Ini saya berharaplah, ini pandangan saya ikhlas supaya dapat sekiranya perkara-perkara ini diperbetulkan.

Di Indonesia pun berhari raya pada hari Isnin, di Brunei pun begitu. Jadi, ke mana pula pakatan negara-negara Islam yang di rantau ini. Dahulu saya dengar ada pakatan untuk menetapkan hari memukakan puasa, Hari Raya Aidil Fitri, Hari Raya Aidil Adha antara negara-negara Islam di kalangan jiran tetangga kita ini, Singapura, Brunei, Indonesia, Malaysia, Thailand, Filipina. Jadi, saya berharap kalau bolehlah diberikan penjelasan kerana ini juga kadang-kadang jadi isu yang boleh mengelirukan rakyat.

Saya sebagai anggota menyokong kerajaan mengemukakan ini bukan kerana hendak mencari salah tetapi demi kerana agama saya berniat ikhlas, lillahi taala, untuk mencari satu kata sepakat, satu cara bagaimana keadaan ini tidak berlaku lagi pada masa-masa yang akan datang. Saya sedia menerima fatwa dan saya patuh akan perintah kerajaan. Cuma apa yang saya berikan pandangan ini sebagai salah seorang orang yang dapat mendengar rintihan dan pandangan-pandangan rakyat yang ada di seluruh negara kita. Itu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua, saya berharap ini antara CUEPACS dan JPA antara kerajaan. Saya menyokong sangatlah apa yang CUEPACS perjuangkan yang telah pun diberikan perhatian oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya SSB ini ditamatkan dan diganti dengan Sistem Saraan Kerajaan (SSK). Yang saya lebih tertarik untuk menyokong sistem ini ialah kerana sistem baru ini akan memberikan gaji permulaan kepada kakitangan sebanyak RM900, tidak dalam sistem SSB RM600 sebulan.

Kita sedia maklum bahawa kakitangan kerajaan telah pun memberikan khidmatnya kepada kita dan dengan perkhidmatan kakitangan kerajaan kita dapat membangunkan negara ini. Maka sistem saraan ataupun sistem gaji ini haruslah diberikan perhatian yang sewajarnya dan diberikan pertimbangan yang sepatutnya walaupun soal-soal kewangan, soal-soal beban dan sebagainya tetapi bolehlah diadakan perundingan yang boleh menguntungkan pihak kakitangan kerajaan sebagai satu anugerah kita di atas kecemerlangan mereka dan kesetiaan mereka memberikan khidmat kepada kerajaan.

Satu lagi saya hendak cadangkan kalau boleh, ini tidak disentuh oleh CUEPACS tetapi saya memandangkan beberapa rakan-rakan yang berkhidmat di kerajaan yang merasakan gaji mereka agak begitu membebankan dibandingkan dengan sara hidup. Kalau boleh kakitangan yang bertempat di bandar-bandar besar

yang sara hidup mereka lebih tinggi dengan bandar-bandar yang kecil atau pekan-pekan yang kecil diberikan elaun khas sebagai bantuan.

Seperti umpamanya hidup di Johor Bahru tidak sama dengan hidup di Kuantan. Hidup di Johor Bahru tidak sama hidup di Kuala Terengganu kerana perbezaan kehidupan di kedua-dua bandar ini. Maka di mana bandar-bandar besar yang nafkah hidupnya lebih tinggi sebagai bantuan kepada kakitangan kerajaan diberikan satu elaun khas bagi menampung kesulitan-kesulitan kakitangan. Kadang-kadang sewa rumah di Johor Bahru lebih mahal daripada Kuala Lumpur. Ini ambil contoh kerana desakan penduduk-penduduk Singapura. Jadi, kalau kakitangan di Johor Bahru ini mendapat gaji yang sama dengan katalah kakitangan di Port Dickson, ia tidak seimbang.

Jadi, kalau boleh dirangka satu keadaan bagi memudahkan ataupun membantu kakitangan ini supaya diberikan elaun khas. Kalau di Kuala Lumpur bagaimana elaun, kalau di Johor Bahru bagaimana, kalau di Pulau Pinang macam mana, kalau di Ipoh bagaimana. Kita kategorikan bandar-bandar besar dengan nafkah hidup yang lebih tinggi daripada bandar-bandar lain supaya dapatlah dibantu kesulitan-kesulitan yang ditanggung oleh kakitangan kita.

Ini juga termasuk elaun-elaun kepada polis, tentera yang sepatutnya difikirkan semula supaya jangan mereka diberikan tugas yang besar, yang berat, yang merbahaya tetapi imbuhan kepada mereka tidak setimpal. Jadi, saya harap juga dikaji supaya polis, tentera dan pasukan-pasukan beruniform yang lain diberikan elaun-elaun yang agak berpatutan bagi meringankan beban kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya JPA juga - JPA ini saya tengok kadang-kadang lebih kedekut macam tangkai jering. Saya pun tak tahu apa polisi yang dipegang oleh JPA. Seseengah jabatan atau agensi kerajaan yang lain kadang-kadang mengeluh kerana kakitangan yang sepatutnya diisi tidak diisi. Kadang-kadang permintaan kepada JPA ini bertahun-tahun hendak mengisi kekurangan kakitangan yang diperlukan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan.

Saya tak tahu polisi JPA ini tetapi saya berharap JPA harus peka dengan tuntutan-tuntutan agensi-agensi kerajaan yang hendak menambah kakitangan yang memang diperlukan kerana dengan tambahan kakitangan ini akan dapat membereskan lagi dan melancarkan lagi tugas dan peranan agensi ini dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat dan negara.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ini soal Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Saya berharap hapuskan terus 4% bayaran perkhidmatan ini. [*Tepuk*] Pihak pembangkang tak usah tepuklah kerana kami pun lebih peka sebab itu saya bawa di sini dan saya rasa Pemuda UMNO pun dan berbagai-bagai dalam persidangan bahagian-bahagian di seluruh negara nampaknya ini yang menjadi salah satu usul daripada cawangan-cawangan. Jadi, soal PAS hendak ambil kesempatan tak ada jalanlah kerana UMNOlah sebenarnya yang sebenar-benarnya memperjuangkan dan saya mengutarakan di Parlimen ini. Ketua UMNO Bahagian saya pun nampak beberapa cawangan dalam bahagian saya begitu mendesak supaya 4% bayaran perkhidmatan ini dihapuskanlah.

Jadi, saya harap kita jangan banyak cerita, jangan panjangkan cerita, hapuskan sahaja 4% ini dan 4% bayaran perkhidmatan ini kita serapkan sebagai perbelanjaan mengurus, termasuk dalam perbelanjaan mengurus dan perkara ini mudah diselesaikan. Kata saya mudahlah, kementerian tak tahulah.

Yang keempat, banyak diperkatakan tentang hal kejatuhan harga getah, kejatuhan harga kelapa sawit dan Ahli-ahli Parlimen pun terutama dari Barisan Nasional memberikan desakan dan juga pandangan supaya bantuan diberi dan tadi Kementerian Perusahaan Utama pun menjawab dengan panjang lebar untuk mengatasi masalah ini.

Saya pula di Dewan ini hendak pendekkan cerita, Tuan Yang di-Pertua, mencadangkan supaya diberikan bantuan serta-merta dan segera untuk mengatasi kesulitan pekebun-pekebun kelapa sawit dan getah bagi RM1 bilion dalam tahun ini juga kepada mereka – selesai. RM1 bilion. Tambahlah 500 – 500. Tambah lagi RM1 bilion. Yalah, kita hendak bantu dan saya harap kalau pekebun-pekebun kecil ini sudah dapat bantuan ini besok, terutama orang-orang FELDA, jangan dengar pula ceramah PAS, bantuan ini daripada Kerajaan Barisan Nasional, jangan dengar ceramah PAS, kemudian mengisi pula kantung PAS yang berjalan.

Jadi, tak kena, nanti bantuan ini kita beri, tetapi lepas itu disalurkan kepada PAS, sebab itu PAS kadang-kadang dia untung ini, kalau harga kelapa sawit dan getah naik, fasal dia punya tabung apabila berjalan dapat juga berisi. Jadi, saya beri ingat kepada peneroka FELDA dan juga pekebun-pekebun kecil, jangan bila sudah dapat bantuan besok, pergi hadir ceramah PAS, kemudian menabung pula kepada tabung-tabung PAS. Ya, sila.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Saya hendak tahu Yang Berhormat tadi sebut tabung. Kenapa ini, kalau naik harga kelapa sawit kerajaan bantu ini, tabung PAS berjalankah, tabung apa ini?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak, ceramah PAS ini memang dia punya tradisi tabung akan berjalan, sebab itu waktu kelapa sawit dahulu RM400 satu tan, ceramah PAS amat galak fasal tabung dia penuh, fasal orang ada duit, orang kampung ada duit, teruslah beri RM10, RM20, RM50 konon tabung jihad ataupun derma jihad, tetapi sebenarnya derma jahat, tetapi mereka tak faham.

Jadi, saya harap bantuan ini datang daripada kerajaan RM1 bilion supaya gunakanlah untuk menyara kehidupan bagi mengelakkan kesesakan yang mereka tanggung.

Yang kelima, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun Yang Berhormat, ya. Kuala Nerus bangun ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, sila sahabat saya ini.

**Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat menyangka bahawasanya peserta-peserta FELDA itu bodoh, sangat bodoh macam.... *[Disampuk] [Ketawa]* bukan, bukan, sehingga mereka ini tidak ..... itu saya tak kata. Itu saya tak kata, sehingga mereka ini boleh diperdayakan begitu. Minta penjelasan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya. Saya baca buku tulisan dia, dia seorang penulis yang baik. Terima kasihlah.

Saya tak kata bodoh, bukan mesti orang yang bodoh memberikan derma, tetapi kadang-kadang orang pandai pun boleh keliru. Jadi, atas kekeliruan inilah kadang-kadang orang memang boleh dikelirukan, bukan soal dia bodoh, tetapi dia dikelirukan. Sebab itu, tabung PAS itu penuh. Tetapi kalau orang ini tidak boleh dikelirukan, tabung PAS tak ada lagi saya ingat, tidak boleh jalanlah. Okay.

Yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, sampai masanya semua orang bercakap tentang setinggan. Jadi, saya berharap pihak kerajaan kita selesaikan masalah setinggan ini secara yang begitu berkesan.

Saya mencadangkan supaya kerajaan menggubal satu dasar setinggan negara. Selesaikan masalah setinggan, lihat secara terperinci masalah-masalah setinggan. Lihat sampai ke dalam apa masalah-masalah setinggan. Bagaimana

kehidupan mereka, bagaimana terjadi setinggalan, bagaimana sebenarnya yang berlaku di kalangan kampung-kampung setinggalan ini.

Kena kaji, kadang-kadang kampung setinggalan ini kerana ia juga menjadi mangsa orang tengah. Ada orang kaya yang membuat rumah untuk disewakan di kawasan setinggalan. Ini juga perlu diberikan perhatian dan tindakan sewajarnya oleh kerajaan-kerajaan negeri. Tetapi dasar ini agaknya bolehlah dirangka atau didraf oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya dilihat masalah-masalah setinggalan ini dan sekali gus masalah-masalah ini dapat diselesaikan dan tidak menjadi punca seperti mana yang didakwa oleh sesetengah pihak kerana kehidupan mereka yang terbiar, yang sengsara dan sebagainya.

Jadi, satu rangka yang merangkumi semua aspek tentang kehidupan setinggalan ini dapat dirangka menjadi dasar setinggalan negara untuk menyelesaikan masalah-masalah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melontarkan sedikit pertanyaan kepada Yang Berhormat Sri Gading. Adakah Yang Berhormat menyedari bahawa sebuah agensi di peringkat pusat di bawah Menteri Kewangan (Diperbadankan) telah diarah untuk menguruskan tabung yayasan perumahan untuk termiskin dan juga tabung projek rumah kos rendah yang jumlahnya lebih dari RM1 bilion untuk membantu setinggalan-setinggalan dengan kerjasama kerajaan negeri agar masalah setinggalan ini pada tahun 2005 akan diselesaikan keseluruhannya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya pun hendak ucap tahniah kerana Yang Berhormat Bagan Datoh ini ialah Pengerusi Syarikat Perumahan Negara. Saya pun faham Yang Berhormat agaknya ada merangka tentang perkara-perkara inilah. Pandangan saya ini sebagai tambahan ataupun menguatkan apa yang, saya tahu Yang Berhormat pun sedang merangka macam-macam, sebelum kes Kampung Medan berlaku pun Yang Berhormat telah pun menyatakan bagaimana strategi-strategi hendak membangunkan rumah murah ini dan apa yang saya sampaikan ini adalah sebagai menguatkan pihak Yang Berhormat juga.

Sebenarnya hendak memberikan kesedaran kepada kerajaan, masalah setinggalan ini sudah tidak boleh dijadikan masalah sampingan, masalah yang agaknya tidak penting, ianya sudah menjadi satu perkara yang kalau tidak diselesaikan macam-macam perkara boleh berlaku. Ini pandangan saya dan

pandangan ini sudah sewajarnya patut mendapat sokongan kerajaan kerana ia diberikan pandangan oleh penyokong kerajaan.

Jadi, tidak ada unsur-unsur politik apa yang saya sebutkan, lainlah pembangkang, pembangkang hanya mengambil mileage politik, saya bercakap kerana sebagai penyokong kerajaan untuk kepentingan rakyat dan kebaikan kerajaan juga.

Yang keenam, sebelum terlambat, saya dan beberapa rakan-rakan yang lain berhadapan dengan masalah-masalah yang ada kaitan dengan generasi ketiga FELDA. Generasi ketiga FELDA sudah tidak seperti generasi yang pertama atau yang kedua. Sikapnya sudah berbeza, kalau generasi FELDA yang pertama ia menjadi peneroka dan sanggup menjadi petani sepenuh masa mengorbankan masa dan jiwa raganya untuk kemajuan pertanian ataupun kehidupan pertanian mereka. Tetapi anak-anak mereka sudah tidak bersifat seperti itu. Mereka telah terdedah dengan pendidikan yang tinggi dan sesetengahnya mereka telah pun terdedah dalam pendidikan menengah. Jadi sikap mereka untuk kepada pertanian sudah begitu jauh berbeza daripada ayah dan ibu mereka.

Maka itu, saya berharap FELDA jangan mendiamkan diri dalam masalah ini, jangan diserahkan semata-mata kepada pihak kerajaan dan kalau ada berlaku sesuatu yang tidak baik kepada generasi ketiga FELDA ini, yang akan menerima akibatnya ialah kerajaan dan pemimpin-pemimpin.

Jadi, saya berharap perbadanan FELDA seperti mana yang Larut kata tadi, RM2 bilion lebih wang simpanan. Saya difahamkan ada RM4 bilion dan saya tak tahu angka yang sebenarnya. Saya dapat kefahaman bahawa wang FELDA itu ialah RM4 bilion yang tersimpan. Kata Larut tadi RM2 bilion lebih, tak kiralah berapa bilion, tetapi saya berharap wang ini dapat digunakan untuk menyediakan perkara-perkara yang boleh memberikan manfaat kepada belia-belia atau generasi ketiga FELDA seperti umpamanya mewujudkan pusat-pusat latihan kemahiran yang boleh dibiayai dan diuruskan oleh perbadanan FELDA ini untuk memberikan satu pendidikan kemahiran sesuai dengan pembangunan negara yang memang telah bertukar daripada pertanian kepada perindustrian.

Jadi, kalaulah perbadanan FELDA ini dapat memberikan perhatian dan menyediakan pusat-pusat kemahiran kepada belia-belia di dalam FELDA ataupun generasi ketiga ini, saya rasa masalah-masalah sosial yang ditanggung ataupun yang sedang berlaku di kawasan FELDA mungkin akan dapat dikurangkan.

Jadi, saya berharap perbadanan FELDA akan dapat memikirkan secara yang agak halus dan agak berkesan bagaimana wang yang banyak ini, wang yang banyak ini untuk apa, Tuan Yang di-Pertua? orang yang pandai ialah orang yang pandai berbelanja, tetapi kalau simpan sahaja, untuk apa simpan, ke mana duit ini, faedahnya apa?

Jadi, wang yang disimpan ini harus dimanfaatkan, digunakan dengan sebaik mungkin supaya pulangan secara yang lain ataupun secara memberikan kemahiran ini akan dapat diperolehi oleh generasi ketiga dan dengan itu dapat mengurangkan masalah-masalah yang berlaku di dalam FELDA. Ya, dijemput.

**Tuan Saupi bin Daud:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Berhubung dengan pergerakan belia, menyentuh soal generasi ketiga FELDA ini. Saya rasa bukan sahaja terletak kepada bahu FELDA dan kementeriannya tetapi kalau kita lihat masalah ini terletak kepada Kementerian Belia dan Sukan di mana hari ini saya tidak nampak bahawa Kementerian Belia dan Sukan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan prestasi generasi belia hari ini terutama sekali di dalam penghayatan perpaduan negara dan kita lihat program-program yang dibuat oleh belia pada hari ini lebih banyak tertumpu kepada program-program yang berbentuk suka ria dan sebagainya tertumpu di kawasan bandar. Dengan itu program-program belia yang terletak di luar bandar terutama sekali di dalam kawasan FELDA dan juga kawasan-kawasan lain, saya rasa agak tertinggal. Bagaimana pendapat dan pandangan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya difahamkan Kementerian Belia dan Sukan ini kementerian yang melayan kehendak generasi muda. Ia mempunyai program-program yang pelbagai. Ada yang berupa pendidikan, kemahiran, keilmuan, ada yang berupa keagamaan, ada yang berupa riadah, ada yang berupa sosial dan ada juga berupa kesenian dan kebudayaan. Jadi kalau Yang Berhormat kata hanya untuk bersuka ria sahaja, tidak tepatlah walaupun ada tetapi program Kementerian Belia dan Sukan ini berbagai-bagai. Jadi agaknya kerana hendak mengikut selera, kerana yang diwakili ini ialah kumpulan belia yang sudah tentu dia berkehendakkan berbagai-bagai warna di dalam hidupnya termasuklah hiburan, kebudayaan, kesenian dan sebagainya tetapi kalau kesenian dan kebudayaan ini disalurkan dengan agaknya membina peribadi, dia tidak menjadi salah, kalau kerana tujuan keceriaan dan sebagainya. Jadi saya rasa berbagai-bagai yang telah pun dilakukan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Ini mengikut apa yang saya

difahami tetapi saya rasa nanti Kementerian Belia dan Sukan bolehlah menjawab saya dan juga Yang Berhormat dalam jawapan nanti, sabar sahajalah. Saya hendak jawab lebih pula, saya bukan Menteri Belia dan Sukan, walaupun saya pun layak menjadi Menteri Belia dan Sukan ini *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta gulung Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Gulung?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Alah Tun *[Ketawa]* Satulah yang akhir Tun, saya patuh, orang baik Tun. Ini sekolah Cina dan sekolah India. Saya mintalah Kementerian Pendidikan cuba ubah sedikit agaknya paradigma kementerian ini. Selain daripada memberikan bantuan kepada sekolah kebangsaan, tambahlah bantuan, tambahlah komputer, tambahlah kemudahan-kemudahan kelas bestari dan sebagainya, tambahkan, tambahkan lagi kerana pendidikan amat penting bagi rakyat kita.

Saya berharap juga sekolah-sekolah agama diberikan bantuan tetapi saya berharap juga sebagai Ahli Parlimen Barisan Nasional yang mewakili orang-orang Cina juga dan India. Sekolah-sekolah Cina dan India, bantuan penuh, bantuan modal ini ditambah peruntukan supaya tidaklah orang-orang Cina dan orang-orang India rasa kita tidak memberikan perhatian kepada mereka walaupun sebenarnya Kementerian Pendidikan memberikan perhatian kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan India ini tetapi sudah sampai masanya saya ingat disemak semula supaya diberikan bantuan tambahan kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan juga jenis kebangsaan India yang kadang kala memang memerlukan bantuan. Saya di kawasan pun diminta berpuluh-puluh ribu sebagai Ahli Parlimen.

Jadi kadang kala saya pun tidak ada kemampuan untuk menampung permohonan-permohonan sekolah-sekolah ini yang saya memang lihat sesetengahnya itu begitu daif, begitu susah. Jadi kalau boleh, saya merayu sebagai penyokong kerajaan yang memang bersahabat dengan Cina, bersahabat dengan India, kita bersahabat ini sudah lama, bukan sekarang pasal politik baru bersahabat, tidak macam PAS dan DAP kan, sekarang sahaja baru bertemu, kita memang dari dahulu sudah ikhlas, UMNO, MCA, Melayu, Cina, India ini memang sudah lama, daripada tahun 50-an kita sudah bersahabat, jadi kita hendak terus mengukuhkan persahabatan kita ini apalah jua kiranya Kementerian Pendidikan menambah

bantuan-bantuan ini dan saya harap perkhabaran ini akan didengar oleh pengundi saya di Sri Gading. Terima kasih Tun.

Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Jeli.

**5.06 ptg.**

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum wārahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Dewan sekalian.

Di dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di penutup ucapan beliau ada menekankan beliau mengharapkan supaya ahli-ahli Dewan Negara dan juga ahli-ahli Dewan Rakyat memainkan peranan mereka dengan bersungguh-sungguh, dengan penuh tanggungjawab terhadap negara, rakyat dan kestabilan negara itu sendiri. Bertolak kepada pesanan ini, penekanan ini maka izinkan saya untuk merujuk kepada satu firman Allah S.W.T dalam surah Al-Asr ayat 4 dan 5 yang berbunyi *[Membaca sepotong ayat Al-Qur'an]* Yang bermaksud; pesan berpesanlah kamu, ingat mengingatlh kamu kepada kebenaran dan ingat mengingatlh kamu kepada kesabaran dalam menjalankan kebenaran tersebut.

Sebab itu saya menyeru kepada diri saya dan ahli-ahli Dewan sekalian supaya kita melihat peluang yang diamanahkan oleh rakyat kepada kita, satu peluang untuk melihat keadaan bukan hanya rakyat yang tempat kita wakili bahkan rakyat di seluruh negara kita mendapat manfaat atas kesungguhan kita bekerja. Ini dapat dirujuk daripada firman Allah S.W.T dalam surah Al-Furqan *[Membaca sepotong ayat Al-Qur'an]* Yang bermaksud; dan orang-orang yang apabila diberi amanah kepada mereka, diberi kepimpinan kepada mereka, diberi tanggungjawab kepada mereka, mereka melaksanakan tanggungjawab dan kepimpinan ini dengan bersungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua dan teman-teman ahli Dewan sekalian. Kebanyakan dan rata-rata kita mendengar teman-teman dari UMNO dan Barisan Nasional menuduh kami daripada PAS dan Barisan Alternatif sebagai pemecah kepada perpaduan negara dan masyarakat. Ini merupakan satu tuduhan yang tidak dibuat kajian yang mendalam. Sesungguhnya bila mana Presiden PAS semasa diajukan oleh Presiden UMNO untuk mengadakan pertemuan tetapi Presiden UMNO hanya mengehendkan pertemuan tersebut kepada perpaduan Melayu semata-mata tetapi

oleh kerana berpandangan jauh Presiden PAS maka beliau menganjurkan supaya pertemuan ini janganlah hanya tertakluk kepada perpaduan Melayu semata-mata tetapi hendaklah merangkumi perpaduan nasional.

Berpandangan jauh ini ada asas-asas sejarahnya. Ada kena mengena dengan faktor-faktor sejarahnya umpamanya pada sebelum merdeka, peristiwa Natrah masih lagi segar dalam ingatan rakyat Malaysia dan rakyat Singapura bila mana Natrah telah dikristiankan kembali, menyebabkan berlaku satu pertumpahan darah yang mengorbankan banyak nyawa di Singapura. Pertumpahan darah ini adalah antara orang Melayu dengan orang-orang Inggeris. Kemudian pada tahun 1969, sekali lagi berlaku satu perkara yang memang kita tidak ingin ia berlaku tetapi berlaku satu lagi pertumpahan darah pada 13 Mei 1969 di antara orang-orang Melayu dan orang-orang Cina yang mengorbankan ramai nyawa. Tetapi yang anehnya, yang peliknya, kenapa Kelantan yang diwakili oleh PAS yang kononnya dituduh sebagai pemecah perpaduan, tidak ada seorang pun kawan-kawan kita dari bangsa Cina yang mati dibunuh dan sebagainya. Begitu juga di Terengganu yang mana PAS kuat tetapi tidak ada seorang pun teman-teman kita daripada bangsa Cina yang mati dibunuh.

Ini menunjukkan bahawa Islam tidak pernah menganjurkan kepada kekerasan. Islam tidak pernah menganjurkan kepada pergaduhan dan perbalahan. Sehubungan dengan itu Allah S.W.T telah menunjukkan dalam firmanNya [*Membaca sepotong ayat Al-Qur'an*] Yang bermaksud; wahai manusia, Aku jadikan kamu lelaki dan perempuan berbangsa-bangsa, berpuak-puak supaya kamu saling kenal mengenal di antara satu sama lain, supaya kamu dapat berbaik di antara satu sama lain.

Sebab itu kita melihat bahawa selepas 1969, berlaku pula pada tahun 2001. Di celah-celah kerajaan menyatakan bahawa perpaduan negara kita adalah yang terbaik di dunia sebagai model ikutan bagi masyarakat dunia bila mana tidak pernah berlaku perkara-perkara pertumpahan darah di antara satu kaum dengan satu kaum tetapi lihat apa yang berlaku di Kampung Medan. Berlangsung pula pertumpahan darah di antara bangsa Melayu dengan teman-teman kita beragama Hindu yang mengorbankan beberapa nyawa. Tetapi, apakah kita hendak menafikan, setakat umur saya 40 tahun saya tidak pernah mendengar sekalipun berlaku pertumpahan darah antara Melayu sesama Melayu, antara orang Johor dengan orang Kelantan, antara orang Terengganu dengan orang Kelantan walaupun mereka bergaduh

selepas melihat perlawanan bola sepak. Tetapi, kita tidak pernah bergaduh. Sebab itu kita melihat bahawa perpaduan yang ada di antara kaum hari ini adalah satu perpaduan yang rapuh pada hakikatnya.

Kita sebagai seorang *business* peniaga, kita dapat dengar rintihan, luahan di kalangan rakan-rakan kita bahawa perpaduan yang kita ada ini hanya seolah-olah sebagai satu fata morgana. Hakikat di bawah itu cukup meruncing. Sebab itu kerajaan hendaklah mencari formula dan formula ini janganlah bersifat sementara tetapi biarlah formula ini yang berakar umbi di dalam jiwa dan sanubari tiap-tiap rakyat sama ada mereka bangsa Melayu, sama ada mereka bangsa Cina, sama ada mereka bangsa India di tanah air kita, di Malaysia kita yang tercinta termasuk juga Iban dan termasuk juga saudara kita berbangsa Kadazan di Sabah. Sebab itu saya tidak pelik. Hari ini saya bercakap pada 27 Mac, 2001. Saya tidak pelik kalau sekiranya selepas ini akan berlaku oleh ekor peristiwa-peristiwa yang tidak begitu besar, peristiwa-peristiwa kecil tetapi akan merebak sebegitu cepat sehingga boleh mengorbankan nyawa pelbagai puak etnik yang berada dalam negara kita.

Saya kebetulan sempat ke Brazil pada tahun sudah. Saya melihat dan saya cukup kagum dengan masyarakat Brazil. Mereka berkulit hitam pun ada, berkulit koko sawo matang pun ada, berkulit putih pun ada. Bila ditanya kepada mereka, kami adalah orang Brazil tanpa mengira warna kulit masing-masing. Tetapi kalau di Malaysia, kita masih mengidentifikasikan kita kepada bangsa-bangsa. Ini menunjukkan perasaan kepuakan itu masih ada. Sebab itu kerajaan harus melihat perkara ini dengan serius supaya peristiwa yang berlaku, peristiwa Natrah, peristiwa yang berlaku pada 13 Mei, peristiwa yang berlaku di Kampung Medan tidak berulang lagi walaupun faktor-faktor sampingan yang berlaku di Kampung Medan adalah juga kerana kemiskinan yang diabaikan oleh kerajaan di celah-celah bangunan-bangunan elit yang mengelilingi suatu perkampungan yang telah lama wujud di celah-celah bandar Sunway, di tengah-tengah Subang Jaya ada lagi kampung yang ditinggalkan oleh kerajaan walaupun mereka ini adalah penyokong-penyokong kuat UMNO dan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga ada menyentuh fasal globalisasi. Rata-rata di merata-rata tempat semua orang bercakap tentang globalisasi tetapi bilamana kita menyebut globalisasi, maka kita tidak boleh pisahkan ayat globalisasi dengan AFTA dan juga dengan WTO. Persoalannya, apa kunci kepada AFTA? Apa kunci kepada WTO? Kunci kepada AFTA, kunci kepada

WTO adalah keadilan. Sama ada keadilan dari sudut perniagaan, keadilan dari sudut mendapat peluang maklumat, keadilan dalam serba-serbi. Itulah kunci kepada globalisasi itu sendiri. Sememangnya semua orang cinta dan rindukan keadilan. Tidak ada orang yang tidak suka kepada keadilan. Sebab itu mungkin baru-baru ini kerana tema 'Keadilan' lah, maka Barisan Alternatif telah mendapat kerusi yang besar sehingga tidak pernah berlaku dalam sejarah pilihan raya tanah air sebelum ini.

Itu kita melihat keadilan di peringkat antarabangsa tetapi marilah kita menoleh ke dalam negeri kita. Apakah globalisasi yang kita cuba terapkan di peringkat antarabangsa? Wujud perkataan 'Keadilan' dalam negara kita. Apa yang saya perhatikan Tuan Yang di-Pertua, bukan keadilan yang kita jumpa tetapi diskriminasi yang kita jumpa. Diskriminasi ini bermula di peringkat kampung lagi. Peringkat desa-desa, kita tahu penduduk-penduduk desa ilmu pengetahuan mereka, taraf pendidikan mereka bukannya tinggi oleh kerana perkara-perkara kecil sudah boleh menyebabkan berlaku perpecahan masyarakat di peringkat-peringkat desa walaupun masih jauh daripada peringkat pertumpahan darah.

Umpamanya satu perkara yang saya hendak tegur kerajaan supaya faham bahawa biar ada beza antara parti politik dengan kerajaan. Mana-mana parti politik sebelum dia jadi kerajaan dia boleh menggunakan lambang parti politik tetapi bilamana mereka menjadi kerajaan mereka sepatutnya tidak lagi mengguna lambang parti politik. Sebab itu faktor di antara kita lihat pertama sekali kerajaan mulai hari ini hendaklah sedar dan hentikanlah mengeluarkan baja-baja yang berlambang dacing. Sepatutnya lebih afdal, lebih baik kalau baja-baja itu menggunakan lambang negara kita Malaysia, lambang di mana lambang Parlimen itu sendiri lambang negara kita sendiri. Itu lebih adil, kerana apa? Rakyat adalah naungan negara Malaysia, bukannya rakyat di bawah naungan mana-mana parti.

Kalau sudah di peringkat kampung kita tanamkan bibit-bibit perpecahan di mana kita kemukakan kepada rakyat ini baja UMNO bagi, Barisan Nasional bagi. Hakikatnya baja itu bukan Barisan Nasional atau UMNO yang bagi. Baja ini adalah dikeluarkan oleh negara kita Malaysia atas wang rakyat yang membayar cukai sama ada mereka orang PAS, sama ada mereka orang UMNO, orang tidak berparti, semua terpaksa membayar cukai. Jadi, wang-wang tersebutlah dikumpulkan di dalam dana kerajaan untuk membeli baja-baja tersebut. Jadi, mulai hari ini saya cadangkan demi hendak melihatkan kesungguhan dan keseriusan kerajaan dalam

hendak menyatakan perpaduan tersebut, hentikanlah mengeluarkan baja cap dacing tetapi digantikan dengan baja cap lambang Malaysia, itu yang pertama.

Yang kedua, kita lihat di mana umpamanya biasiswa-biasiswa, pinjaman-pinjaman TEKUN, pinjaman-pinjaman ASN, pinjaman-pinjaman ASB walaupun kerajaan cuba menafikan di sini tetapi hakikatnya berlaku di kampung-kampung yang dipilih sama ada mereka itu tidak layak tetapi yang dipilih adalah mereka yang menyokong UMNO dan Barisan Nasional. Kalau ini diteruskan, kalau ini dibiarkan berterusan, maka yang rugi bukannya siapa tetapi bangsa-bangsa Melayu yang duduk di kampung-kampung.

Begitu juga kalau selama 25 tahun Kerajaan Pusat sentiasa memberi peruntukan, royalti kepada negeri Terengganu selama 25 tahun tanpa ada sekatan walaupun setahun tetapi dengan tidak semena-mena..... *[Disampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Sri Gading bangun.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Sikit sahaja. Dengan tidak semena-mena apabila UMNO dan Barisan Nasional dikalahkan atas keputusan dan kehendak rakyat terutama rakyat Melayu yang melebihi 90% di Terengganu, maka royalti telah ditukar dengan bahasa yang baru yang saya takrifkan sebagai malapetaka bahasa ditukarkan royalti dengan 'ehsan'. Ini Selangor Darul Ehsan sudah jadi Terengganu Darul Ehsan pula dah. Sekian. Silakan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Jeli. Tentang bantuan, kalaulah yang UMNO itu pun memang layak, apa masalahnya? Jadi, tidak patut Yang Berhormat bangkitkan bantuan kepada yang layak. Kebetulan dia UMNO, jadi dia layak menerima. Jadi, apa masalahnya?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Oleh kerana ayahanda Sri Gading baru masuk, dia tidak faham. Dia tidak ikut perkembangan. Inilah sengaja hendak wujudkan suasana meruncing dalam Dewan ini. Yang dikatakan kita tidak kisah. Sesiapa yang susah, hatta UMNO, hatta PAS, hatta tidak berparti, bantulah dia pasal kita bercakap tentang perpaduan. Tetapi kalaulah yang susah itu UMNO sahaja yang dibantu ataupun yang tidak susah UMNO sahaja yang dibantu sedangkan orang PAS, orang tidak berparti tidak dibantu, maka inilah punca-punca perpecahan di peringkat kampung. Ini taraf pendidikan kampung ini tidak tinggi.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Sila, sila.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya. Yang Berhormat bagi Jeli dapatkah bantuan semasa sekolah dahulu? Scholarship atau apa-apa? Itu sahaja.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih. Ini pun salah seorang guru saya. Saya selalu ikut kursus-kursus Yang Berhormat Timbalan Menteri ini. Semasa di UTM, tahun dua dan tahun tiga, saya selalu ikut kursus yang dianjurkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Sememangnya mana-mana kerajaan, kita sudah baca ayat tadi, "Bila mana kamu diberi amanah (tanggungjawab) hendaklah kamu laksanakan tanggungjawab dengan bersungguh-sungguh". Adalah tidak adil bagi kerajaan sekiranya mereka mengutip cukai daripada rakyat. Sudah ada satu dana yang cukup besar, tiba-tiba sampai peringkat hendak beri biasiswa, hendak main pilih-pilih. Tidak boleh. Siapa yang cerdik, berilah biasiswa. Jadi, saya kebetulan datang daripada Maktab Rendah Sains MARA, memang tempat cerdik.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Terima kasih.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Pergi pula UTM, memang tempat cerdik juga.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Terima kasih lah, dapat bantuanlah. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih. Tetapi bukan hanya Kerajaan Pusat, Kerajaan Kelantan pun beri biasiswa, YAKIN. Kerajaan Terengganu pun beri biasiswa. Pokok pangkalnya kalau ada wang, kita tidak kira parti mana kamu, kamu dibenarkan untuk dapat biasiswa walaupun kamu apa bangsa, apa parti sekali pun. Persoalan sekarang ini, itu hak kerajaan untuk membantu rakyat. Cuma persoalan ini, jangan pilih bulu. Itu sahaja. Itu di peringkat kampung.

Jadi, sekarang kita pergi ke peringkat perniagaan korporat. Kalau dahulu, mula-mula kita ada lebih daripada 30 bank. Kemudian kerajaan atas cadangan Menteri Kewangan hendak menghadkan kepada enam bank, walaupun Menteri Kewangan dahulu mengatakan bagaimana kalau kita wujudkan bank dalam bentuk dua peringkat. Tier one punya bank dan yang lain bukan tier one. Tier one' ini maknanya paid up capital, modal berbayarnya melebihi RM1 bilion. Jadi, setidaknya bank tier one ini dia akan uruskan (handle) pelanggan-pelanggan yang

besar. Tetapi yang non-tier one ini akan menguruskan orang-orang kecil macam-macam kita kecuali beberapa orang yang memang millionaire di sini.

Jadi, bila mana tier one ini dia akan bersaing di peringkat antarabangsa. Bukan tier one ini untuk rakyat jelata yang baru, pengusaha-pengusaha kecil yang modalnya RM10 ribu atau RM20 ribu. Sekarang ini kalau bank sudah digabungkan menjadi enam ataupun sekarang ini sepuluh dan kemungkinan jangan panik, akan jadi sebelas. Bank Utama sudah hampir pasti akan dapat selepas ini. Ini yang akan kita tengok selepas ini. Jangan cuba sembunyi, Bank Utama akan dapat selepas ini. Akan jadi sebelas anchor bank.

Jadi, sekarang kita lihat yang bahayanya bank yang kecil ini, dia akan jadi satu cartel yang mudah. Satu pakatan yang mudah. Yang menjadi mangsa ialah peniaga-peniaga kecil. Peniaga-peniaga besar memang semua orang bersaing untuk merebut peniaga-peniaga besar. Itu biasa dalam perbankan.

Jadi, sekarang ini saya hendak beritahu, bila mana Menteri Kewangan mencadangkan enam bank pada tahap awalnya. Kemudian atas desakan Rashid Husin, atas desakan Tan Sri Azman Hashim dan atas beberapa desakan yang lain, sehingga Perdana Menteri telah membuat arahan, walaupun dimarah oleh Menteri Kewangan, kita tengok artikel-artikel antarabangsa ada menceritakan dimarah oleh Menteri Kewangan menjadikan bank anchor kepada sepuluh. Maka, terselamatlah pada satu ketika, Rashid Husin. Terselamatlah pada saat ini, Tan Sri Azman Hashim. Kedua-dua ini adalah orang Melayu. Minta maaf, teman-teman berbangsa Cina. Saya beritahu, ini realiti yang berlaku di tanah air kita.

Kedua-dua ini berbangsa Melayu tetapi apa yang akan berlaku pada Rashid Husin selepas ini? Apa yang akan berlaku kepada Azman Hashim selepas ini? Inilah model-model orang Melayu yang boleh membuktikan kemampuan mereka berniaga di peringkat korporat. Tetapi Tan Sri Rashid Husin telah disusahkan kehidupannya untuk mengawal Bank RHB walaupun dia menawarkan balik kepada Dana Modal untuk membayar balik pinjaman Dana Modal dengan memberi keuntungan 38%.

Jadi, kita tidak mahu. Sebab itu kita bercakap tentang perpaduan. Kita bercakap tentang globalisasi tetapi globalisasi itu tidak kita terapkan dalam peringkat negara kita. Ini yang kita tidak setuju. Sila, sila Timbalan Menteri.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Yang Berhormat bagi Jeli, yang pertama saya hendak penjelasan. Kata tadi Rashid Husin disusahkan oleh kerajaan. Susah macam mana? Terima kasih.

Satu lagi yang disebut oleh Yang Berhormat juga, Yang Berhormat pun ahli perniagaan, jangan hendak mengatakan kerajaan tidak pernah menolong Yang Berhormat juga. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih atas soalan itu. Saya jawab soalan nombor dua dahulu. Saya sentiasa diperli oleh bekas guru saya dari Rompin, mengatakan saya salah seorang yang dapat projek KLIA. Saya beritahu nilai projek KLIA ialah RM9 bilion. Saya buat penjelasan di sini kerana ia melibatkan peribadi saya. Nilai projek KLIA lebih dari RM9 bilion yang sebenarnya, RM10 bilion. Saya hanya dapat projek RM4 juta daripada RM9 bilion. Itu pun sebelum Januari 1999. Saya dapat projek itu pada tahun 1998 tetapi sekarang ini syarikat saya, syarikat bumiputera yang terbesar sudah mendapat kosong projek daripada kerajaan sehingga hari ini. Kosong! Kosong!

Walaupun syarikat saya syarikat bumiputera yang terbesar, saya beritahu, dedah dalam Dewan. Saya tidak tahu sama ada menyalahi peraturan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau salah, saya minta tarik balik. Daripada tahun 1999 hingga 2000, tidak pernah ada apa saya dapat daripada kerajaan tetapi oleh kerana saya fikir bahawa berdasarkan kepada "watawa saubil haq, watawa saubis sabr", maka saya kena teruskan juga untuk sama-sama. Yang penting bukan diri saya. Yang penting kita semua rakyat jelata supaya kita tidak dimarahi oleh rakyat sepuluh atau dua puluh tahun akan datang. Itu yang penting sebenarnya.

Macam juga Rashid Husin. Saya tidak tahu apa lagi hendak cakap. Kita sudah membaca jurnal-jurnal, bahkan *The Sun* sebelum diambil balik oleh Vincent Tan. Sekarang sudah diarahkan Vincent Tan menggunakan wang Dana Modal untuk mengambil balik *The Sun*. Dahulu *The Sun* banyak menceritakan tentang masalah yang dihadapi oleh Rashid Husin. Bahkan dia sudah beberapa kali menyatakan bahawa dia mungkin selepas ini akan menjadi stock broker balik. Bank dia akan terlepas. Dan secara peribadi pun, sudah disampaikan mesej ini kepada kita.

Jadi, tolonglah bagi kesempatan kepada mereka yang telah berjaya selama ini, oleh kerana tidak sehaluan dengan kroni, maka disisihkan. Saya fikir itu tidak

cantik. Walaupun kita orang PAS tidak dapat, tidak apa. Tetapi bagilah orang Melayu yang tidak kroni pun dapat.

Seperti mana juga dalam Dewan ini, umpamanya, saya tidak tahu atas alasan apa. Semakin hari semakin banyak Senator yang menjadi Menteri. Di mana letak Ahli-ahli Parlimen? [Tepuk] Yang Berhormat bagi Sri Gading telah bercakap begitu lantang. Semua, sehinggakan banyak teman-teman Ahli Parlimen yang juga Ahli Parlimen kena alih kerusi. Sekejap-sekejap kena alih kerusi. Makin hampir dengan kami. [Ketawa] Macam itu mari sinilah senang. [Tepuk] [Sorak] Boleh duduk sekali. [Ketawa] Tengok ayahanda Tun pun senyum juga. Jadi, sekarang ini kita bercakap. [Disampuk]

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, teman-teman Ahli Parlimen sekalian. Sekarang ini, kalau dahulu kita berbangga dengan dasar penswastan negara tetapi bagi saya, setelah diamati satu persatu, kita lihat satu demi satu dasar penswastan negara yang menemui kegagalan. Umpamanya, di mana PERWAJA sekarang? Negara telah berbelanja lebih daripada RM10 bilion tetapi sekarang PERWAJA masih belum lagi waja. Kita tidak tahu di mana akhirnya PERWAJA.

Di celah-celah kita mengenakan cukai kepada barangan-barangan besi yang tinggi demi hendak menyelamatkan industri besi negara, tetapi kita sedarkah apabila AFTA ada nanti, apabila WTO ada nanti, lagi sukar untuk kita menghidupkan dan memulihkan PERWAJA. Kita difahamkan dalam beberapa bulan, mengikut maklumat yang diberi oleh Timbalan Menteri dalam sesi Belanjawan yang lepas, sepatutnya CDRC sudah memberi maklumat sekarang ini apa status PERWAJA? Apakah ia mampu dipulihkan atau tidak mampu dipulihkan? Takkanlah sampai begitu lama, sampai sekarang tidak siap-siap lagi.

Sepatutnya keputusan sudah boleh dikeluarkan. Sudah berapa bulan boleh dikeluarkan bahawa ianya *non-viable* dan kita lupuskan, kita jualkan PERWAJA. Tetapi apa boleh buat, kita sudah tidak boleh. Sekarang ini, semenjak selepas pilihan raya yang kesepuluh baru-baru ini, dahulu kerajaan inject, masukkan modal RM1.7 bilion pada 1999. Baru-baru ini, kerajaan inject lagi RM2.33 bilion. Tahun ini kita tengoklah, kerajaan terpaksa inject lagi. Sampai bila? Inject lepas inject, inject lepas inject, inject. Inject ini bukan duit siapa, duit rakyat. Itu yang pertama.

Yang kedua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Yang Berhormat ada lima minit sahaja lagi.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Lima minit? Tidak apa, insya-Allah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Esoklah, Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Lima minit, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Esok.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Okay, okay, insya-Allah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***

Mac 2001

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tajah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- “ Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Bung Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- Yang Berhormat Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam binHaji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)

- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- ” Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- ” Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- Yang Berhormat Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- ” uan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- ” Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- ” Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)

	“	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
Yang	Berhormat	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
	”	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
	“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
	“	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
	“	Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
	“	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
	“	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
	“	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
	“	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
	“	Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
	“	Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
	“	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
	“	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
	“	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
	“	Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
	“	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
	“	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
	“	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
	“	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
	“	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
	“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
	“	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
	“	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
	“	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
	“	Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
	“	Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
	”	Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
	”	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
	“	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
	“	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
Yang	Berhormat	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
	”	Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
	“	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

**DEWAN RAKYAT**

**PEGAWAIPEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**

Roosme binti Hamzah  
Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Salamat  
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**JURUBAHASA SERENTAK**

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed  
Paizah binti Sallehudin

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

---

**Jilid III**

**Bil. 4**

**Selasa**

**27 Mac 2001**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN  
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG  
DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

(Halaman 21)

**USUL:**

- Menjunjung Kasih Titah Ucapan  
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
– *Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)*

(Halaman 22)

